

[Dokumen ini belum disemak]

## DEWAN RAKYAT

### PARLIMEN KESEBELAS PENGGAL KEDUA MESYUARAT KEDUA

---

---

Bil. 34

Khamis

7 Julai 2005

---

## K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)**

- Kenyataan CEO Proton Bahawa Dasar Kerajaan Menjejasikan Syarikat Dipertahankan oleh Penasihat Proton.  
- Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) (Halaman 26)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 (Halaman 28)

**USUL:**

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3) (Halaman 136)

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

**PTPTN – Pelbagai Isu Berbangkit**  
- Y.B. Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) (Halaman 137)

**Prosedur Tuntutan Kecil Di Mahkamah**  
- Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) (Halaman 144)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
Khamis, 7 Julai 2005  
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi  
DOA**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perubahan dasar dan langkah-langkah yang akan dilakukan kerajaan untuk menghapuskan tiga tabiat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri katakan akan menghalang kemajuan negara, iaitu bergantung kepada pekerja asing, subsidi dan hubungan dengan orang-orang politik.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya kepada Kelab Harvard Malaysia pada 5 Mei 2005 telah menggariskan cabaran-cabaran utama yang perlu diatasi serta menghuraikan tabiat-tabiat yang perlu dikikis agar dapat meningkatkan daya saing negara dalam usaha untuk mencapai taraf negara maju.

Dari segi mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing langkah pertama yang telah diambil ialah dengan merangka dasar yang menjelaskan pendirian tegas kerajaan untuk mengurangkan pergantungan tersebut terutamanya pergantungan kepada golongan pekerja asing kurang mahir. Pendirian ini dibuat untuk mengelakkan kesan-kesan sosial ekonomi yang negatif berkaitan pekerja asing seperti pergantungan keterlaluan oleh industri pengiriman wang yang banyak ke luar negara serta peningkatan gejala sosial dan masalah jenayah.

Kerajaan ingin mengawal pergantungan kepada pekerja asing sebelum masalah-masalah tersebut menjadi terlalu rumit dan sukar untuk diatasi. Dalam konteks ini kerajaan telah menggalakkan penggunaan kaedah-kaedah berteknologi tinggi serta proses-proses yang mengautomasikan pengeluaran agar dapat mengurangkan

pergantungan kepada pekerja asing. Misalnya dalam industri pembinaan, kerajaan telah pun menawarkan beberapa insentif kepada sektor pembinaan untuk melaksanakan IBS (*Industrialized Building System*) dan juga semalam kita telah dimaklumkan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Jemaah Menteri yang telah pun menaikkan beberapa levi terhadap pekerja asing dalam sektor-sektor tertentu. Itu antara perkara yang telah diambil tindakan.

Dalam pada itu kerajaan juga telah mengurangkan subsidi petrol dan diesel bagi mengurangkan pergantungan rakyat kepada subsidi. Dalam hal ini kerajaan telah menawarkan beberapa insentif yang menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui serta penggunaan tenaga secara lebih optimum. Pendekatan sebegini berpotensi untuk mengurangkan lagi keperluan tenaga yang berasaskan petrol dan diesel dan dengan itu mengurangkan lagi kebergantungan kepada subsidi. Subsidi ini juga bukan sahaja *literal subsidy* tetapi *mental subsidy* juga merupakan satu perkara yang ditekankan. Sebab itu kita juga sekarang ini menekankan merit dalam kaedah kita untuk menghantar pelajar ke luar negara ataupun tempat-tempat di dalam negara di institut pengajian tinggi tanpa menjejas dasar yang ada sekarang ini.

Sebagai penjelasan, tabiat ketiga yang telah dihuraikan ialah aktiviti *rent seeking* dan bukannya hubungan dengan orang-orang politik semata-mata sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Aktiviti *rent seeking* yang dikatakan ini meliputi aktiviti yang menggunakan rangkaian serta pengaruh untuk memperoleh peluang-peluang komersial tanpa usaha untuk menambah nilai.

Usaha kerajaan dalam menangani masalah ini adalah dengan mengutamakan pihak-pihak yang sahih serta berkeupayaan dalam memenuhi peluang-peluang perniagaan yang ditawarkan terutamanya melalui proses tender yang telus dan ketat. Dalam hal ini BPR juga telah diberikan kebebasan untuk mereka mengambil tindakan di atas aduan yang mereka dapati dan juga dengan adanya Institut Integriti Malaysia yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan PIN. Ini juga usaha kita untuk menghapuskan pengaruh politik dalam apa-apa hal yang diperlukan dalam negara kita ini.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini kalau kita mengakui mendapati masalah seperti ini jadi kita dapat mengatasinya. Ini adalah satu

langkah yang baik. Soalan tambahan ialah mengenai pergantungan kepada pekerja asing. Negara-negara seperti Singapura, Taiwan, mungkin Amerika Syarikat dan banyak lagi mereka juga bergantung kepada pekerja asing. Mengapa negara-negara seperti ini jiran sahaja Singapura tidak menghadapi masalah seperti kita yang banyak pekerja asing yang tanpa permit.

Jadi saya rasa bukan salahnya kalau kita bergantung kepada pekerja asing asalkan kita boleh menguruskan dengan baik seperti Singapura. Apakah sebabnya kita tidak dapat menguruskan pekerja asing ini dengan berkesan dan baik. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Pertamanya kalau kita bandingkan di antara kita, Singapura dan Taiwan, Taiwan dan Singapura mudah untuk mengawal kawasan sempadan mereka, sukar untuk dibolosi. Taiwan satu pulau sahaja. Jadi pusing itu susah orang hendak masuk. Tapi sempadan Malaysia daripada Perlis, Kelantan sampai ke Tawau satu kawasan yang luas dan sempadan maritim kita begitu luas dan senang dibolosi oleh mereka yang mahu masuk.

Kemudian pula nombor dua, setengah daripada mereka menganggapkan Malaysia ini sebuah negara yang aman, sentosa dan menarik perhatian mereka melihat iaitu bahawa di Malaysia tidak ada apa-apa masalah dan mereka berminat untuk datang. Disabitkan oleh kerana di negeri asal mereka itu dikenakan pelbagai sekatan dengan bayaran yang begitu tinggi mereka hendak keluar bekerja, maka ini menyebabkan mereka datang begitu ramai dengan secara haram. Secara kebetulan guna tenaga ini terdiri daripada warga-warga yang datang daripada negara jiran kita yang lebih miskin daripada kita. Inilah sebab mengapa kita menghadapi masalah jika dibandingkan dengan Singapura dan juga Taiwan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Persoalan saya di sini yang pertama motif soalan ini kerana motif ini pekerja asing, subsidi dan hubungan dengan orang-orang politik. Jadi saya tidak faham dengan hubungan dengan orang-orang politik ini dalam surat khabar tidak ada. Perdana Menteri tidak ada mengatakan jangan berhubungan dengan orang-orang politik. Tapi ada soalan. Saya tidak tahu dari mana DAP dapat soalan ini.

Yang pertamanya, soalan tambahan pun mengatakan banding dengan jiran-jiran seperti Singapura. Mungkin DAP ini kiblatnya Singapura.

**Seorang Ahli:** Lagi, lagi. Sambung, sambung.

**Puan Chong Eng:** Soalan! Soalan!.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Bukan, sebelum saya mengemukakan soalan, saya mesti mahu *highlight* dahulu apa yang saya fikir. *Highlight* dahulu. Singapura ini Tuan Yang di-Pertua, dia satu pulau kecil macam Pulau Labuan sahaja.

**Puan Chong Eng:** Suruh Menteri jawab!

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Dibandingkan dengan kita di sini pembangunankah, keselamatankah, kita besar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jadi Menteri dahululah!

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Inilah DAP. Kalau kita cakap yang benar dia kata ini tidak baiklah, tidak betullah. Tapi kalau mereka cakap yang karut, orang boleh terima. Jadi saya mahu tanya kepada Menteri di jabatan Perdana Menteri yang saya tahu hubungan dengan orang-orang politik ini Perdana Menteri tidak pernah cakap pun. Jadi ini direka-reka. Cuba minta Menteri jelaskan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, di peringkat awal jawapan saya, saya sebut tentang ucapan Perdana Menteri di Kelab Harvard Malaysia. Jadi di situ Perdana Menteri memang ada menyebut berkenaan dengan hubungan dengan orang politik.

*[Tepuk]*

Jadi itulah yang telah dirujukkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam. Yang kedua, saya ingat kita tidak perlu marah. Saya rasa kalau Bukit Mertajam banding kita dengan Papua New Guinea saya marahlah. Tapi dia banding kita dengan Singapura. Maknanya *competition* itu bagus, ya. Jadi sebab itu kalau dia membandingkan kita dengan Singapura bermakna dia sendiri menganggap standard Malaysia itu adalah tinggi.

**Puan Chong Eng:** Ya!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Oleh sebab itu tidak marahlah. Tapi kalau dengan negara Papua New Guinea saya marah sebab itu betul-betul rendah punya negeri itu.

2. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah kedudukan kongsi gelap di negara kita memandangkan baru-baru ini, surat khabar ada menyiaran berita tentang satu upacara pengebumian seorang ketua kongsi gelap di Taiwan yang telah dihadiri oleh beribu-ribu orang termasuk ketua kongsi gelap dari luar negeri.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:**

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya keadaan kongsi gelap di Malaysia adalah terkawal. Walau bagaimanapun pihak polis akan sentiasa memantau kegiatan kongsi-kongsi gelap yang ada di seluruh negara dan jika didapati kegiatan mereka boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam, pihak polis tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tugas di sisi undang-undang termasuklah menggunakan ordinan darurat iaitu ketenteraman awam dan mencegah jenayah 1969.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan upacara pengebumian seorang ketua kongsi gelap di Taiwan yang dihadiri oleh beribu-ribu orang ahli kongsi gelap termasuk dari luar negara seperti yang disiarkan di dalam akhbar-akhbar cina tempatan baru-baru ini pihak Polis Diraja telah sedia maklum atas perkara ini dan hal ini tidak terdapat maklumat yang menunjukkan bahawa ahli-ahli kongsi gelap dari Malaysia ada menghadiri upacara pengebumian tersebut. Apa jua yang berlaku, kerajaan percaya ianya tidak memberi sebarang kesan terhadap keselamatan negara. Sekian terima kasih.

**Dato' Goh Siow Huat [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya, di Malaysia ada berapa kongsi gelap yang besar. Sekian.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, definisi kongsi gelap yang besar atau kecil mengikut klasifikasi dan berapa yang dikesan inilah yang di dalam statistik kita. Tetapi setakat ini saya tidak dapat memberi maklumat. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan soalan tambahan saya, tidak dinafikan peranan pasukan keselamatan kita khususnya polis amat berkesan dan mereka benar-benar bekerja untuk negara. Tetapi sejak akhir-akhir ini saya tengok di negara kita timbul satu kebimbangan, nampaknya di negara kita ada dua jenis kematian yang dilaporkan oleh

akhbar dan media setiap hari. Satu kemalangan jalan raya yang meragut nyawa tiap-tiap hari. Yang satu lagi pembunuhan oleh gengster atau kongsi gelap, perompak dan pencuri. Hari-hari kematian ini berlaku. Ini menimbulkan rasa ketakutan. Kita kata negara kita aman, mewah dan sebagainya. Jadi adakah pendekatan yang agak lebih serius hendak menangani masalah ini. Tanpa mempertikaikan keberkesanan pasukan polis kita tetapi adakah pendekatan. Hari-hari ada orang kena ikat, kena rompak, pecah rumah dan sebagainya. Lepas itu bunuh, takut. Semalam di Taiping. Adakah pendekatan yang agak lebih menjurus untuk membendung sebelum ia jadi wabak yang amat ditakuti di negara ini. Saya minta sedikit penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, kadar pembunuhan mengikut senarai *index* berbanding pada tahun 2003 dan 2004 lebih kurang sama iaitu lebih kurang 565 atau 568 kes bunuh. Untuk mengadakan satu pendekatan kita perlu memahami sebab-sebabnya berlaku kes pembunuhan kerana ada sebab yang kadang-kadang tidak dapat dilakukan kerana ada sebab kalau ikut statistik yang kita ada untuk tahun lalu iaitu tahun 2008. Kebanyakan kes bunuh adalah disebabkan pertengkaran di antara dua atau tiga orang dan sebagainya. Yang lain-lain di bawah sebab samun lebih kurang 85 kes dan kes sebab balas dendam pun ada lebih kurang 36 kes. Inilah sebab-sebabnya tetapi di bawah kongsi gelap sejumlah kes 568. Di bawah kongsi gelap Cuma ada 28 kes, lain-lain kes berkenaan dengan ‘along’.

Pada keseluruhannya terdapat bahawa kebanyakan kejadian kes ini adalah disebabkan pertengkaran, balas dendam dan sebagainya. Kalau dari segi aktiviti along, aktiviti kongsi gelap dan sebagainya boleh kita dapat maklumat dan kita boleh mengurangkan kes itu. Walau bagaimanapun, pihak Polis di-Raja Malaysia sentiasa mengambil tindakan yang begitu baik dan memenuhi segala maklumat termasuk kerjasama daripada pihak awam untuk mengurangkan kes-kes bunuh ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kalau kita dengar bukan sahaja kongsi gelap ini satu perkara yang sedia ada tetapi yang aneh ramai yang terlibat adalah dari anggota parti-parti politik. Baru-baru ini dikatakan MCA sendiri Ahli-ahli Parlimen pun dikatakan yang

mengetuainya. Adakah ini benar, kalau tidak adakah kerajaan sudi mengambil terhadap surat-surat khabar yang menyiarkan nama-nama pihak yang terlibat di antaranya macam Jackie Chan dan sebagainya. Juga kenapa bila pihak-pihak yang terlibat dalam kongsi gelap ditangkap di simpan di Simpang Renggam tiap-tiap kali baru-baru ini kerajaan sendiri mengakui ramai di antaranya telah dibebaskan oleh mahkamah. Apakah sebabnya dan adakah apa-apa pendekatan dan tindakan tegas diambil supaya perkara ini tidak berlaku.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan kemungkinan ada ahli-ahli politik yang terlibat dengan kongsi gelap dan dipercayai bahawa angka-angka ini tidaklah besar dan kita anggap ini besar kerana kes-kes ini di *highlight* kan. Parti-parti politik termasuk DAP kemungkinan ada ahli-ahli kongsi gelap ....

**Tuan M. Kula Segaran:** Ini niat jahat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Buktikan, buktikan.

**Tuan Chia Kwang Chye]:** Kalau, kalau, kalau .....

**Seorang ahli:** Duduk, duduk.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Kalau hendak tunjuk jari di mana satu jari tunjuk di luar dan empat jari tunjuk kepada kita. Jadi kita mesti ..... sebelum kita buat apa-apa tuduhan kita mesti ingat dahulu ye. Kalau sebutkan parti MCA tengoklah pula DAP, jangan kata tiada ahli kongsi gelap dalam DAP. Jangan tunjukkan macam ini. Yang kedua ialah kes-kes yang .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat. Bolehkah senaraikan nama-nama anggota DAP yang terlibat? Terima kasih.

**Puan Chong Eng:** Boleh, boleh.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya cabar.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Itu bukan Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang dibebaskan oleh mahkamah adalah satu proses kehakiman di negara kita di mana memang tertakluk di bawah undang-undang negara kita di mana orang yang ditahan boleh membawa kes secara *habeas corpus* dan banyak kes yang dilepaskan itu adalah kerana teknikal dan sebagainya. Itulah sebabnya. Sekian, terima kasih.

3. **Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat terhadap Malaysia; dan
- (b) apakah antara langkah-langkah yang diambil untuk menghadapinya.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Amerika Syarikat mencatat pertumbuhan sebanyak 44% pada tahun 2004 berbanding 3% pada tahun 2003. Sebuah negara maju seperti Amerika Syarikat kadar pertumbuhan ini boleh dikatakan kukuh. Oleh kerana pertumbuhan ekonomi tersebut jumlah perdagangan dua hala Malaysia-Amerika Syarikat bagi tahun 2004 telah meningkat sebanyak 17% ke RM148 bilion berbanding dengan RM126.6 bilion bagi tahun 2003. Jumlah eksport telah meningkat sebanyak 15.8% ke RM90.1 juta dan import telah mengalami peningkatan sebanyak 18.9% ke RM57.9 juta. Ini telah menghasilkan imbangan perdagangan yang memihak kepada Malaysia sebanyak RM32.2 juta. Bagi tempoh Januari hingga Mei 2005 jumlah perdagangan Malaysia-Amerika Syarikat adalah sebanyak RM61 bilion dengan eksport jumlah RM39.2 bilion dan import RM21.8 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, untuk terus perkukuh perdagangan dua hala dan meningkatkan pelaburan dari Amerika Syarikat langkah-langkah diambil termasuklah menubuhkan Majlis Bersama Ekonomi dan Perdagangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan Dan Pelaburan dengan izin *Trade Investment Framework Agreement* Malaysia-Amerika Syarikat yang telah ditandatangani pada 10 Mei 2004. Majlis Bersama ini merupakan forum dua hala untuk membincangkan langkah-langkah dan mengadakan program kerjasama yang bertujuan memudahkan dan menggalakkan aliran perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Amerika Syarikat dan menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan. Di antara lain bertujuan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi menarik bagi pelaburan, mengekal, memperkuuh dan memperluaskan pasaran eksport Malaysia di pasaran-pasaran utama, pasaran-pasaran berpotensi serta meneroka pasaran-pasaran baru.

Mempromosikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran barang di pasaran serantau dan global dan mempromosi eksport perkhidmatan, pembinaan, perkhidmatan runding cara, kesihatan, pendidikan dan pelancongan.

Bagi tahun 2005 kerajaan telah menganjurkan satu misi ke Amerika Syarikat di tempat-tempat Atlanta dan Houston dari 24 Februari hingga 3 Mac 2005 dan bercadang mengadakan satu lagi misi ke Amerika Syarikat iaitu Los Angeles, St. John dan Seattle dari 14 hingga 23 September 2005. Terima kasih.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tidak nafikan bahawa Amerika Syarikat merupakan negara perdagangan terbesar negara Malaysia yang mana kita melihat peningkatan jumlah perdagangan kalau kita bandingkan dengan 10 tahun RM58 bilion tahun 1994 sementara RM148 bilion tahun 2004 yang menunjukkan peningkatan 19%. Cuma soalan saya melihat kepada peningkatan faedah pinjaman negara Amerika yang mana 9 kali peningkatan 25 dipanggil *basic points* apakah persediaan kerajaan dalam menghadapi peningkatan faedah di negara tersebut apabila kemungkinan pengurangan eksport kita boleh berlaku. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengatakan bahawa dari segi pasaran dagang Malaysia sebenarnya bukan Amerika yang terbesar tetapi Asean, lebih besar sebagai satu rantau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, situasi sekarang adalah positif bagi Malaysia.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya. Kemudian mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan faedah di mana Yang Berhormat mengandaikan bahawa oleh kerana peningkatan kadar faedah yang tidak begitu banyak sebenarnya akan mengurangkan pengimportan barang daripada Malaysia. Kita tidak dapat membuat andaian tersebut kerana bidang yang kita terlibat adalah dalam bidang-bidang tertentu seperti *electrical, electronic, rubber-based products, wood-based products, clothing* yang kita percaya akan terus dibeli oleh Amerika Syarikat.

Di samping itu langkah-langkah yang telah saya nyatakan kita akan terus mempromosikan produk kita ke Amerika Syarikat dan sebagai langkah panjang kita

tidak melihat Amerika Syarikat sahaja sebagai pasaran kita sebaliknya kita juga melihat rantau-rantau lain yang juga melibatkan pertumbuhan. Dari segi negara kita dengan Amerika Syarikat kita ada *TIFA* seperti mana yang saya nyatakan tadi di mana kita berunding untuk mendapatkan access yang lebih luas di Amerika Syarikat di samping itu ke arah menuju adanya FTA dengan Amerika Syarikat pada satu masa setelah selesai rundingan.

4. **Tuan Billy Abit Joo @ Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Syarikat Malaysia terlibat dalam apa-apa aktiviti di Timur Tengah, dan jika ya, di negara mana. Adakah kerajaan menyimpan maklumat tentang jumlah rakyat Malaysia yang bekerja di Timur Tengah.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang dikemukakan ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa banyak syarikat Malaysia telah beroperasi di Timur Tengah dan mereka terlibat di dalam berbagai-bagai bidang perdagangan dan pelaburan. Di antara negara-negara di Timur Tengah di mana syarikat-syarikat Malaysia terlibat adalah di Arab Saudi, Bahrain, Emiriah Arab Bersatu, Iran, Jordan, Kuwait, Libya, Mesir, Qatar, Sudan, Turki dan Yaman. Boleh dikatakan penglibatan syarikat-syarikat Malaysia amat meluas dan berkesan oleh kerana pembangunan ekonomi yang pesat di negara-negara Timur Tengah dan syarikat-syarikat Malaysia mengambil peluang untuk mencari peluang pelaburan dan beroperasi perniagaan di luar negara kita.

Kerajaan Malaysia Tuan Yang di-Pertua, memang menyimpan rekod berkenaan dengan rakyat Malaysia yang bekerja di Timur Tengah lebih-lebih lagi kita menggalakkan mereka untuk berdaftar dengan kedutaan kita atau menubuhkan persatuan-persatuan di negara-negara tersebut.

Berkenaan dengan jumlah rakyat Malaysia yang bekerja di Timur Tengah ia adalah seramai 3,771 orang. Maklumat yang terperinci kalau dikehendaki boleh saya berikan secara bertulis. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat tentang ekoran daripada lawatan Yang

Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri baru-baru ini ke beberapa negara Arab. Ternyata bahawa negara-negara Arab begitu terbuka untuk menawarkan pelaburan kepada syarikat-syarikat Malaysia umpamanya negara Kuwait untuk menjadi pintu masuk kepada mana-mana syarikat Malaysia untuk membangunkan semula negara Iraq yang baru sahaja mengalami perang akibat keganasan Amerika.

Minta sikit pandangan Yang Berhormat, apakah sambutan daripada syarikat-syarikat tempatan kita ke atas tawaran selain daripada negara-negara yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi terutamanya negara Kuwait untuk membolehkan syarikat kita menembusi ke negara Iraq dan apakah jaminan keselamatan kepada syarikat-syarikat yang berminat. Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut. Lawatan yang dibuat yang diketuai oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri adalah satu lawatan yang telah mendapat sambutan dan mereka sentiasa menyebutkan bahawa lawatan ini akan dapat merapatkan lagi hubungan bukan sahaja dalam bidang politik tetapi dalam bidang-bidang yang lain di mana Malaysia mempunyai nama yang baik dan oleh itu kita memang melihat peluang-peluangnya banyak dan saya sendiri baru-baru ini telah berjumpa dengan menteri-menteri daripada Iraq.

Soalnya kalau kita hendak memasuki Iraq sekarang ia tertakluk kepada soal keselamatan, kalau keselamatan dapat dijamin dan kedudukannya adalah baik, Insya-Allah, syarikat-syarikat kita akan berupaya sama ada secara langsung atau melalui syarikat-syarikat di negara jiran Iraq untuk kita berbuat demikian. Kita sedang mengikuti dengan lebih dekat keadaan dan situasi di Iraq sebelum kita membuat keputusan muktamad. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti yang kita sedia maklum Yang Berhormat Menteri, Malaysia adalah Pengurus OIC, setakat inilah sejauh manakah kita memperdagangkan di antara negara-negara Islam dengan kita, ataupun *trade* di antara negara-negara Islam dengan negara-negara OIC bersama dalam negara OIC ini. Di samping itu juga, bolehkah Yang Berhormat beritahu saya, hari ini kita membeli alat-alat

kelengkapan ketenteraan banyak daripada Perancis dan Amerika dan juga negara-negara barat.

Apakah Yang Berhormat Yang Berhormat sedar bahawa negara Turki, Pakistan juga mempunyai alat-alat senjata yang canggih yang diiktiraf oleh NATO. Jadi, apakah kita tidak boleh berdagang sesama negara kita selain daripada kita mengadakan kontrak-kontrak dan juga pembangunan-pembangunan di negara tersebut. Di samping itu Yang Berhormat, saya minta sedikit penjelasan apakah bantuan kita kepada negara-negara Islam yang miskin dari segi usaha sama perniagaan contohnya cari gali minyak atau pun dan sebagainya yang dilakukan oleh Malaysia sebagai Pengerusi OIC. Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Haamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerai, soalannya merangkumi berbagai-bagai bidang tetapi saya akan cuba jawab setakat yang saya mampu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Berkennaan Malaysia sebagai Pengerusi OIC, keberkesanan Malaysia selaku Pengerusi OIC adalah daripada buktinya jelas apabila kita punya perdagangan dan pelaburan negara-negara yang menjadi negara ahli OIC telah meningkat dengan begitu tinggi sekali dan begitu juga standard-standard yang kita pakai, misalnya baru-baru ini di dalam Persidangan OIC di San'a Yaman, kita telah mengemukakan Malaysia sebagai satu halal *hub* untuk standard yang digunakan Malaysia sebagai satu standard yang sahih yang boleh diterima pakai oleh negara-negara OIC lain. Dan mereka sentiasa memandang tinggi dan kita tidak memperdagangkan sebagaimana Yang Berhormat mengatakan memperdagangkan mempunyai konotasi yang berbeza daripada berdagang. Jadi, kita berdagang dengan negara-negara.

Berkennaan dengan alat-alat ketenteraan Yang Berhormat, ini adalah berasaskan kepada keperluan dan spesifikasi dan tidak bermakna kita hanya tertumpu kepada negara-negara barat sahaja, kita ada mempunyai peralatan yang kita beli daripada Turki, daripada Pakistan ianya tidak diketepikan. Berkennaan usaha bagi menangani masalah kemiskinan di kalangan negara-negara Islam, Perdana Menteri kita telah pun

melancarkan satu program yang dinamakan Bina Upaya (*Capacity Building*) untuk dibantu dengan kerjasama Bank Pembangunan Islam (*Islamic Development Bank*) di Jeddah. Kita telah memulakan untuk buat rangkaian pertama untuk membantu negara-negara seperti Sierra Leone, Mauritania dan Mali.

Dan negara-negara ini macam Sierra Leone kita akan memberikan mereka khidmat pakar dalam bidang perladangan lebih-lebih lagi kelapa sawit. Dan kita telah bersetuju untuk memberikan mereka melalui program ini untuk menanam sebanyak 250 ribu benih kelapa sawit. Jadi, kita buat secara berterusan, Insya-Allah dengan itu kita dapat mengeluarkan negara-negara OIC daripada lembah kemiskinan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**[Soalan No.5 – Y B. Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) tidak hadir]**

**[Soalan No.6 – Y B Ir Shaari bin Hassan (Tanah Merah) tidak hadir]**

7. **Dato’ Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah usaha yang telah diambil untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam terutamanya di pejabat daerah dan majlis daerah; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menggabungkan kedua-dua pejabat daerah dan majlis daerah supaya menjadi satu agensi Kerajaan tempatan yang berkesan yang dapat mengelakkan pertindihan peranan dan kuasa di peringkat akar umbi.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, sistem penyampaian Perkhidmatan Awam khususnya di pejabat daerah dan majlis daerah adalah satu perkara yang amat penting untuk memastikan ekonomi negara dapat berkembang dengan pesat. Ia juga penting dalam usaha kita untuk memberi kepuasan kepada pelanggan dan ia juga penting dalam konteks untuk menarik pelabur sama dalam ataupun luar negara.

Menyedari hal itu, maka Yang Berhormat Perdana Menteri telah memberi banyak tumpuan pada usaha-usaha untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian di pejabat daerah dan pejabat tanah. Saya nak bagi dua contoh pada hari ini, yang pertamanya, pada 15 November 2003 Yang Berhormat telah mengarahkan supaya pentadbiran daerah dan tanah dikaji semula dan di perkasa supaya dapat memberikan perkhidmatan

yang lebih cekap. Hasil arahan Yang Berhormat tersebut maka pada Disember, 2003 beberapa keputusan telah dibuat antaranya:-

- (i) untuk menubuhkan pasukan petugas ataupun *flying squad*;
- (ii) menstruktur semula organisasi pejabat tanah;
- (iii). penubuhan jawatankuasa tanah daerah;
- (iv) projek e-tanah
- (v) meningkatkan kompetensi pentadbiran tanah

Dan sebagai contoh hasil daripada penubuhan *flying squad*, maka sehingga 10 Jun itu, angka terkini kita dapat bahawa beberapa, dengan izin, *backlog* telah dapat diselesaikan.

Berkaitan dengan urus niaga dan bukan urus niaga tanah kita dapat bahawa *backlog* telah hampir selesai 100 peratus melibatkan 325,360 kes. Berkaitan dengan pemberian pemilikan tanah - 24 peratus *backlog* telah pun diselesaikan. Mengenai pemberian hak milik serata - 68 peratus *backlog* diselesaikan. Ini contoh-contoh hasil daripada tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dalam pentadbiran tanah.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun ini bulan Februari, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan supaya diwujudkan lebih banyak pusat pembuat keputusan ataupun dengan izin, *centre of decision-making* dan pada masa ini beberapa perakuan telah pun diterima oleh kerajaan yang melibatkan Jabatan Pendaftaran Negara di mana kelewatan-kelewatan yang berlaku sebelum ini akan dikurangkan dengan ketara.

Ini antara tindakan-tindakan yang diambil. Tadi, saya bercakap tentang Pejabat Tanah dan Galian, yang kedua, Jabatan Pendaftaran Negara, tetapi yang penting di peringkat bawah ialah pejabat daerah dan majlis daerah.

Bagi bahagian kedua soalan Tuan Yang di-Pertua, pejabat daerah dan majlis daerah memainkan peranan yang penting. Pada masa ini belum ada cadang untuk menggabungkan kedua-dua pentadbiran ini, kerana pejabat daerah memainkan peranan yang agak berbeza daripada majlis daerah, umpamanya peranan pejabat daerah ialah sebagai penyelaras, perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian projek-projek pembangunan sebagai pelaksana projek-projek kecil pembangunan luar bandar,

ini antara peranan pejabat daerah. Manakala peranan pihak berkuasa tempatan pula ialah untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran termasuk kutipan sampah. Walau bagaimanapun, pada tahun 2004 pihak MAMPU telah menjalankan tiga kajian melibatkan pejabat daerah dan juga pihak berkuasa tempatan dan kajian ini ialah tertumpu kepada usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan pejabat daerah dan juga majlis daerah.

Pihak Unit Perancang ekonomi pada tahun lepas telah meminta pihak Universiti Malaya untuk menjalankan kajian mengenai pihak berkuasa tempatan, kajiannya hampir siap dan semua kajian-kajian ini akan kita gunakan sebagai *input* untuk menilai kembali keberkesanan pihak berkuasa tempatan dan juga majlis daerah.

Tuan Yang di-Pertua, pejabat daerah dan majlis daerah memainkan peranan yang amat penting di peringkat bawah dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik untuk kerajaan dan kerajaan akan sentiasa memastikan bahawa urusan pejabat daerah dan majlis daerah akan lebih cekap, lebih efisien dan kerana itu kita akan menjalankan kajian bagi memastikan bagaimana matlamat tersebut dapat dicapai.

**Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Syabas saya ucapan kepada kerajaan kerana bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan di peringkat akar umbi.

Saya dengar dengan teliti jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa kita telah menujuhan *flying squad* untuk menyelesaikan masalah. Tetapi sedarkan Yang Berhormat Menteri bahawa bagi seorang DO ataupun Yang Di Pertua mereka terpaksa mempengerusikan lebih daripada 80 jawatankuasa di peringkat akar umbi? Dan adalah keluhan rakyat bahawa hendak jumpa DO itu paling susah, hendak jumpa pegawai daerah itu memang memakan masa yang panjang. Memang kita kasihan dengan pegawai daerah dengan beban dan tanggungjawab yang begitu berat perlu mempengerusikan begitu banyak jawatankuasa. Adakah dengan penubuhan *flying squad* untuk menyelesaikan masalah tertunggak sahaja? Adakah kita perlu menilai semula sistem yang sedia ada sama ada sesuai untuk kita meramaikan lagi kakitangan untuk mempengerusikan jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat umbi termasuk membolehkan ...

**Seorang Ahli:** Ahli Parlimen!

**Dato' Liow Tiong Lai:** ... Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan juga Ahli-ahli Majlis mempengerusikan jawatankuasa-jawatankuasa yang tertentu? Minta penjelasan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Sebagai agen kerajaan yang paling penting di peringkat akar umbi, pegawai daerah memainkan peranan yang penting khususnya dalam pembangunan sosioekonomi dan sosial dan kerajaan amat sedar bahawa pegawai-pegawai daerah menjadi pengurus kepada banyak jawatankuasa. Ini mengekang kemampuan mereka bagi menjalankan tugas-tugas tertentu termasuklah untuk mengadakan perjumpaan dengan wakil rakyat dan lain-lain.

Menyedari hal itu kerajaan sedang membuat beberapa pembaharuan bagi mengatasi masalah beban kerja yang ditanggung oleh pejabat daerah. Antara langkah yang diambil ialah:

- (i) mengurangkan beban kerja dengan memberi ataupun *delegate*, dengan izin, peranan pejabat daerah kepada pegawai-pegawai lain;
- (ii) menyelaraskan program dengan lebih berkesan; dan
- (iii) memindahkan beberapa tugas yang mungkin tidak perlu dilaksanakan oleh pegawai daerah kepada pihak-pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya kerajaan mengiktiraf peranan penting pegawai daerah dalam membangunkan ekonomi dan sosial di peringkat bawah dan kerajaan sentiasa melaksanakan langkah-langkah untuk memastikan bahawa beban tugas pejabat pegawai daerah ini dapat disesuaikan dalam usaha untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, salah satu daripada pendekatan yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian ialah penggunaan ICT di pejabat-pejabat kerajaan malah satu yang diusahakan oleh peringkat kerajaan negeri. Apa pendapat Yang Berhormat kalau boleh diberi peratus pencapaian setakat ini sama ada jabatan ataupun agensi-agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri dalam segi kejayaan menggunakan ICT ini sebagai satu kaedah untuk mempertingkatkan pencapaian - mungkin dalam bentuk peratus pencapaian - pada pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada angka peratusan pencapaian tetapi kita tahu di beberapa jabatan tertentu khususnya Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen, ini di antara dari jabatan-jabatan di mana ICT banyak digunakan; di pejabat tanah dan kita telah mengadakan projek e-tanah secara pilot - percubaan di Pulau Pinang dan akan diperluaskan di negeri-negeri lain setelah kita buat kajian tentang keberkesanan projek e-tanah di negeri Pulau Pinang.

Ini adalah di antara langkah-langkah yang telah kita ambil. Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri, pihak Kementerian Kewangan melalui prosedur kontrak dan pihak institusi pengajian tinggi, kemasukan pelajar-pelajar baru-baru ini ke universiti umpamanya banyak urusannya dilakukan melalui ICT. Pelajar-pelajar cuma perlu buat access kepada internet dan boleh mengetahui tentang status kedudukan. Jadi kejayaan kita membanggakan.

Dalam pada itu kita tidak berpuas hati, dengan izin, ia merupakan satu *moving target*. Kita perlu meningkatkan pencapaian kita dan potensi yang begitu besar dan ia telah banyak menyumbang kepada peningkatan keberkesanan kecekapan (*effeciency*) jabatan kerajaan dan kerajaan akan memperkasa usaha-usaha untuk membangunkan ICT dalam seluruh pentadbiran kerajaan.

8. **Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit ]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kriteria bagi menubuhkan sesebuah Pusat Klinik Kesihatan (PKK) dan Klinik Desa (KD) di kawasan luar bandar di Sarawak. Adakah Kerajaan mempunyai program untuk menubuhkan lebih banyak PKK dan KD di kawasan Parlimen Kanowit.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kriteria bagi pembinaan sesebuah klinik kesihatan dan klinik desa di kawasan luar bandar di Sarawak adalah berdasarkan kepada keperluan. Antara faktor yang diambil kira bagi mengenal pasti keperluan mendirikan sesebuah klinik termasuklah kepadatan penduduk, kemudahan kesihatan sedia ada dan status serta masalah kesihatan penduduk setempat.

Bagi Parlimen Kanowit, Kementerian Kesihatan mempunyai perancangan untuk membina beberapa buah klinik kesihatan dan klinik desa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Klinik-klinik tersebut ialah Klinik Kesihatan Tamin, Klinik Kesihatan Pasin,

Klinik Kesihatan Rasau, Klinik Kesihatan Pasai Siong, Klinik Kesihatan Ng. Jagau, Klinik Kesihatan Tada dan Klinik Kesihatan Ng. Dak. Terima kasih.

**Tuan Aaron Ago Dagang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Tadi, klinik-klinik yang disebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bukan di kawasan Parlimen Kanowit, minta maaf sebab cuma satu sahaja Ng. Jagau.

Di kawasan Parlimen Kanowit terdapat empat buah pusat penempatan RASCOM iaitu penempatan yang ditubuhkan pada tahun 60-an dahulu semasa komunis iaitu Jagau, Ngungun, Tadak dan Dak. Di kawasan ini terdapat di antara 20 ke 25 buah rumah panjang dengan penduduknya berjumlah 2,000 ke 3,000 orang. Tetapi selepas 35 tahun tempat ini ditubuhkan belum lagi terdapat pusat kesihatan ataupun klinik desa ini.

Jadi, saya menyerulah kepada kerajaan sebab inilah masalah yang selalu disebut-sebutkan oleh penduduk di sana supaya kawasan ini diberi prioriti untuk ditubuhkan klinik ataupun pusat kesihatan kerana tempat-tempat ini belum ada lagi jalan raya untuk menghubungkan mereka kepada pekan-pekan di mana terdapatnya klinik desa ataupun hospital. Minta penjelasan.

**Tuan Lee Kah Choon:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Berkaitan dengan keadaan terperinci yang dikatakan oleh Yang Berhormat, saya harap kalau boleh berikan maklumat itu kepada saya dan saya akan berikan kepada perancangan supaya kita boleh masukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

9. **Tuan Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi menyatakan berapakah perbelanjaan yang telah disediakan bagi proses penjenamaan semula Telekom Malaysia kepada TM Bhd.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, penjenamaan Telekom Malaysia (TM) hanya melibatkan pertukaran jenama komersial sahaja dan tidak melibatkan pertukaran nama syarikat Telekom Malaysia Bhd. (TMB). Penjenamaan semula ini dibuat untuk memastikan kebolehan syarikat untuk bersaing dalam industri yang amat kompetitif ini tidak terjejas serta mengikis segala persepsi negatif terhadap jenama Telekom Malaysia.

TMB telah membelanjakan sebanyak RM9 juta untuk proses penjenamaan semula tersebut. Jumlah ini termasuk:

- (a) Kos pengambil penjenamaan luar untuk membuat audit jenama sejak penghujung tahun 2003;
- (b) kos mencipta konsep dan reka bentuk jenama yang baru;
- (c) kos pengiklanan dan promosi untuk menimbulkan kesedaran orang ramai mengenai jenama baru TM; dan
- (d) kos majlis pelancaran jenama baru. Kos ini tidaklah tinggi oleh kerana setiap dua tahun TM perlu menukar pakaian seragam, mengecat kenderaan dan bangunan serta memperbaiki telefon awam.

Apa yang telah dilakukan sebenarnya adalah untuk menyelaraskan masa untuk menukar, mengecat dan membaiki perkara-perkara tersebut agar sama waktunya dengan penjenamaan semula yang dilaksanakan dalam bulan April yang lalu. Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Terima kasih di atas jawapan Timbalan Menteri. Hasil daripada penjenamaan semula Telekom ini, apakah manfaat dan pulangannya kepada masyarakat luar bandar yang masih lagi belum menikmati liputan dan perkhidmatan telefon. Contohnya telefon awam. Saya hendak berpantun di sini Tuan Yang di-Pertua, seperti:

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:**

Cok-cok gendung,  
Gendung menari-nari,  
Telekom pentingkan untung,  
Tapi orang kampung sakit hati. [Ketawa]

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Krau, cuma saya terlebih dahulu minta maaf Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tidak boleh berpantun untuk menjawab soalan beliau.

Di sini suka saya menyatakan pengubahsuaian jenama ini bukan sahaja menggambarkan perubahan luaran kepada nama ataupun logo. Perubahan kali ini

mendekatkan dasar-dasar ke arah menyemai budaya berorientasikan khidmat kepada pelanggan.

Berhubung dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krau tadi dari segi bekalan ataupun perkhidmatan telefon di kawasan-kawasan luar bandar, suka saya jelaskan perkara ini terletak di bawah bidang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, yang mana sekiranya kawasan ini mempunyai kadar penembusan (*penetration rate*) 20% daripada *national average*, iaitu pada perkara ini kadar penembusan lebih kurang 18%, maka dengan itu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia akan memperuntukkan wang daripada dana perkhidmatan sejagat ataupun USP Fund untuk memastikan kawasan-kawasan ini tidak tertinggal.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan, untuk tahun hadapan wang sebanyak RM600 juta akan diperuntukkan untuk memastikan kawasan-kawasan luar bandar akan mendapat perkhidmatan dalam bidang telekomunikasi yang lebih baik di masa yang akan datang.

10. **Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan prosedur kerajaan terhadap pemandu warga asing yang memandu di Malaysia serta tindakan terhadap mereka yang melanggar peraturan jalan raya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

Tuan Yang di-Pertua, pemandu warga asing boleh memandu di negara ini dengan syarat mereka memiliki lesen memandu negaranya yang sah dan masih berkuat kuasa iaitu bagi negara-negara yang menjadi penjanji kepada Geneva Convention atau memiliki lesen pemandu Malaysia. Mana-mana warga asing yang melanggar peraturan jalan raya di negara ini, tindakan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau kaedah-kaedah di bawahnya boleh diambil dan dikenakan ke atas pemandu warga asing berkenaan tanpa berkecuali.

Mengikut rekod sehingga 31 Mei 2005 sebanyak 304,794 saman belum dijelaskan oleh pemandu warga asing. Kebanyakan saman tertunggak adalah di kalangan pemandu daripada Singapura. Sementara itu jumlah kompaun dan denda mahkamah yang telah dijelaskan oleh pemandu warga asing bagi pelbagai kesalahan

pada tahun 2004 adalah sebanyak RM3,857,000. Sehingga 31 Mei 2005 adalah sebanyak RM878,640. Terima kasih.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Ini kita kadang-kadang menjadi serba salah, bila kita dapat melihat orang Bangla pun bawa teksi. Ada Indon yang bawa bas harian, ada orang-orang asing yang bawa lori dan bas persiaran. Peristiwa yang kita dengar di Kampung Rantau Panjang yang melibatkan kematian pelajar yang pemandu lori itu orang Indonesia menjadi satu pengajaran yang besar kepada kita. Saya suka mencadangkan dan ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri seharusnya pemandu-pemandu daripada luar negara kita ini dikenakan syarat-syarat yang lebih ketat. Mereka tidak boleh dapat lesen macam kita. Kita faham, mungkin budaya kita bila budak hendak ke sekolah walaupun tak ada lampu isyarat pun kita boleh berhenti.

Kadang-kadang dia datang daripada negara dia, Yaman ke atau dari mana, dia dapat lesen di sini, negara dia jalan raya pun tak bagus, jadi dia main belasah dia sahaja. Jadi etika ini, syarat-syarat ini, peraturan-peraturan ini, yang kita hendak beri lesen kepada dia, yang pertama bagi saya mesti diketatkan.

Yang kedua, pada pandangan saya mereka ini tidak boleh bawa kenderaan-kenderaan komersial. Apa kita tidak adakah orang Melayu, orang Islam, orang Malaysia, orang Arabkah, Bugiskah, Jawakah, Indiakah yang boleh bawa lori. Ada ramai, dia hendak ambil lagi pekerja asing. Sudahlah banyak sektor kita ambil pekerja asing, ini pengangkutan pun hendak ambil sektor asing.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Pengangkutan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, sabar sahajalah supaya kalau boleh mereka ini tidak payahlah hendak bawa kenderaan-kenderaan komersial ini. Sekianlah, assalamualaikum. Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulung, saya terima baik pandangan Yang Berhormat itu akan saya kemukakan kepada pihak JPJ. Di atas beberapa cadangan saya merasakan perlu diteliti balik semula. Terima kasih.

11. **Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan sejauh manakah kementerian memantau kegiatan menjual beli kayu getah yang dijalankan oleh pegawai-pegawai RISDA di peringkat daerah.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kuala Lipis. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui agensi-agensinya termasuk RISDA sememangnya memantau proses menjual beli kayu getah yang dijalankan di peringkat daerah. Untuk memastikan proses jual beli berjalan dengan baik beberapa peraturan telah pun ditetapkan.

Pertamanya, tawaran menebang kayu getah hanya dapat diberi kepada syarikat yang berminat melalui kaedah sebut harga atau tender terbuka. Ini untuk mendapat harga yang terbaik untuk pekebun-pekebun kecil.

Keduanya, anak syarikat RISDA iaitu RISDA Wood Sdn. Bhd. dibenarkan mengambil bahagian dalam tender untuk memastikan terdapat *floor price*, dengan izin di mana harga kayu getah tidak boleh turun lebih rendah dari harga tersebut. Sekiranya harga yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat berminat kurang dari *floor price*, maka RISDA Wood Sdn. Bhd. akan ditawar untuk menebang pokok-pokok getah tersebut.

Ketiganya, kementerian mengambil tindakan segera menyelidik dan mengkaji mana-mana aduan yang dikemukakan berhubung tuduhan penyelewengan jual beli kayu getah di kawasan-kawasan operasi agensi-agensi di bawah kementerian. Terima kasih.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, getah ataupun penorehan getah ini merupakan satu daripada punca pendapatan utama rakyat Malaysia. Rasa saya penduduk luar bandar banyak bergantung kepada getah selain daripada kelapa sawit dan sebagainya. Jadi, apa yang membimbangkan saya ialah apabila getah ini tidak ditebang, tak sampai umur matangnya dan apa yang saya dapati terutama di kawasan saya ialah selepas pokok-pokok getah ini ditebang tidak ada lagi proses tanam semula dan sebagainya. Tak lama lagi mengkirailah, yang banyak sekarang ini mengkrai, nampak terang ingatkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** “Mengkrai” itu apa makna?

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Mengkirai itu sejenis pokok tumbuhan. Jadi, tak tahulah kot selepas ini nanti mengkirai pula ada harga, yang kita panggil madu dan sebagainya. Jadi, apa yang kita harapkan, pihak kementerian memastikan bahawa umur pokok-pokok getah yang boleh ditebang ini umur yang matang sahaja. Jadi, di sini soalan saya ialah, berapakah umur matang yang sebenarnya yang pokok getah ini boleh ditebang supaya ada proses pusingan itu dan orang kampung tidak dapat duit sekali. Maksudnya dia tebang pokok getah, dapatlah kata RM4,000, atau RM6,000 seekar selepas itu sudah tidak ada pasal pokok getah sudah ditebang.

Keduanya, berapakah bantuan tanam semula bagi seekar dan berapa kali diberi untuk tanam semula?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Lipis yang begitu prihatin dengan keadaan penduduk luar bandar khususnya penanam getah supaya masa depan mereka lebih terjamin dan supaya tidak terdapat perbuatan-perbuatan yang merugikan. Sebenarnya dalam program menanam semula ini kementerian ada menetapkan kaedah-kaedah tertentu, umpamanya getah yang perlu ditebang dan ditanam semula biasanya telah berumur 20 tahun ke atas.

Walaupun ada kadang kala yang kurang sedikit ini tertakluk kepada kelulusan kementerian. Bantuan tanaman getah ke getah ialah sebanyak RM7,000 sehektar, bantuan tanaman getah ke kelapa sawit ialah sebanyak RM4,448 sehektar, sebagai makluman. Memang akhir-akhir ini terdapat satu amalan di mana pokok-pokok getah ditebang terlebih awal daripada mendapat kelulusan dari pihak kementerian kerana harga pokok-pokok getah ini, kayu getah ini terlalu mahal, terutamanya di kawasan negeri Pahang.

Mungkin kerana terdapatnya sebuah kilang yang membuat *chip boxes* di sana, yang menjadikan permintaan terhadap kayu getah begitu baik sehingga harga purata kayu getah di Pahang ialah RM6,400 sehektar berbanding dengan RM3,000, RM4,000 di tempat-tempat lain, sehingga saya diberitahu bahawa ranting kayu getah pun ada harganya, lebih kurang RM1 sekaki.

Ini menyebabkan penduduk luar bandar begitu ingin menebang pokok getah mereka sehingga belum mendapat kelulusan. Inilah yang menjadi masalah, yang mungkin yang diperhatikan oleh Yang Berhormat dan biasanya dalam kes-kes

sedemikian mereka akan memohon kelulusan kementerian selepas pokok-pokok tersebut telah pun ditebang.

Jadi, ini akan mengambil masa untuk kementerian mengkaji betul-betul pokok-pokok tersebut sudah menepati jangka umur dan juga telah pun ditoreh dan sebagainya sehingga proses ini memakan masa sedikit sehingga kelihatan seolah-olah selepas ditebang pokok-pokok tersebut tidak ada tanaman semula dilakukan. Tetapi, Insya-Allah saya kira ia akan dapat dilakukan dalam masa yang lebih sedikit. Sekian, terima kasih.

12. **Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan bilangan kes-kes jenayah seperti bunuh, samun bersenjata, curi motokar dan curi motosikal dan daripada kes-kes ini berapakah yang tidak dapat diselesaikan dan sebab-sebabnya.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes jenayah bunuh antara tahun 2000 hingga Mei tahun ini iaitu 2005 adalah sebanyak 3,023 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,756 kes telah berjaya diselesaikan manakala sebanyak 1,267 tidak dapat diselesaikan. Jumlah kes jenayah samun bersenjata antara tahun 2000 hingga Mei tahun 2005 adalah sebanyak 2,890 kes.

Di antara jumlah tersebut sebanyak 547 kes telah berjaya diselesaikan, manakala sebanyak 2,347 kes tidak dapat diselesaikan. Jumlah kes curi motor, motokar antara tahun 2000 hingga Mei tahun ini adalah sebanyak 45,411 kes. Daripada jumlah tersebut sebanyak 11,139 kes telah berjaya diselesaikan. Manakala sebanyak 34,274 kes tidak dapat diselesaikan.

Manakala jumlah kes curi motosikal antara tahun 2000 hingga Mei tahun ini adalah sebanyak 261,811 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 54,585 kes telah berjaya diselesaikan. Manakala sebanyak 207,226 kes tidak dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak sebab mengapa kes-kes jenayah tersebut tidak dapat diselesaikan. Ketidakadaan saksi-saksi serta maklumat yang boleh menjurus kepada pengesahan suspek-suspek terbabit, kegagalan mangsa membuat pengecaman ke atas suspek, kegagalan memperoleh kesan cap jari atau kesan cap jari yang diperolehi kurang sempurna untuk dibuat perbandingan dan kurangnya kerjasama

maklumat daripada orang awam adalah antara punca kes-kes jenayah tidak dapat diselesaikan dengan cepat dan berkesan. Sekian, terima kasih.

**Tuan R. Karpal Singh:** Di antara kes-kes bunuh yang tidak diselesaikan adalah pembunuhan seorang Ketua Polis Negara, Abdul Rahman. Dia dibunuh di Kuala Lumpur, *daylight murder* di Kuala Lumpur dalam tahun 1974. Adakah itu satu kes di antara kes-kes yang tidak diselesaikan mengenai pembunuhan? Jika, ya, kenapa kes itu tidak diselesaikan sehingga hari ini. Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, kes itu nampaknya begitu lama dan spesifik, kalau tidak diselesaikan memang itulah dalam tahun kejadian itu. Sekian, terima kasih.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dulu kita hanya ada kementerian, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, lepas itu kita ada dua, kita ada *internal security* dan Hal Ehwal Dalam Negeri. Walaupun statistik diberi, orang awam berpendapat bahawa kerajaan perlu meningkatkan lagi keberkesanan kegiatan mengawal jenayah di negara kita ini.

Walaupun sebab-sebab diberi, misalnya tidak ada bukti dan sebagainya, itu mencerminkan juga tentang keupayaan kementerian. Jadi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, dengan adanya dua Menteri, dua kementerian, sudah tentunya kita lebih cekap, lebih berupaya daripada dulu. Jika, ya, sila berikan angka-angka atau bukti-bukti ataupun mengapa dua kementerian sekarang ini lebih baik daripada dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kalau hendak jawab, jawablah.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, tahap penyelesaian, kalau dibandingkan dengan piawaian INTERPOL di Malaysia memang boleh dikatakan tinggi kerana piawaian INTERPOL ialah penyelesaian ialah kalau di tahap 20% pun boleh diterima. Tetapi di negara kita, penyelesaian pada keseluruhannya ialah 46.5% dan ini dua kali ganda kalau dibanding dengan piawaian INTERPOL.

Penyelesaian berkenaan dengan kes-kes keras seperti rogol amatlah tinggi lebih daripada 90%, kalau biasanya tidak silap saya 92%. Dan, kes bunuh pun boleh kata tinggi, lebih dalam lingkungan 67%. Jadi, dengan penyelesaian ini boleh kata yang tertinggi, kita masih tidak memuaskan. Kita berharap bahawa kita boleh menyelesaikan

kes. Kalau kita dapat lebih maklumat dan kerjasama kita dapat menyelesaikan kes dengan lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tamatkan sesi soal jawab lisan pada pagi ini. Setiausaha.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]**

**USUL**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**KENYATAAN CEO PROTON BAHAWA DASAR KERAJAAN MENJEJASKAN  
SYARIKAT DIPERTAHANKAN OLEH PENASIHAT PROTON**

**11.00 pagi**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk membawa usul yang berikut. Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18, Dewan ini memberikan laluan kepada Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen Ipoh Timor Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membawa satu usul mengenai perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu tuduhan serius yang dibuat oleh CEO Proton – Tengku Tan Sri Mahaleel Ariff yang dipertahankan oleh Penasihat Proton – Tun Dr. Mahathir bahawa dasar-dasar kerajaan telah menjaskan syarikat kereta nasional ini.

Pada 27 Jun 2005, CEO Proton dalam satu temu ramah dengan Oriental Daily telah menuduh bahawa Proton sebagai sebuah syarikat GLC, syarikat rangkaian kerajaan telah diberi layanan yang tidak adil di bawah dasar kerajaan yang tidak telus dan bersifat diskriminasi yang menyebabkan Proton tidak dapat membezakan siapa musuhnya atau pesaingnya.

Pada 28 Jun 2005 Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bahawa kelemahan Proton sendiri adalah sebab mengapa prestasi syarikat itu merosot dalam pasaran.

Pada 29 Jun 2005 Lembaga Pengarah Proton telah mengadakan satu Mesyuarat Tergempar Ketua-ketua CEO untuk memberi penjelasan terhadap temu ramahnya di Oriental Daily yang menyoal Dasar Automobil kerajaan.

Pada hari Selasa 5 Julai 2005, Tun Dr Mahathir mempertahankan pendirian Tengku Mahaleel Arif dan berhujah ke atas dasar-dasar kerajaan yang telah menjelaskan syarikat kereta nasional ini iaitu kenyataan-kenyataan oleh pemimpin atasan kerajaan yang telah menjelaskan keyakinan orang ramai terhadap kereta nasional – pengeluaran *approved permits* atau APs untuk mengimport kereta-kereta nasional daripada 67,000 AP yang dikeluarkan tahun lalu hanya 12,600 diberi kepada 82 syarikat manakala 20 syarikat menerima 54,000 yang mana ini akan jelas tidak selari dengan semangat untuk memupuk keusahawanan bumiputera dan penipuan pengisytiharan harga kereta-kereta import.

Parlimen mesti berdebat dengan serta terhadap krisis terbaru dalam sejarah 20 tahun Proton bukan sahaja atas siapa yang betul atau salah di antara Mahaleel dengan Mahathir atau Rafidah dengan Lembaga Pengarah Proton tetapi apa yang merupakan yang terbaik untuk negara dan 26 juta rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Ipoh Timor pada 6 Julai 2005. Teks ucap itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah berkehendak disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapat bahawa:

- (a) tertentu - ia perkara ini adalah perkara tertentu,
- (b) kepentingan orang ramai – ia adalah kepentingan orang ramai, dan
- (c) berkehendak disegerakan – pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan.

Isu Proton telah pun dibangkitkan dan telah pun diberikan jawapan yang lengkap semasa sidang Dewan Rakyat pada 21 Mac hingga 23 April 2005 dan 20 Jun hingga 6 Julai 2005 iaitu sembilan pertanyaan lisan dan tujuh pertanyaan bertulis mengenai Proton dan industri automotif, isu mengenai lesen import ataupun AP pula empat pertanyaan telah pun dijawab. Penjelasan juga telah diberikan semasa Ucapan Penangguhan Yang Berhormat Ipoh Barat pada 5 Julai 2005.

Kerajaan masih mahu memastikan bahawa Proton akan terus wujud sebagai kereta nasional dan terus berdaya saing. Di samping itu selaras dengan komitmen negara di peringkat serantau dan dua hala, kerajaan telah mengambil langkah-langkah liberalisasi pasaran secara progresif. Dalam memenuhi komitmen ini, kerajaan telah mengambil kira kemampuan Proton untuk berdaya saing dan meningkatkan kualiti keluaran.

Oleh yang demikian, saya menolak usul itu di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[6 Julai 2005]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Pasir Puteh menyambung ucapan.

#### **11.16 pagi**

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat kerana hari yang kedua saya dapat meneruskan tanggungjawab saya sebagai *Jihadul-Akbar* dalam waktu aman ini ialah untuk membina

kekuatan ummah, agama, bangsa dan negara kita bagi semua kaum bukan sahaja kepada orang Islam.

Hari ini saya akan turut menyokong untuk meminda tiga rang undang-undang yang telah disebutkan tadi dengan izin:

- (i) Syariah Court Evidence,
- (ii) Syariah Court Civil Procedure, dan
- (iii) Syariah Criminal Procedure.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara Islam. Tidak siapa menafikan termasuklah rakan-rakan daripada pembangkang turut menyokong Malaysia sebagai sebuah negara Islam, betul tak?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Mana ada.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Betul tak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan, penjelasan, penjelasan.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Maka apabila Malaysia sebuah negara Islam, kita memerintah .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan, penjelasan, penjelasan.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** ..... ya, sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak tahulah apabila Yang Berhormat berkata bahawa pihak pembangkang bersetuju bahawa Malaysia ialah sebuah negara Islam bahawa parti pembangkang bersetuju..... Tidak. Kita tetap berpendirian bahawa Perlembagaan Malaysia 1957 bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam. Malaysia sebuah negara sekular. Ini bukan dicakapkan oleh saya tetapi oleh Perdana Menteri yang pertama Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri yang kedua – Tun Razak, Perdana Menteri yang ketiga Tun Hussein Onn dan Perdana Menteri yang keempat Tun Dr. Mahathir sehingga ..... sehingga 29 September 2001. Sebelum itu diakui. Sebab itu kita tolak bahawa Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat]**

Bukan kita memusuhi atau menolak Islam tetapi oleh kerana kita mahu prinsip kemerdekaan Malaysia bahawa negara Malaysia ialah sebuah negara demokratik di mana berbilang agama di mana kita semua mengakui Perlembagaan Perkara 3(1) ialah Islam ialah agama Persekutuan. Sebenarnya dalam Perlembagaan pun tidak ada sebut perkataan ‘rasmi’, bahawa Islam ialah agama Persekutuan. Tetapi kita menerima bahawa untuk tujuan rasmi. Tetapi itu berbeza dengan mengisyiharkan bahawa Malaysia ialah negara Islam.

Kenapa kita tidak boleh terus menerima apa yang kita persetujui dalam Perlembagaan kemerdekaan. Semacam Indonesia, semua puak-puak, semua parti politik *mainstream* .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat bersetuju bahawa semacam semua parti Islam *mainstream* pendirian mereka ialah, Islam yes, *Islamic State - no!* Islam ya, *Islamic State*, negara Islam *no*, adakah Yang Berhormat rela menerima satu pendirian semacam itu yang sebenarnya selaras dengan Perlembagaan merdeka. Yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat semalam pun ada sebut mengenai negara kita berbilang agama, *interfaith* adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kalau begitu kita perlu berjaga-jaga dan dalam tindakan-tindakan yang diambil terhadap kumpulan-kumpulan yang kepercayaan agama mereka tidak menjadi satu ancaman kepada keselamatan.

Apa yang berlaku baru-baru ini khasnya kumpulan Ayah Pin, Ayah Pin di Terengganu, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada timbul kekhawatiran oleh kerana kumpulan ini nampaknya - saya tidak tahu lah, saya tidak ada hubungan sendiri dengan kumpulan Ayah Pin ini *sky kingdom*, tetapi adalah dianggap sebagai satu kumpulan yang mengamalkan *interfaith teaching*, dan adakah sedar bahawa kalau ada tindakan yang keras atau *repressive* diambil akan dianggap bukan sahaja di dalam negeri, tetapi di dunia bahawa kita tidak bertoleransi terhadap kepercayaan agama yang tidak menjadi ancaman kepada keselamatan dalam negeri. Adakah Yang Berhormat bersetuju

bahawa perkara ini perlu diamati, perlu diambil perhatian yang serius supaya kita tidak dianggap bahawa kita sangat tidak bertoleransi dalam *freedom of religion*.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timor jadi senior Yang Berhormat, senior segala-galanya. Saya terima dua tadi, yang satu saya tidak terima sebab saya hendak beri *quote* dia, dengan izin, *what the Prime Minister said was “Malaysia is an Islamic State and was one long before”*, dia kuatkan kepada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir. Ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru telah menyatakan bahawa dia *confirm* Tun Dr. Mahathir ada pernah menyebut Malaysia sebuah negara Islam. Kita mesti faham “hukumah Islamiah” dengan “daulah Islamiah”, ini kita kena faham kerana Yang Berhormat Ipoh Timor dia tidak faham bahasa Arab minta maaflah saya terpaksa *explain* dalam *Arabic language*.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Tunggu dahulu, tunggu dahulu sekejap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sedikit, sedikit sebelum teruskan sedikit sahaja. Benarkan saya *interrupt* atau buat pencelahan, tadi saya ada sebut Perdana Menteri yang pertama, Perdana Menteri yang kedua, Perdana Menteri yang ketiga pun Perdana Menteri yang keempat sehingga 29 September 2001 menerima kenyataan bahawa Malaysia bukan *Islamic State* saya tidak sebut mengenai Perdana Menteri yang kelima.

Kalau kita buat satu *comparison* ada lima orang Perdana Menteri *the score* ialah, *three and a quarter to one and a quarter, three and a quarter* Perdana Menteri yang ambil pendirian bahawa Malaysia bukan *Islamic State* kepada satu *quarter* yang anggap bahawa Malaysia *Islamic State*. Bukankah ini satu bukti yang kukuh bahawa janganlah kita tukar asas Perlembagaan merdeka tanpa persetujuan musyawarah rakyat Malaysia, jangan oleh kerana kita ada majoriti dalam Parlimen, ada *nine ten* majoriti boleh dengan sesuka hati tukar makna dan asas Perlembagaan Malaysia.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor, pandangan itu baik, bernas. Kita harus membuat anjakan paradigma, anjakan *paradigm shift* untuk kebaikan, saya hendak baca *quote* dalam bahasa Arab dengan izin. *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Ini minta maaf dengan izin saya terjemah, “Sesuatu tindakan yang diambil oleh pemerintah oleh kerajaan yang pada

pandangannya boleh menjaga kepentingan umum sekalipun tidak terdapat dalil-dalil yang khusus kebenarannya ataupun berkenaan dengannya ini jelas kita berpegang kepada dalil siasah syariah". Maka.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Tunggu dahulu, tunggu dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai *quote* ini, mengenai *quote* ini.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ya?

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai *quote* Arab itu.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Ketawa]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** OK, cakaplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa *authority* *quote* itu yang kita perlu menerima, apa *authority*? Satu *quote* Arab sahaja apa guna? Kita boleh buat juta-juta *quote*, apa *authority*? Tanpa *authority* tidak guna, satu sen pun tidak guna.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Timor di negeri China ada 80 juta Islam, dia juga *quote* dalam bahasa Arab, sembahyang dalam bahasa Arab, bercakap dalam bahasa Cina.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa *authority*? Apa *authority* yang kita perlu terima, yang kita perlu pakai? Kenapa? Apa *authority*?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Balik kepada *Federal quote*, dalam Perkara 3(1) *Islam is the religion of the Federation* ertinya saya setujulah Islam agama Persekutuan, tetapi tidak dinamakan rasmi apabila dibawa kepada undang-undang, apabila kerajaan ataupun Perdana Menteri yang berkuasa inginkan menyebut bahawa Malaysia sebuah negara Islam salahkah Yang Berhormat Ipoh Timor? Salahkah?

**Beberapa Ahli:** Salah, memang salah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, salah oleh kerana kalau itu langgar Perlembagaan Persekutuan itu salah, oleh kerana kalau kita sudah tetap bahawa Perlembagaan Malaysia apabila kita mencapai kemerdekaan tahun 1957 ialah negara ini bukan *Islamic State*, tetapi sekular demokratik *state* di mana Islam ialah agama rasmi tetapi bukan *Islamic State* semacam tadi saya ada sebut di Indonesia. Tanya sesiapa pemimpin-pemimpin Islam mereka akan kata, "*Islam yes, Islamic State no*". Kenapa pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS tidak berani buat satu pendirian semacam ini, Islam dalam

Malaysia yes, *Islamic State no*, oleh kerana bertentang dengan Perlembagaan merdeka 1957, itu sahaja.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih, kita terimalah pandangan itu saya tidak hendak bertekak sebab sama-sama tahu undang-undang, *I'm Bachelor of Islamic Law*, dia ambil *civil law* sama sahaja *law* ini sama sahaja. Baik kita teruskan,

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]* Mana sama.

**Beberapa Ahli:** Tidak ada, lain!

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Kita teruskan. Saya ingat kita balik kepada

...

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan. Yang Berhormat Bukit Gelugor hendak minta penjelasan, Yang Berhormat Bukit Gelugor hendak minta penjelasan.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Nanti Tuan Yang di-Pertua saya tidak boleh bagi dahulu saya hendak balik kepada huraian ini selepas itu saya bagi, saya hormat kepada Yang Berhormat Tasik Gelugor dia juga *very senior, very senior*. Bukit Gelugor saya akan bagi. Balik kepada undang-undang tadi Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat apabila kita meletakkan bahawa kita membincangkan hari ini, 3 akta undang-undang ini.

Maka saya hendak menyatakan bahawa dalam kerajaan meneruskan peningkatan syiar Islam dan menjalankan urusan pentadbiran dan juga undang-undang Islam, pada masa yang sama turut mengiktiraf dan menjamin kebebasan rakyat yang mengamalkan agama, bahasa, kebudayaan, adat resam dan nilai-nilai hidup yang menjadi pilihan masing-masing seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian terdapat warga bukan Islam yang bimbang tentang masa depan mereka, anak cucu mereka di negara yang tercinta ini kerana beranggapan bahawa Malaysia telah menjalankan undang-undang Islam akan menghapuskan identiti berbilang kaum dan agama di negara ini. Tanggapan ini satu tanggapan yang timbul kerana dieksplotasikan dalam soal politik kepartian bukan konsep Islam yang sebenar.

Maka perlu saya tegaskan bahawa tanggapan ini timbul kerana konsep negara Islam dan juga konsep daulah Islamiah, konsep undang-undang Islam sering disalahafsirkan oleh golongan-golongan yang berkepentingan. Dengan itu masalah kurang memahami asas-asas nilai-nilai Islam yang sebenar serta konsep pentadbiran

sebuah negara Islam di kalangan warga bukan Islam menyebabkan mereka berbeza pendapat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak beri laluan lagi?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya tidak beri laluan dahulu kerana masa....

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ha ini boleh bagi.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Tidak, Yang Berhormat Tangga Batu sudah minta semalam saya tidak bagi, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]* Janji tidak hendak bagi.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Semalam lagi saya sudah minta, semalam saya sudah minta untuk laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan masalah keadilan pasal saya sudah minta semalam lagi dia kata besok pagi. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Sebagai seorang yang menjadi pemerhati di dalam perbahasan yang saya kira amat ilmiah ini, saya dapat bahawa bila kita menyebut tentang undang-undang, bila kita menyebut fasal hukum ianya terpaksa mengambil kira keseluruhannya *comprehensiveness* kemudian pada masa yang saya ia perlulah dihukum dengan adil iaitu meletakkan suatu pada tempatnya. Kemudian dia perlu objektif dan ia perlu berbentuk lebih kepada corrective daripada punitive.

Yang Berhormat Pasir Puteh apabila kita menyebut tentang Islamic law, common law dan sebagainya, bukankah apabila kita menyebut undang-undang itu ianya mesti Islamic. Ianya mesti komprehensif, ianya mesti menyeluruh, mesti menghukum dengan adil. Jadi tidak perlu, pada pendapat saya apakah komen Yang Berhormat Pasir Puteh bila kita menyebut undang-undang tidak payahlah sebut Islamic law, tidak payahlah sebut common law, undang-undang, dan undang-undang itu mestilah Islamic hukum dengan tepat dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Pasir Puteh di mana kekeliruan selama ini apabila kita meletakkan kita membezakan Islamic law dengan law-law yang lain. Pada saya law itu mesti Islamic. Itu sahaja tetapi undang-undang mesti Islamic. Apa pandangan Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Inilah pandangan yang baik. Kita hendak berbincang dengan baik secara akademik. Kita tidak hendak bertekak. Undang-undang Islam, minta tolong dengar, undang-undang Islam adalah berdasarkan kepada wahyu Allah tetapi undang-undang lain pun sama diambil juga walaupun ada yang tidak persamaan. Jangan kecil hati saya sebut. Ia adalah undang-undang yang sesuai, dengan fitrah manusia bukan fitrah orang Islam, fitrah manusia.

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan Bukit Gelugor, minta penjelasan...

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Nanti dahulu, sekejap, saya hendak habiskan ayat lepas itu saya bagi. Jangan bimbang Batu Gajah. Saya ulang balik, undang-undang yang berdasarkan kepada wahyu Allah s.w.t ia adalah undang-undang yang sesuai dengan fitrah manusia yang unggul sesuai dilaksanakan setiap masa, setiap zaman dan kepada semua golongan. Ia menyeluruh mencakupi semua aspek kehidupan. Dan juga kegiatan manusia, keadilan dalam Islam atau dalam undang-undang wahyu Allah tidak berubah walaupun keadaan masyarakat manusia berubah.

Undang-undang ini perlu ditingkatkan bagi saya, undang-undang yang kita bincang ini perlu ditingkatkan asas-asas utama bagi negara kita untuk membendung gejala-gejala yang dikatakan satu 'zaraid' dalam kaedah usul fikah, hari ini sayang Pasir Mas tidak ada. Dia banyak kaedah fikah, saya hendak bawa pun dia tidak ada. Satu zaraid ialah bagaimana hendak membendung gejala-gejala keburukan yang berlaku. Hari ini kalau kita lihat bukan sahaja parti Barisan Nasional juga parti pembangkang rasa terharu-biru dengan gejala-gejala negatif maka sebab itulah kita hendak kepada undang-undang, maka saya rasa saya jawablah soalan daripada Tangga Batu tadi semua undang-undang dalam dunia semuanya hendak kepada baik,.....

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** .....hendak kepada excellent, hendak kepada justice bukan ada elemen-elemen ini.

**Cik Fong Po Kuan:** Bukit Gelugor, Bukit Gelugor minta.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ok kita bagilah, kita bagi. Adil, adil kita bagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih Pasir Puteh. Adakah setuju dengan saya bahawa beliau sudah memesangkan Dewan ini. Tadi apabila menyatakan parti pembangkang khasnya DAP tidak bangkang bahawa negara ini adalah satu negara Islam. Saya sokong dengan sepenuhnya apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang tadi. Tetapi selain daripada itu adakah Pasir Mas,.....

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Pasir Puteh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya Pasir Puteh, Pasir Puteh menyedari bahawa dalam tahun 1988 selain yang diperuntukkan dalam perlembagaan iaitu Malaysia adalah satu *secular state* dan bukan *Islamic state*. Dan bagi tafsiran bagi perkara 3(1) ada satu keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Agong, Mahkamah Agong yang tertinggi masa itu di negara ini yang terdiri 5 hakim, bukan 3 biasanya, 5 hakim kerana dalam tahun 1988 dengan bulat suaranya memutuskan bahawa Malaysia adalah satu secular state dan bukan suatu Islamic state. Apa yang dikatakan oleh Tun Mahathir Mohamed dia yang mengisyiharkan negara ini adalah satu Islamic state dan bukan sekarang sahaja Islamic state tetapi, semula-mulanya, dan bolehkah seorang bekas walaupun masa itu dia Perdana Menteri adakah dia kuasa untuk mengubah apa yang diputuskan oleh Mahkamah Agong. Adakah kerajaan dalam negara ini tidak menghormati apa yang diputuskan oleh Mahkamah Agong dalam tahun 1988. Bolehkah saya dapat pandangan daripada Pasir Puteh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya ingat soalan ini tinggi, terlampaui tinggi, too high, dengan izin kita beri pada Menteri jawab nantilah.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Tetapi pada pandangan saya Perdana Menteri dipilih oleh rakyat. Kita ada demokrasi perlembagaan, kita ada Agong, apabila Perdana Menteri cakap kuasa mutlak dia...

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan, minta penjelasan

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ya nanti dulu, ya nanti dululah hendak ulang

**Cik Fong Po Kuan:** Bukit Gelugor minta penjelasan.....

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Nanti sekejap.

**Cik Fong Po Kuan:** Jangan pergi jauh-jauhlah.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Tidak, tidak jauh. Kita hendak bagi bahawa Perdana Menteri dia ada kuasa, apa guna Perdana Menteri kalau dia tidak ada kuasa bercakap. Soal dari segi spirit itu ada pada dia.....

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan Bukit Gelugor, minta penjelasan.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Nanti dahulu, saya hendak jawab ini, saya hendak jawab. Apabila dahulu dikatakan oleh mahkamah saya masa itu saya sudah bekerja tahun 1974 saya ingat lagi dia kata ialah Malaysia sebuah negara secular. Tetapi secular di sini kita kena faham. Haa... ini Pasir Mas datang. [Ketawa] Pasir Mas semalam saya ingat dia datang pasal kaerah satu zaraid banyak saya bawa ini. Jadi semalam Pasir Mas terima, saya tidak kata DAP saya kata Pasir Mas parti pembangkang ada menerima dia sebut sebuah negara Islam semalam. Jadi jangan silap faham. Jangan dieksplotasikan cerita soalan ini.

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan, ya.....

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Dalam Dewan ini semua orang dengar semalam. Nanti sekejap.

**Cik Fong Po Kuan:** Dengan izin minta penjelasan.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ha ok, ok, bagilah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah wakil dari Pasir Putih bersetuju dengan saya apa yang telah diputuskan oleh mahkamah, mahkamah yang tertinggi, Mahkamah Agong dalam tahun 1988 adalah apa yang sah. ....pendirian deklarasi oleh Mahathir Mohamed dalam tahun 2001 jika kalau saya tidak silap bahawa negara ini adalah satu negara Islam. Siapa tertinggi dalam negara ini? Mahathir Mohamed atau Mahkamah Agong dalam negara ini.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya ingat Yang Berhormat Bukit Gelugor atau Tasik Gelugor, Bukit Gelugor - dia very senior lawyer. Dia boleh jawab. Dia keluar soalan dia jawab sendiri, bagus tidak payah saya jawab. Setuju tak? Dia sendiri keluar soalan dia sendiri jawab sebab kita tidak, lawyer yang baru-baru junior ini kita tidak boleh jawab soalan tadi. Minta Yang Berhormat jawab. Ok saya hendak *back to point* saya punya takut lupa tadi sebab saya akan bercakap lebih kurang 20 minit lagi.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, penjelasan. Sedikit sahaja, sedikit sahaja, sedikit sahaja .....

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Petra Jaya.

**Tuan Lim Kit Siang:** .....daripada, daripada.....

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** [Bangun]

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Nanti sekejap Ipoh Timor. Petra Jaya bangkit.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Pasir Puteh, apa-apa pentafsiran dari segi teknikal adalah satu pandangan setiap orang, jadi yang lebih penting saya rasa sama ada kita sebuah negara Islam atau tidak yang penting ialah dunia telah mengiktirafkan kita sebuah negara Islam sama ada dari segi perundangan sahaja kita sebuah negara Islam ataupun bukan negara Islam orang mengatakan kita negara Islam, itu yang lebih penting. Sebab kita mengamalkan undang-undang Islam, amalan-amalan Islam telah diamalkan sehingga kita telah dilantik sebagai Penggerusi OIC. Jadi itu yang penting sama ada kita diiktiraf dalam perundangan, perlombagaan ataupun anggapan mahkamah dan sebagainya pegangan mahkamah, keputusan mahkamah yang penting kita telah diiktiraf. Minta pandangan.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Yang ini pun Petra Jaya ini lawyer Yang Berhormat. Dia cukup bijak buat pentafsiran, saya setujulah. Itu serahlah kepada pandangan masing-masing hendak menghuraikan sama ada Islam tidak Islam kita serah kepada masing-masing.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat ada janji akan bagi saya sedikit peluang. Adakah Yang Berhormat bersetuju perkara ini bukan pandangan pendirian perseorangan? Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dahulu Ketua Pengarah JAKIM kalau saya tidak silap. Isu ini satu isu yang pokok, tidak boleh tolak kepada orang lain oleh kerana apa yang Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor kata, itulah pendirian Mahkamah Agong, *the highest Court of the land* yang bererti itulah *the highest law of the land*. Bahawa Perlombagaan Malaysia ialah bukan mengadakan satu *Islamic state, the highest law of the land*, sehingga Perlombagaan ditukar, dipinda. Perlombagaan dipinda dan keputusan *the highest court of the land* tidak diubah. Kalau Yang Berhormat bagi Petra Jaya seorang peguam dan boleh kata ini personal *opinion*, saya tidak tahu di mana dia dapat itu sijil undang-undang. I don't know what type of lawyer he is. Ini tidak

perlu tolak kepada Yang Berhormat Menteri. Ini patut menjadi pendirian setiap ahli Parlimen menghormati *the highest law of the land* dan *the highest law of the land* kata ialah negara Malaysia bukan *Islamic state*.

Perdana Menteri boleh kata ini *Islamic state* tetapi Perdana Menteri bukan *the highest law of the land*. Kalau Perdana Menteri *is the highest law of the land* dia juga menjadi *dictator*. Malaysia bukan demokrasi lagi, dia sudah menjadi *dictator*. Adakah Yang Berhormat bagi Pasir Putih terima itulah *the highest law of the land* sehingga sekarang? *The highest law of the land* sehingga ada satu keputusan lain dibuat dan patut diterima oleh semua Ahli Parlimen termasuk daripada UMNO bahawa mereka boleh anggap Malaysia sebagai *Islamic state*, tetapi ini tidak ada apa-apa legal dan *constitutional basis* kata orang dunia menganggap Malaysia sebagai *Islamic state* oleh kerana kita Tuan Pengerusi OIC. Ini *ridiculous and nonsensical* oleh kerana Indonesia pun jadi OIC *Chairman*, dia tidak kata dia *Islamic state*. Ada negara di Afrika, Yang Berhormat, bukan *Islamic state* pun ada menjadi Pengerusi OIC. Oleh kerana menjadi Tuan Pengerusi OIC tidak bererti menjadi *Islamic state*. Itu adalah *nonsensical argument* dan tidak perlu dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini!

*[Tepuk]*

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Petrajaya bangun.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya...

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Minta mohon.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Sekejap.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Saya terpanggil sebab...

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Okay, okay.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** ... saya disebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Petrajaya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Jadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang nampaknya cuba memutar belitkan kenyataan saya. Apa yang saya katakan ialah pandangan. Jadi di sini kita nampak apa yang saya katakan ialah keputusan

mahkamah, keputusan mahkamah. Pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor; pandangan saya, pandangan saya. Jadi saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sebab kita tidak dapat melarang orang yang menganggap kita sebagai apa. Sekarang dunia mengiktirafkan kita sebagai Negara Islam. Itu yang saya katakan. Adakah kita mengatakan tidak? Perlembagaan kata tidak, tetapi orang kata kita Negara Islam. Itu Perlembagaan. Mahkamah telah memutuskan sama ada kita adalah Negara Islam atau bukan negara Islam, itu hak mahkamah.

Jadi saya hendak menganggap Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sebagai seorang berpengalaman, apa anggapan saya ialah pandangan saya terhadap Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Jadi dia tidak dapat menyalahkan saya terhadap pandangan saya ke atas dia. Jadi begitu jugalah apabila kita katakan dunia mengiktiraf, negara-negara barat pun mengiktiraf, mengatakan kita sebuah negara Islam yang mengamalkan dasar yang liberal, yang sederhana, bukan negara Islam yang subversif. Adakah kita hendak menyalahkan Presiden Amerika Syarikat menganggap demikian? Tidak boleh. Itu hak dia mengatakan kita sebuah negara Islam yang mengamalkan kesederhanaan. Itulah yang saya maksudkan, Yang Berhormat bagi Pasir Putih. Mohon penjelasan.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Itu tepat. Sebenarnya saya dengar tadi baik ulasan itu. Kita hendak biarlah dari segi nama, namalah. Kalau kita tidak hendak nama pun masing-masinglah. Memang parti pembangkang ini kalau kita kata dalam pokok palas ada burung atau ada kambing, kita pergi kejar, dia bergerak dari pokok palas terbang pun dia kata kambing. Dia tak kata burung, mesti dia kata kambing, dia tidak kata burung. Mesti dia kata kambing, minta maaf. Jadi saya tidak hendak mengatakan lebih daripada itulah. Kalau kita kata gelas ini kaca, pada hal gelas ini plastik, dia akan kata kaca sampai kiamat. Saya tidak akan ungkitlah benda ini. ini adalah definisi bergantung *back to....*

**Tuan Lim Kit Siang:** Point Of order. Ini sangkaan jahat!

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya tidak memberi laluan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini sangkaan jahat! Ini tidak betul!

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya tidak memberi laluan!

**Tuan Lim Kit Siang:** Menghina ahli-ahli pembangkang, ini tidak patut. Tidak boleh putar belitkan macam ini. Tarik balik sangkaan jahat itu!

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya tidak tarik balik, cuma saya kata tadi putar belit. Apakah salah?

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Nanti dahulu Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, lebih elok dan senang alih ke tajuk yang lain.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ya, jadi saya balik kepada tajuk lain.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Penjelasan sedikit, Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dua hari berucap ini. hari ini baru 10 minit sampai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah!

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** ... fasal banyak dicelah.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Dungun tidak bolehkah, Dungun?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Nanti dahulu, sekejap.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Sedikit-sedikit.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Yang Berhormat bagi Dungun, fasal dia Timbalan *Backbencher*, tidak boleh buat apalah.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Isu Negara Islam ini, sepatutnya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat. Saya pun tidak sekolah tinggi, tetapi selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengisyiharkan dalam kaedah bahawa Malaysia sebagai sebuah negara Islam, dan dalam pembukaan sidang Dewan Rakyat saya lupa tiga atau empat tahun yang dahulu, kita minta urus setia dalam Parlimen boleh mengambil Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa pembukaan penggal pun - saya lupa ini tetapi boleh kita *check* - saya memang baca dan tepat titah Diraja menyatakan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Kalau Titah Diraja ini sebagai sebuah negara Islam dan kalau ada pihak yang tidak bersetuju dengan titah Diraja ataupun pengisyiharan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mantan Perdana Menteri sebelum

ini, saya rasa beberapa pihak yang tidak bersetuju Malaysia sebagai sebuah negara Islam, dia boleh membawa kes ini ke mahkamah supaya perkara ini tidak dicelarukan dalam pendekatan dan pengertian rakyat dan masyarakat keseluruhannya. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun, saya tidak perlu menjawab. Itu jawapan yang lebih tepat membantu saya. Kalau rasa tidak puas hati, balik kepada mahkamah.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Mencelah]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Jadi, nantilah sekejap Yang Berhormat bagi Pasir Mas, saya hendak teruskan sedikit sebab *point* saya hilang tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi laluan dahulu. Yang Berhormat bagi Pasir Mas saya akan bagi. Sahabat saya Pasir Mas jangan bimbang.

Undang-undang jenayah yang hanya tertumpu kepada kesalahan hudud semata-mata - saya sambung yang semalam - seolah-olah memberi gambaran bahawa hudud sahaja sebagai kanun jenayah syariah. Ini merupakan satu kesilapan kerana hukum hudud hanyalah satu bahagian daripada peruntukan undang-undang jenayah syariah. Sementara itu undang-undang jenayah syariah semestinya mempunyai tiga elemen iaitu hukuman hudud, kisah dan takzir. Prinsip mahkamah syariah ke arah pelaksanaan kanun jenayah syariah di Malaysia. Mengikut kaedah syariah bahawa proses mewujudkan keadilan juga merupakan satu kewajipan maka langkah-langkah ke arah itu telah dimulai oleh kerajaan Malaysia dengan menubuhkan beberapa jawatankuasa.

Penubuhan jawatankuasa mengkaji undang-undang syariah dan sivil, meningkatkan taraf mahkamah syariah, meningkatkan peranan biro bantuan guaman dan meningkatkan profesionalisme pentadbiran dan pengamal undang-undang Islam. Maka dengan ini, kalau kita melihat peranan mereka telah pun diberi tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan telah membuat beberapa perubahan sehingga termasuklah kepada undang-undang tubuh yang kita bincang hari ini pun ialah telah diluluskan hanya untuk pindaan kecil pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua,... kita bagilah Pasir Mas nampak tiga kali bangun tidak boleh buat apa.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Pasir Puteh. Saya mengalu-alukan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh daripada kelmarin sampai ke hari ini. Saya rasa Yang Berhormat bagi Pasir Puteh di antara orang yang mempunyai autoriti agaknya dalam Dewan ini selain daripada yang lain bercakap tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan enakmen ini ataupun akta ini.

Walau bagaimanapun, saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bahawa seolah-olah kita daripada parti pembangkang ini mengatakan bahawa jenayah syariah itu, iaitu Hudud semata-mata. Saya menafikan sekeras-kerasnya. Daripada awal sampai sekarang ini, daripada Kelantan memulakan cerita-cerita ini sampai ke hari ini, kita mengkategorikan kerana semalam saya telah mengatakan bahawa JAKIMkah ataupun jabatankah ataupun Wilayahkah ataupun apakah, mesti menuntut sebanyak-banyaknya.

Jenayah syariah ini jangan hanya sekadar nikah kahwin, jangan sekadar nafkah. Jangan sekadar hadanah, jangan sekadar hak memelihara anak. Tetapi, judinya, minum araknya, zinanya dan banyak lagi mesti dimasukkan di dalam akta ini ataupun acara ini. Itu yang kita sebut. Tetapi Yang Berhormat bagi Pasir Puteh mengatakan hari ini, bahawa kita hanya menyebut setakat Hudud, tidak betul. Hudud itu di antaranya.

Yang keduanya, apa yang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bahawa berkaitan dengan negara Islam. Negara Islam ini ada takrif dia dan ada pula pelaksanaan dia.

Takrif semata-mata tidak cukup kalau tidak ada pelaksanaan. Oleh kerana itu kelmarin saya sebut bahawa solat itu, sembahyang itu, solat itu makna dia, dimulai dengan takbir dan disudahi dengan ‘taslim’. Dalam itu ada rukunnya, ada perbuatannya. Kalau tidak ada perbuatan, tidak jadi sembahyang walaupun sudah ada takrif, walaupun sudah ada niat, walaupun sudah ada perbuatan - tidak jadi. Begitu juga negara Islam. Negara Islam ini iaitu sebuah negara daulah. Saya bantulah Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Negara Islam ini disebut dalam bahasa Arab. Dalam kitab-kitab, banyak kitab. Yang Berhormat Menteri kita ada bersama dengan kita. *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Semua boleh dikatakan sebahagian besar daripada ulama-ulama mendefinisikan sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi iaitu ‘dar’ negeri di mana terlaksananya hukum-hukum Allah, itu dia. Jadi terlaksananya. Siapa dia melaksanakan saya tidak kira.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ya. UMNO hendak laksanakan, Tok Guru Nik Aziz kata, silakan, tidak ada masalah. Siapa dia hendak melaksanakan, tidak ada masalah. Kita bukan hendak rebut kuasa, tidak. Tetapi, kita minta dilaksanakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Negara yang dilaksanakan hukum-hukum Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, minta maaflah.....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**..... kerana masa untuk penjelasan.....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**..... tidak perlu sebutkan pandangan yang panjang lebar. Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua, sikit lagi. Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaksanaannya. Adalah satu dua. Saya menyebut bahawa saya setuju, bahawa pimpinan negara kita mengisytiharkan Malaysia negara Islam. Tetapi, biar sungguh. Jangan tidak sungguh. Dari segi sebutan boleh. Kereta ini Mercedes tetapi dia Proton Saga. Kita sebut Proton Saga, kita sebut Mercedes boleh kita sebut. Tetapi, biar dia sungguh Mercedes, ke arah itu. Jadi, tidak ada siapa yang tidak setuju, saya setuju, semua orang setuju negara Malaysia negara Islam. Itu yang kita mahu. Tetapi, pelaksanaan itu Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat tanya?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Yang Berhormat bagi Pasir Mas ini ilmu banyak. Dia tidak masuk saya baca

quote Perdana Menteri tadi. Perdana Menteri Pak Lah kita, saya sebut Pak Lah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "Malaysia is an Islamic State and was one long before". Saya tidak terjemahkan itu. Jadi, kalau kita tidak boleh terima cakap Perdana Menteri..... [Bercakap dalam bahasa Arab] Saya tidak terjemahkan itu pasal Ustaz Ismail faham. Kalau silap pun, tolong tegur di hati.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Ketua Pembangkang tidak faham.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Taat, patuh kepada pemimpin wajib walaupun suka, tidak suka, wajib. Tidak gugur wajibnya selagi pemimpin tidak mengarahkan kita buat maksiat. Kalau dia mengarahkan kita buat maksiat,..[Bercakap dalam bahasa Arab] Yang bermaksud: Tidak wajib taat. Tetapi tidak ada Pak Lah arahkan kita buat maksiat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [Bangun]

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Nampaknya ada lagi yang bangun. Tuan Yang di-Pertua bagi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kepong, duduklah Kepong. Ini masalah Islam, bukan masalah penyakit kulit.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [Menyampuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Masih bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Penjelasan. Kepong, dia minta saya Kepong. Peraturan Mesyuarat? Kalau Peraturan Mesyuarat, saya duduk. Tidak ada, Kepong duduk.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya. Sudah duduk berapa penggal, tidak faham-faham peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sebab tadi Pasir Puteh tidak sebut siapa. Tidak apalah Larut. [Ketawa]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** "Ikan kembung, ikan kerapu, wakil Kepong cakap merapu". [Ketawa] Saya hendak tanya sikit kepada Yang

Berhormat, rakan saya yang begitu hebat, pernah duduk dalam JAKIM. Tahniah, syabas. Kita tidak nafikan penjelasan dan pandangan Yang Berhormat, memang wakil Pasir Mas, saya hormat dia sebagai orang tualah. Mana boleh hendak samakan kereta Mercedes dengan kereta Proton? Proton, Protonlah, Mercedes, Mercedeslah. Yang kalau pakai lebai, lebailah. Masalah kita sekarang ini tidak perlu kita hurai banyak Yang Berhormat. Kita menjadi Pengurus OIC. Negara-negara Islam, berpuluhan-puluhan buah, beratus-ratus buah di dunia ini. Ternyata bahawa kita negara Islam. Takkan negara kafir hendak jadi Pengurus OIC?

Soal PAS suakah, soal DAP suakah, kita tidak peduli. Dia orang pun sudah bercerai dah. Bercerai tidak tahulah berapa talak, secara tidak rasmi. Itu pandangan dia. Ini pandangan kita. Buat apa kita hendak hujah dengan orang tidak reti ini? Buang masa. Sebab PAS sekarang ini pernah huru-hara. Kumpulan baru ada yang ambil daripada kumpulan lama. Setiausaha Agung, tahniah Tumpat. Itu pun dilantiklah, tidak bertanding.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, suara sudah hilang?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, kerana saya hilang suara, makan durian banyak, sebab durian sekarang tidak ada harga. Jikalau saya tidak makan, rakan-rakan tidak makan, siapa hendak makan Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu perkara durian siapa hendak jawab Yang Berhormat? *[Ketawa]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kita sama-sama jawablah. Apa hendak buat? Kita sama-sama pasarkanlah masalah ini. Ini masalah orang kampung, kita kena selesaikan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, inilah dia. Dalam soal ini kita teruskan apa yang kita hendak buat dengan Islam Hadhari ini. Kalau PAS tidak faham, kita perjelaskan. Kita bagi dia terang sebenar-benarnya. Tetapi, kita tahulah

PAS ini, tidaklah semua. Saya tidaklah hendak guna ayat degil, tetapi kalau terpaksa saya gunalah ayat ‘tegar’ kata orang, degil.

Jadi Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat dengan pandangan Yang Berhormat, kerana Yang Berhormat duduk dalam JAKIM dahulu. Soalnya sekarang ini, JAKIM sekarang ini macam mana? Dengan pelbagai ajaran songsang yang masih lagi wujud. Yang Berhormat bagi Tangga Batu kata Ayah Pin. Tetapi ini ‘ayah’, yang kita hendak dengar taklimat itu ‘pin’. Adakah seolah-olah bahawa bahagian penguat kuasa ini tidak diendahkan oleh mereka ini, seolah-olah masih tidak bertenaga? Apa seharusnya kita lakukan, bahagian penguat kuasa ini untuk menyekat perkembangan yang tidak sihat ini? Semalam saya tanya Yang Berhormat, tentang dahulu dan sekarang JAKIM.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sekarang, pergi ke mana?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Dalam perbincangan kitalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi soal itu apa? Undang-undang ataupun Islamic? Sekarang pergi ke JAKIM.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya. JAKIM Jabatan Agama Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Penguatkuasaan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak apalah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua pun faham, saya pun faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya rasa Yang Berhormat, saya takut nanti Yang Berhormat.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sila jelaskan. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat 36(4). *[Sambil memegang buku Peraturan Mesyuarat]* "Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan, (biadap)" - bukan terhadap orang tetapi negara-negara pun. Yang Berhormat bagi Larut ada mengatakan bahawa, adakah negara-negara yang menjadi Pengerusi OIC, yang negara kafir?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat tadi, dengar betul-betul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti. Negara kafir itu ada dalam laporan. Kalau negara.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya sebut tadi, saya bukan sebut.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti! Dengar sahaja. Peraturan Mesyuarat. *[Dewan gamat seketika]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tidak payah dengar. Saya sebut tadi, takkan ada negara-negara lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bukan pasar. Negara-negara yang ada menjadi Pengerusi OIC, semacam Senegal, adakah negara Islam? Dalam Perlembagaan sekular republik, adakah negara Turki negara Islam? Adakah diterima? Dia sendiri kata, sekular republik. Adakah kita mahu sebut mereka sebagai negara kafir? Ini tidak patut dibuatlah. *[Dewan gamat seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita mahu hormat negara-negara yang lain, menghormati kita sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Semua hormat. Siapa yang tidak hormat? *[Dewan gamat seketika]*

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... kita tidak mahu negara kita dikutuk oleh Ahli Parlimen negara-negara yang lain.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Janganlah cari kesempatan kalau tidak faham. Tidak ada siapa kutuk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan memutarbelitkan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Dengar dulu, faham betul-betul. Faham dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Menjadi Pengerusi OIC, bukan kata ialah sudah menjadi negara Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik. Cukuplah Yang Berhormat.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak ada siapa yang mengata. *[Dewan gamat seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu memutar belit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya kata Senegal. Indonesia pun tidak anggap sendiri sebagai .....

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Minta laluan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Malaysia sahaja sendiri kata, oleh kerana kita Pengerusi OIC, kita negara Islam. Lain negara tidak buat begitu. Indonesia tidak cakap begitu. Iraq dulu Saddam Hussein tidak kata, oleh kerana beliau Pengerusi OIC, dia negara Islam.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini bukan Peraturan Mesyuarat, ambil kesempatan ini. *[Dewan masih riuh-rendah]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kenapa fahaman begitu cetek, begitu *shallow* .....?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini ambil kesempatan hendak berucap ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup, cukup.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang faham ke, apa maksud kafir?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apalah Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, walaupun kita hangat sedikit. Jadi, saya hendak jawab Yang Berhormat bagi Larut tadi. Sebenarnya JAKIM ini sudah 9 menteri bertanggungjawab. Hari ini ialah Yang Berhormat Menteri kita, Yang Berhormat bagi Besut sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab, insya-Allah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi, satunya saya hendak cerita bahawa Ayah Pin ini perkara kecil bagi saya. Dahulu Arqam lebih besar lagi tetapi Arqam kita boleh ambil tindakan. Apa lagi Ayah Pin semasa saya kita sudah tangkap selama setahun dua bulan, selepas itu kita lepaskan balik. Kita tengok kalau dia berbahaya, akan diambil semula. Soal isu keselamatan, bukan soal isu jabatan agama sahaja, ia berkait dengan keselamatan, KKDN dan sebagainya.

Maka, dengan sebab itu yakinlah bahawa keselamatan negara kita terjamin apabila kerajaan yang diberi tanggungjawab amanah ini berjalan dengan baik, bukan sahaja cakap tetapi dia buat sama. *Not only in theory, but also practical together.* Terima kasih, dengan izin.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** *[Bangun]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Yang kedua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Parit, bangun.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Oh ya.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya hendak balik kepada isu besar dalam perkara akta ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bahawa undang-undang Islam ini sebenarnya merangkumi semua ruang lingkup kehidupan, khususnya kehidupan masyarakat ataupun umat Islam. Saya juga hendak menghargai dan berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana ada kesungguhan pihak kerajaan untuk melaksanakan undang-undang Islam ini dalam semua kehidupan.

Tetapi, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sebagai orang yang pernah menduduki jawatan nombor satu dalam JAKIM dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang-bidang perundangan Islam ini, boleh atau tidak Yang Berhormat bagi Pasir Puteh berikan penjelasan apakah halangan-halangan ataupun kekurangan-kekurangan yang menyebabkan kita belum boleh melaksanakan undang-undang Islam ini dalam semua bidang kehidupan orang di Malaysia ini, khususnya orang yang beragama Islam. Adakah kita kekurangan infrastruktur, kurang mahkamah, kurang pegawai ataupun kurang kefahaman masyarakat Islam itu sendiri yang menyebabkan kita tidak dapat melaksanakan sepenuhnya undang-undang Islam ini dalam semua bidang kehidupan umat Islam. Terima kasih.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Itu satu pandangan yang baik. Kita buat kerja, kita mestilah ada orang katakan secara beransur-ansur itu satu peranan yang kita hendak buat, kita setuju, makna kita tidak mampu hendak buat semua sekali, jangan tinggal semua sekali. Kita terus buat, *go on*, dengan izin. Kemudian kita kena harus mengambil kira kerana agama adalah *state matter, not a Federal matter* tetapi *Federal matter*, tugas dia diberi oleh raja-raja melalui Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia untuk tolong menyelaraskan undang-undang dan segala-galanya. Saya tidak hendak panjangkan cerita ini.

Maka kita buat *step by step*. Kita fikir mana yang dahulu didahulukan. *Fiqh aulawiya*, Yusof Qardawi kata, “*Mana aula, diaulakan*”. Maka hari ini Undang-undang Jenayah Syariah perlu disegerakan. Kita sudah mengambil tindakan. Pihak JAKIM, pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab telah mengambil tindakan. Sebab itu saya kata wujudnya Jawatankuasa Penyelarasan Sivil Syarak tadi, bekerja setiap malam, setiap hari, mengkaji, membawa kemudian mencadangkan

kepada kerajaan. Ini peranan kita. Kita tidak hendak bercakap tetapi tidak buat. Bayak cakap daripada buat. Itu saya tidak hendak tetapi saya tidak kata kepada mana-mana orang. Saya cakap kepada diri saya sendiri.

Untuk menyelaraskan undang-undang ini, kita tengok Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak, Undang-undang Keluarga Islam, Akta Prosedur Jenayah Syariah, Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah. Ada enam ini kalau kita berjalan, sudah *complete*, sudah *comprehensive*. Ini dikatakan *complete way of life*. Tetapi kita tidak faham bahasa Orang Putih, kita baca tetapi kita tidak analisis dengan secukupnya. Ad-Din itu adalah *complete way of life*, betul atau tidak Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Menyampuk]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** *Because I am Arabic medium*, kalau *English medium*, saya boleh dengan mimpি sahaja bercakap Orang Putih, kalau salah tidak berdosa. Kalau baca ayat Quran atau hadis berdosa kalau salah.

Jadi, dengan sebab itulah saya hendak ingatkan bahawa kita buat hari ini secara berperingkat-peringkat. Kita tengok dari segi undang-undang meningkat. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita tengok perubahan daripada 48 tahun kita merdeka, alhamdulillah hari ini kita dengar begitu hebat tetapi jenayah-jenayah ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh hapuskan 100%. Undang-undang ialah sebagai mencegah. Sebab itu saya kata semalam, *prevention is better than cure*. Ini pun satu lagi sedap.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ledang, bangun.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Allah, Yang Berhormat bagi Ledang hendak? Ha, berilah, pasal jiran, tidak boleh.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya percaya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh banyak berjalan di seluruh dunia. Negara Islam, negara bukan Islam. Tidak kiralah apa bentuk Perlembagaan mereka. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, banyak-banyak negara dalam dunia, manakah satu negara yang sama dengan negara Malaysia terutamanya dalam bentuk masyarakat majmuknya, asal usulnya dan sejarahnya yang

boleh kita jadikan sebagai satu contoh atau model supaya kita boleh dapat ke tahap menyempurnakan hukum Islam khususnya dalam negara kita sebagai sebuah negara Islam. Silakan.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Yang bercakap itu bijak. Itu yang saya hendak. Soalan yang payah-payah, saya hendak jawab pun payah. Ini soalan yang tidak payah tetapi bijak. Dia panggil bijaksana, bukan sahaja ada ilmu bijak tetapi bijaksana. Ini yang kita hendak, mempunyai kreatif, inovatif dan positif. Satunya saya hendak jawab, Malaysia adalah bukan kita gelar, ialah 57 negara OIC termasuk negara-negara yang NGO. Dia turut serta dalam OIC baru-baru ini dia kata apa? Sebab saya bertugas dalam OIC. Barangkali Yang Berhormat tidak semua duduk dalam OIC, DPCC. Saya duduk di sana. Dia kata *Malaysia is an Islamic country*, satu, dia *declare, declaration, Islamic country*. Kalau kita hendak makan lagi, makanlah. Kalau kita keras keng, makanlah. *Islam, and Malaysia is an Islamic country, the best Islamic country*, kita taruk satu lagi, *the best Islamic country* dan sebagai *role model*. Ertinya, Malaysia walaupun kecil, umat Islam tidak banyak tetapi boleh jadi *role model*.

Ini menunjukkan bahawa pengiktirafan dunia. Maka dengan sebab itu Amerika kata Malaysia sebuah negara Islam, Jepun kata Malaysia sebuah negara Islam, Australia saya pergi jumpa dengan Perdana Menterinya baru-baru ini, *Select Committee*, berpeluk, *Malaysia is an Islamic country*. Dia sebut begitu, bukan hendak bohong kerana saya pergi sendiri ke New Zealand dan Australia. Jadi, yang dok bercakap ini, dia bercakap dalam gelap, api sebam-sebam. Yang bercakap api cerah macam ini, baru boleh baca teks. Terima kasih ,Yang Berhormat bagi Ledang.

Maka sebab itulah kita ada perbankan Islam. Mana ada sistem ekonomi Islam berjalan? Di Malaysia. Semua ambil contoh daripada Malaysia. Kita ada insurans, kita ada pajak gadai Islam Ar-Rahnu, kita ada takaful Ar-Rahnu, kita ada perbankan Islam. Ini semua adalah dalam bentuk ekonomi, apa lagi kita ada universiti Islam, kolej Islam dan sebagainya. Ini semuanya dihadiri oleh mereka yang bukan Islam dari negeri China dan sebagainya.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, bagi Bagan bangun, Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Yang Berhormat bagi Bagan, kita bagi, jiran.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jauh-jauh pun jiran juga, Yang Berhormat?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ha, jiran.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya ada mengemukakan satu soalan lisan pada 29 Jun ini bertanya Menteri Kewangan menyatakan mengapa kerajaan membenarkan cabutan empat nombor ekor tambahan kepada setiap Selasa oleh syarikat-syarikat perjudian akhir-akhir ini. Saya juga ada bertanya berapa hasil daripada cabutan tambahan ini diperolehi oleh kerajaan dan apa guna hasil itu? Dan saya ingin memberi jawapan seperti yang telah diberi kepada saya.

Kerajaan membenarkan cabutan tambahan kepada syarikat-syarikat perjudian empat nombor ekor adalah bertujuan membiayai program-program pembangunan kemasyarakatan, sukan, kesihatan, pendidikan dan kebajikan seperti Tabung Wabak JE, penganjuran Sukan SEA, perlumbaan kereta F1, kempen keselamatan jalan raya dan lain-lain.

Pada tahun ini sahaja, hasil yang diperolehi oleh kerajaan untuk disalurkan kepada projek-projek pembangunan kemasyarakatan ialah sebanyak RM106 juta.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, adakah Yang Berhormat menganggap Kerajaan Malaysia ini, ia bukan *prevention*, ia *encouraging*, ia bukan mencegah, ia menggalakkan rakyatnya berjudi bukan sahaja nombor ekor ada, Genting ada, lumba kuda ada, lumba ..... macam-macam ada, bola sepak ada, semua ada.

Jadi, saya quote satu perkataan dari *High Court Judge*, baru kelmarin sahaja, iaitu bekas Ketua Menteri Sabah di mana beliau ada kononnya berhutang RM7.1 juta. Dia kata *revenue from gambling is a sin and like a vice - V.I.C.E* iaitu satu dosa. Jadi, adakah kerajaan selepas mendapat hasil-hasil dari *gambling* ini digunakan untuk kegiatan-kegiatan seperti yang saya kata, itu satu amalan, satu contoh yang baik oleh kerajaan kita. Tolong ulaskan.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Yang ini tidak perlu ulas, kerana “*waki’ie*”, dalam bahasa Arab, kena “*waki’ie*”, benda yang berlaku, serah kepada Menteri dan

serahkan kepada Perdana Menteri sebab saya tidak mampu menjawab ini walaupun saya boleh jawab. Apabila soalan datang, saya boleh jawab tetapi saya tidak perlu jawab, comel soalan itu dan terima kasih pandangan itu.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]* Apalah ini.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya ini yang puji, saya puji juga sebab saya sendiri dari segi *personally* pun saya tidak setuju. Memanglah kita hendak buat Undang-undang Jenayah Syariah ini untuk mencegah yang itulah pun; minum arak, berjudi, berkhalwat, sumbang mahram, ‘haruan makan anak’, kita hendak jaga itu semua. Kita tidak hendak benda-benda ini berlaku menjadi huru-hara dan tidak menjadikan negara kita aman dan makmur. Jadi kita serahkan kepada Menteri, sedikit-sedikit dia akan jawab.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ada dua? Jerai dululah. Hak Jerai tidak boleh,... abang.kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ha, Jerai sila..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya hendak mengalu-alukan kehadiran pelajar daripada Sekolah Menengah Yan yang diketuai oleh Cikgu Faiz yang mai tengok kita bersidang hari ini, terima kasih. Yang keduanya, saya hendak minta penerangan daripada Yang Berhormat, kita hari ini setelah diterima oleh dunia Islam bahawa kita adalah negara Islam contoh dan sekarang ini juga kita telah adakan Islam Hadhari untuk memperjelaskan kepada dunia dan juga Barat yang menganggap semua orang Islam ini ataupun negara-negara Islam ini sebagai negara-negara yang jahat, negara-negara yang melakukan jenayah, pembunuhan dan sebagainya.

Tetapi apa yang dilakukan oleh sesetengah mereka itu adalah untuk mempertahankan tanah air mereka, mempertahankan rumah tangga mereka, mempertahankan kedaulatan negara mereka. Apakah apabila Amerika menyerang Iraq

dan rakyat Iraq bangun menentang Amerika dianggap sebagai pengganas? Apabila Iraq cuba mengganggu Iran, apabila rakyat Iran memilih Presiden yang baru juga dianggap sebagai negara yang tidak menyokong Amerika? Apakah semua negara Islam harus tunduk kepada Amerika? Apakah semua negara seluruh dunia ini harus tunduk kepada Amerika yang menjadi *big brother* dan cuba membuli seluruh negara di dunia.

Hari ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah melawat, tadi Yang Berhormat mengatakan ke Australia dan pemimpin ini telah pula menerima apa dia Islam yang sebenarnya. Islam adalah agama yang sederhana, disuruh berbaik-baik di antara satu sama lain. Tetapi apabila kedudukan agama itu tergugat, apabila tanah air tergugat, maka perjuangan untuk mempertahankan agama dan tanah air itu adalah wajib dari segi agama kita. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ini pandangan baik, semuanya baik pandangan pagi ini sebab itu saya sudah hendak berhenti sekejap lagi, baik-baik semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Elok, eloklah itu.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Jadi, satunya saya hendak beri pandangan sedikit....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Pasir Mas pula hendak minta laluan.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Sekejap Yang Berhormat bagi Pasir Mas ya. Setiap negara, rakyatnya berhak mempertahankan negara dia, tanah air dia, bangsa dia, harta benda dia, nyawa dia, sama ada dia Islam atau tidak Islam, dalam rakyat negara itu wajib mempertahankan, bukan sunat, wajib mempertahankan. Maka Israel yang menentang Palestin, rakyat Palestin ditindas, dia wajib mempertahankan tanah air dia. Afghanistan, satu ketika dahulu diserang, dia mempertahankan. Iraq diserang, banyak lagi kalau saya hendak bilang tetapi semua ini tidak boleh kita cop dia sebagai penjenayah sebab dia mempertahankan tanah air dia, kewajipan dia. Maka kerana *11 September, World Trade Center* ranap maka timbullah idea Amerika itu

hendak tengok negara-negara mana yang cuba boleh kita katakan penjenayah. Tetapi kita Malaysia, mengambil tindakan awal..

Semua jenayah militan memang kita sudah ambil tindakan, Al-Maunah, memang kita sudah ambil tindakan masa itu, bijak. Saya di JAKIM, kerajaan telah mengambil tindakan yang lebih awal kepada yang dicop dengan pengganas-pengganas ini supaya kita tidak biarkan di dalam negara kita. Ini yang bijaknya Malaysia, diambil senyap-senyap dan letak di Kemunting dan saya ada pergi ceramah sekali sekala. Jadi, itu cara dia. Ini masa kita tidak boleh cop sebarang. Sebab itu kita tidak boleh ambil kira dengan Amerika, kita tidak hendak berbalah dengan Amerika, dia kuat, kita ini kecil. Gajah dengan kambing, hendak berbalah macam mana? Tetapi kita dengar sahaja, tetapi bila ada ruang, kita hendak rakyat kita bersatu.

Saya seru, marilah kita bersatu sama ada Islam atau tidak Islam, Barisan Nasional atau bukan Barisan Nasional dalam bab ini, bab lain hendak berbalah pun tidak apa, hendak berkelahi pun tidak apa tetapi bab ini, bab mempertahankan negara wajib kita mati, wajib kita mati . Kita tidak rela seinci bumi kita ini diganyang, dipijak dan dijajah kali yang kedua. Sistem *stand divide-and-rule*, kita tidak mahu berlaku lagi. *Divide-and-rule* kerana undang-undang kita telah dilaksanakan di Melaka, di Johor dan di Pahang telah pun dikhaldunkan jenayah sampai ke peringkat hudud tetapi kerana British masuk, dia cuba sedikit-sedikit secara residennya, dia masukkan sivil syarak, undang-undang kita jadi longgar, hari ini kita hendak buat balik.

Kita kena ingat sejarah Melaka, sejarah Pahang dan sejarah Johor dan sebagainya. Maka dengan ini saya rasa, Pasir Mas hendak sangat? kerana dia hendak sangat, kerana ukhuwah islamiah ini, saya jiran bukan jiran yang sedarah daging tetapi jiran....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagi sahajalah Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Kena bagilah, darah daging sebelah ini, [Menunjuk ke arah beberapa Yang Berhormat di sebelah kiri] kita bagilah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya hendak sokong Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Apa yang diucapkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sekejap tadi adalah cukup baik dan menarik dengan mengajak supaya kita semua berpakaat dan bermuafakat. Berpakaat ini bermuafakat dan bekerjasama ke arah satu kebaikan. Saya tertarik dengan sebutan ‘*tadarush*’ sekejap tadi, beransur.

Saya menyokong, bukan PAS tidak menyokong, PAS menyokong cara beransur tetapi masyarakat kita ini mesti diberi fahaman secukup-cukupnya apa makna ‘*tadarush*’ itu. Dia dalam kaedah Islam, dalam agama kita ini ada benda yang tidak boleh ‘*tadarush*’, ada benda yang boleh ‘*tadarush*’. Dalam akidah tidak boleh ‘*tadarush*’, ia adalah ‘*thabit*’, kekal, tetap dan jitu, tidak boleh hendak ‘*tadarush*’ lagi dari segi akidah. Hari ini hendak percaya kepada Allah, kemudian tidak percaya kepada Malaikat, tahun depan baru percaya kepada Malaikat, tidak boleh – percaya kepada Allah, percaya kepada Malaikat, percaya kepada Rasul, serentak.

Begitu juga dengan amalan yang lain, puasa misalnya. Hari ini hendak puasa sekerat hari, kemudian besok sekerat hari, kemudian lusa itu baru satu hari. Maknanya beransur-ansur dalam amalan ibadah tidak boleh. Ada benda yang boleh dan ada benda yang tidak boleh. Pelaksanaan syariat Islam, ada perkara yang boleh beransur dan ada perkara yang tidak boleh beransur

Saya minta kepada benda yang beransur ini biar berganjak cepat sedikitlah. Yang Berhormat Menteri, biar berganjak cepat sedikit, jangan perlahan, sudah 47 tahun kita merdeka tetapi perlahan sangat, lambat sangat. Kita tengok *case by case*, terlalu perlahan, terlalu lambat, kita bimbang takut apa yang berlaku di negara kita. Datang Tsunami, runtuh kita, kita mati. Kita bertanggungjawab di hadapan Allah S.W.T.

Mengapa kita diberi kesempatan ini kita lambat? Pisau sudah ada di tangan kita, tembakai sudah ada di tangan kita, kita belahlah dia, tunggu apa lagi? Tunggu nanti dia busuk, kita akan dipertanggungjawabkan. Pada zaman kita ini, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, di zaman ada ulama lagi, pada zaman ada ustaz lagi, saya kira barangkali dua, tiga penggal lagi sudah tidak ada ustaz lagi di Dewan ini. Ini pun hendak cari ustaz dalam Parlimen pun payah di kalangan UMNO, sudah payah, ada tiga orang sahaja

ustaz, Datuk seorang, Datuk seorang, Datuk Baling seorang [*Sambil menunjukkan kepada beberapa Ahli Yang Berhormat*]

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** ....tiga orang yang ada. Hah, mana, mana lagi? Tidak ada.

**Seorang Ahli:** Ada, ada sana tu ....Jerai tu! Banyak ada.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Yang itu bukan ustaz [*Ketawa*] Jerai bukan ustaz.

Ada 4 orang daripada 190 orang lebih, dekat 200 lebih. Ada 4 orang ustaz sahaja. Tidak boleh bertahan dah, UMNO tidak boleh pertahankan ustaznya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudahlah Yang Berhormat, lain kali ada ustazlah tu!

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya kira ini yang peluang kerajaan yang makin hari makin tidak ada dah ustaz. Sudah kira tidak ada dah, kira tidak ada dah. Waktu kita ada inilah, saya rasa ada bagi PAS pun ada ustaz, balik sana pun ada tiga orang ustaznya. Kut tidak ada dah sekarang ini? Sebelah Pas ini ada lagi, sebelah sana sudah tidak ada dah, tidak ada, makin kurang dah. Jadi waktu inilah, Yang Berhormat, kita cepatkan sedikit. jangan jadi kura-kura. Kura-kura ini perlahan sangat, biar sekali-sekala jadi arnab.

Pelaksanaan itu biar cepat sedikit dan saya setuju, bukan saya menolak. Saya setuju hujah yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Puteh sekejap tadi, tinggal lagi perlahan sangat, anjur sangat. Adakah? Hari hendak cerah sudah, kita dok situ lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia sudah faham, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Jadi kita kena segerakan dan saya harap sangat. Barangkali sesi ini, sesi membincangkan masalah-masalah enakmen Islam ini sesi ini sahaja. Sesi hadapan ini kita tidak bincang lagi. Saya harap Menteri dengan semangat baru, dengan azam baru, dengan ketokohan yang ada dan saya kenal sangat Al-Fadzili ustaz, ustaz walaupun saya tidak pernah mengaji dengannya, tetapi saya pernah baca makalah-makalahnya yang begitu hebat, tulisan-tulisannya yang nampak intelektual Islamnya.

Saya harap sangat daripada Menteri kita yang berada dalam Dewan ini, bekerja keras sungguh, kalau boleh tidak tidur tidak tidurlah supaya dapat melaksanakan Undang-undang Islam di negara kita ini.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Pasir Mas, cukup baik dia sokong UMNO hari ini. Bukan sokong Barisan Nasional sahaja, dia sokong UMNO dan dia puji Menteri kita tok guru ini walaupun dalam pembacaan. Tok guru dengan anak murid, anak murid tidak payah derhaka dengan tok gurulah, itu sahajalah.

Yang keduanya, UMNO telah banyak ustaz-ustaz hari ini, kita tidak nama ustaz, nama Dato' Haji Che Min, tidak ada ustaz sebab dalam PAS sudah pupus. Dato' Hassan Shukri minta maaf sebut. Kan molek? Tidak ada dah. Dato' Halim tidak ada dah dalam PAS walaupun Yang Berhormat lagi; Harun Taib tidak ada dah;...

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Dia ada.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Dia ada tetapi dia tidak di sinilah, Maknanya saya tengok dalam PAS tidak boleh dah kita hendak *declare* sebagai kepimpinan ulama sebab ulama yang muktabar yang akbar macam Ustaz Wei kita, Pasir Mas ini, Yang Berhormat Ustaz Wei sudah tidak ada dah. Yang dok ada pakai *necktie* macam saya. Ertinya UMNO sudah berubah wajah hari ini ke arah hendak kuatkan Undang-undang Jenayah Islam, PAS sudah mula pupus ulama, minta maaflah. Ini jangan terasa hati tidak payah jawab, itu tidak perlu...[Ketawa]

Maka, saya hendak akhirkan, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah banyak berucap dalam dua hari ini. Saya terima kasihlah kerana dahulu-dahulu saya bertugas sebagai Timbalan Ketua Pengarah JAKIM di sini, tempat Pegawai Kanan, tidak ada orang bincang bil Islam. Hari ini bil-bil syarak dibincang begitu hebat. Ini ada lagi orang nak berucap selepas saya, insyaAllah. Maka saya hendak ulang balik DR15/2005 Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah - *Syariah Court Evidence* - kena sebut bahasa Inggeris, dengan izin, kalau tidak dia tidak sah undang-undang ini seolah-olah begitu, tidak berapa *smart*. Bukan tidak sah, tidak *smart*. Rang Undang-undang Tatacara Mal iaitu *Syariah Court Civil Procedure*. Kemudian akhir sekali ialah Syariah *Criminal Procedure* iaitu Rang Undang-undang Tatacara Jenayah.

Maka sebelum saya mengakhiri, saya menyokong penuh dan saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini mendapat sokongan dan komitmen

yang tinggi daripada Ahli Yang Berhormat kepada keseluruhannya dan saya mencadangkan supaya dengan pindaan ini kita membawa kepada satu era anjakan (*paradigm shift*) kepada negara Malaysia yang digelar sebuah negara Islam walaupun orang lain cemburu kita sebut negara Islam, tetapi negara Islam kita pertingkatkan undang-undang.

Yang keduanya, minta Yang Berhormat Menteri tolong tengok Mahkamah-mahkamah Syariah walaupun tidak secara *direct* tetapi di bawah Menteri juga, supaya diperkemaskan. Pasir Putih saya tengok Mahkamah Syariah, Mahkamah Sivil teruk! Walaupun saya sudah diberi kelulusan untuk buat baru, saya minta dengan Yang Berhormat Menteri yang jaga kehakiman ini...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta sedikit penjelasan?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** ....*Insyallah*. Yang ketiga.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sedikit, sedikit.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Hendak habiskan satu lagi, takut lupa. Selain daripada mahkamah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Sekejap, saya bagi.

Selain pada mahkamah kita hendak supaya *manpower* ditengok secukupnya bagi mahkamah. Selain daripada *manpower* ialah kita hendak supaya wujudkan satu pusat latihan sekurang-kurangnya macam L-Cup, melatih hakim-hakim kita, pendakwa kita, penguat kuasa kita, pengintip kita, pengintai kita supaya lebih - orang katakan - lebih canggih sebagaimana Mahkamah Sivil.

Saya bagi Larut, lepas itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat macam baru hendak mula berucap. Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat ini ada kepakaran waktu dalam JAKIM.

Tentang masalah Mahkamah Syariah ini, kita mintalah supaya pihak berkenaan carilah jalan bagaimana banyak kes-kes yang tertunggak. Kadang-kadang berulang-alik

orang itu ke mahkamah, terpaksa ambil cuti, ada yang setengah itu ada anak, meninggalkan kerja dan sebagainya.

Apakah cara yang terbaik yang boleh kita atasi masalah ini? Kadang-kadang terpaksa tinggalkan kerja, berjauhan dengan keluarga, tiba-tiba tertangguh lagi kes-kes di mahkamah yang membabitkan orang Islam ini. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat yang pernah duduk dalam JAKIM ini bagi sedikit penjelasan. Mungkin Yang Berhormat hendak buat dahulu tidak sempat, apa pula Yang Berhormat hendak cadangkan? Terima kasih.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, Menteri kita ada sendiri akan menjawab.

Sebenarnya kita hendak proses mahkamah jangan panjang, gantung tidak bertali sampai tidak ada tali, la ni tidak ada dah berlaku. Saya kata *must be clear one month*, dalam satu bulan, *clear*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Boleh kita buat! Kalau hendak bercerai, hari ini panggil perempuan, besok panggil lelaki, dua-dua panggil minggu hadapan, putuskan. Kalau tidak boleh lagi bersatu, ceraikan. Habis cerita. Tidak susah, *insya-Allah*. Begitu juga kes mal, kes tuntutan nafkah dan sebagainya boleh dibuat secara cepat tetapi ikut prosedurlah. Tetapi kalau hendak bernikah tidak ada wali, kena iklan dalam surat khabar tunggu masa sedikit, jangan kita menikah terus. Itu pandangan saya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Bukan apa, Yang Berhormat, sedikit lagi. Saya faham Yang Berhormat, prosedur kita kena ikut, ini hukum-hakam. Masalahnya ialah terlalu banyak sangat birokrasi yang diada-adakan ini. Macam pas-pas ini. Jadi minta supaya perkara ini dapat dikurangkan, diatasi dengan segera.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, birokrasi kita robohkan. Tidak ada di mahkamah birokrasi, tidak ada dalam pentadbiran kerajaan birokrasi tetapi dia buat ikut peraturan. Birokrasi kita tidak mahu banyak. Terima kasih atas pandangan ini.

Maka sebelum saya mengakhiri, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat cakap Perdana Menteri dalam surat khabar, 10 Januari 2004, berita ini dalam Berita Harian. Boleh bukalah Berita Harian, 10 Januari 2004, lima strategi tingkatkan

perkhidmatan awam, hendak adakan,... jangan adakan birokrasi, hendak percepatkan mahkamah:

- (i) minda dan sikap yang mengejar kecemerlangan, kena ada;
- (ii) etika yang luhur;
- (iii) pembangunan tenaga manusia yang berpengetahuan dan mahir, bukan sahaja bijak tetapi bijaksana. Kita hendak *human capital* dibinakan;
- (iv) budaya kerja yang berdasarkan prestasi yang baik; dan
- (v) daya kepimpinan yang kukuh, kita hendak satukanlah hati kita.

Jentera kerajaan sebagai jentera kita sebagai pembuat dasar. Biarlah seiring, tidur sebantal, mimpi yang sama, walaupun tidur rumah yang lain mimpi biarlah sama. Saya tidak hendak tidur rumah sama, bantal sama mimpi lain. Inilah harapan saya,

Tuan Yang di-Pertua, walaupun veteran tapi dalam angkat sumpah baru, tidak sampai setahun lagi saya akan adakan kek sedikit cukup genap setahun saya angkat sumpah nanti, bulan tujuh. Tetapi saya tidak buat sinilah, saya buat di rumah dengan anak-anak.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih banyak atas berkat diberi saya tenaga usaha, ilmu yang sedikit ini, belum banyak saya dapat bercakap dalam masa dua hari ini. Apa kesilapan yang berlaku bukan sengaja, kata kasar itu biasa. Saya insya-Allah, saya patuh kepada budaya lemah-lembut kita tetapi kerana sekali-sekala itu naik "sheikh" tidak boleh buat apalah. Jadi dengan sebab itu saya minta izin banyak-banyak, takut malam ini mati. Kalau mati lambat lagi tidak apa. Sekian, *[membaca doa pendek mengakhiri ucapan dalam bahasa Arab]* Dengan ini saya menyokong ketiga-tiga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya hendak bagi peluang Bukit Gelugor. Silakan Yang Berhormat. Ya, silakan Yang Berhormat.

**12.29 tgh**

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Minta maaf atas kelewatan memulakan ucapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang kepada saya pagi ini.

Walaupun ada dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi, apabila rakan saya dari Kepong mohon untuk menanya satu soalan tambahan, yang menyatakan ini adalah Rang Undang-undang Syariah dan Kepong tidak ada hak kerana dia bukan orang Islam untuk berbangkit apa-apa soalan. Ini adalah satu fikiran yang sempit yang tidak harus dikekalkan.

Apa yang digunakan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi Tuan Yang di-Pertua di antara lain, dia menggunakan perkataan “kafir”. Jika saya tidak silap Nabi Muhammad dia tidak membezakan orang Islam sebagai orang Islam dan bukan Islam sebagai kafir. Apabila Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ada membuat bantahan tadi, membuat rayuan bahawa perkataan itu ditarik balik tapi malangnya Tuan Yang di-Pertua tadi tidak mengizinkan perkataan itu untuk ditarik balik.

Tidakkah perkataan “kafir” satu perkataan yang menghangatkan hati orang yang bukan Islam. Saya ada menggunakan perkataan “celaka” ke atas Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri iaitu Datuk M. Kayveas pada hari Isnin dan saya ada diarahkan untuk menarik balik perkataan itu dan saya ada menarik balik perkataan itu. Saya harap perkataan “kafir” tidak akan digunakan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada tajuk. Ada di dalam perbahasan dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, iaitu Malaysia adalah satu *Islamic State* dan bukan *secular state*. Sebab yang telah diberi untuk pendirian itu adalah OIC ada menerima Malaysia sebagai satu *Islamic State*. Negara-negara lain ada menerima Malaysia sebagai *Islamic State*. Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting adalah bukan OIC. OIC tidak ada hak, tidak ada kuasa untuk memutuskan adakah negara Malaysia adalah sebuah negara *Islamic State*.

Bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dengan izin, *you have no business to declare Malaysia is an Islamic State*. Apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri baru kita iaitu Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi baru-baru ini dia mengatakan *Malaysia has been an Islamic State and is an Islamic State*. Perdana Menteri baru ini pun tidak ada hak untuk mengisyiharkan Malaysia sebagai *Islamic State*. Ada dikatakan tadi oleh seorang Ahli Dewan Rakyat bagi Barisan Nasional tadi dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini, ada menyatakan dalam titah ucapannya ada menggunakan Malaysia adalah *Islamic State*. Apa yang dikatakan

oleh Yang di-Pertuan Agong bukan apa yang jadi pendirian baginda. Apa yang dikatakan oleh baginda adalah satu *executive statement*. Titah ucapan itu adalah ditulis oleh kerajaan bukan ditulis Yang di-Pertuan Agong sendiri. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua ini tidak dihormati oleh kerajaan. Tidak menghormati keputusan-keputusan mahkamah-mahkamah dalam negara kita ini. Khasnya Tuan Yang di-Pertua, bagi negara Islam.

Pada tahun 1988, Mahkamah Agong yang terdiri daripada lima hakim, bukan tiga kerana biasanya ada tiga, tetapi lima kerana isu yang ada depan Mahkamah Agong pada masa itu adalah isu yang penting, iaitu isu yang melibatkan kepentingan rakyat dan oleh itu lima hakim menduduki untuk menghakimi isu itu. Apa keputusan mahkamah itu? Apa yang saya menyatakan tadi dengan sebulat suara lima hakim itu memutuskan atas tafsiran Perkara 3(1) Perlembagaan Malaysia adalah satu *secular state* dan bukan *an Islamic State*.

Apa yang penting adalah ini Tuan Yang di-Pertua, lima hakim itu yang diketuai oleh Tun Salleh Abbas, iaitu Ketua Hakim Negara pada masa itu dan Tun Salleh Abbas adalah seorang hakim yang bijak dan selain daripada itu hakim yang menganut agama Islam. Dia berani pada masa itu untuk beri tafsiran yang baik dan harus dia berikan dan empat hakim lain mengikuti pandangannya untuk memutuskan dengan tidak ada dengan izin apa-apa *dissenting judgment* bahawa Malaysia adalah satu *secular state* dan bukan *Islamic State*.

Bagi Mahkamah Syariah, walaupun dikatakan orang Islam yang terlibat dalam kes-kes Mahkamah Syariah, tetapi orang tidak Islam pun ada kaitan dan ada dipengaruhi oleh keputusan-keputusan oleh Mahkamah Syariah seluruh negara kita ini. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Syamila suaminya bertukar agamanya, memeluk agama Islam daripada agama Hindu dan dengan itu dua orang anaknya yang bawah umur turut menjadi orang yang menganut agama Islam, walaupun ibu kepada anak itu kekal dengan agama asalnya iaitu agama Hindu.

Kes ini dihakimi oleh hakim Faizal Tambi Chik. Dilema yang ada dihadapi oleh hakim itu adalah ini, apakah keputusan yang adil yang harus dibuat apabila depannya ada seorang yang memeluk agama Islam dan seorang yang kekal iaitu ibu dalam kes ini kekal dengan agama asalnya iaitu agama Hindu. Dilema itu ada mendapat satu

*solution* oleh hakim itu dan hakim itu adalah hakim yang baik, hakim yang bijak, tetapi keputusan yang terpaksa dibuat adalah ini, iaitu mengenai tukar agama, Mahkamah Tinggi itu tidak ada kuasa dan hakim itu Tuan Yang di-Pertua ada terikat dengan beberapa keputusan oleh Mahkamah Agong dan Mahkamah Federal dalam negara kita ini.

Oleh itu apa keputusan yang telah dibuat oleh hakim yang bijaksana itu? Dia memutuskan Mahkamah Tinggi tidak ada kuasa mengenai *conversion*, iaitu *conversion* bagi bapa kepada anak itu dan suami kepada Syamila kekal. Bagi *custody* dia memberi *custody actual, realistic* kepada ibunya dengan syarat dia tidak boleh bagi anak-anaknya buat apa-apa yang bertentangan dengan agama Islam. *Legal custody* ada diberikan kepada bapanya. Ini adalah dilema yang dihadapi dan susah diatasi oleh Syamila. Hakim ini memutuskan bagi *conversion* suaminya itu adalah dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan itu jadi forum untuk Syamila. Tetapi Syamila bukan seorang Islam. Dia menganuti agama Hindu. Dia tidak boleh pergi ke Mahkamah Syariah kerana tidak ada syarat dalam hukum syariah di mana seorang yang bukan orang Islam boleh mendapat satu keputusan daripada Mahkamah Syariah.

Ini adalah dilema yang dihadapi bukan oleh Syamila sahaja tetapi oleh beberapa ibu lain yang kekal dengan agamanya, di mana suaminya bertukar agama dan memeluk agama Islam. Apa *solution* yang harus dibuat? Apa langkah-langkah yang harus diambil oleh kerajaan untuk dengan izin, *solve Syamila's dilemma and the dilemma of so many others in this country*. Dan Tuan Yang di-Pertua bagi tukar agama kepada agama Islam.

Dalam kes 'Soon Singh' yang merupakan seorang yang asalnya agama Sikh, dia memeluk agama Islam dan selepas itu dia ingin kembali ke agama Sikh. Dia membuat satu permohonan ke Mahkamah Tinggi dan kes itu pergi kepada Mahkamah Agong dan Mahkamah Federal, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Mahkamah Federal itu memutuskan Mahkamah Sivil tidak ada kuasa mengenai *conversion* di mana seseorang memeluk agama Islam. Forumnya adalah forum Syariah *Court* seorang yang ingin menukar daripada agama Islam kepada agama lain harus pergi ke Mahkamah Syariah. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang itu membuat permohonan kepada Mahkamah Syariah, ada beberapa negeri di dalam negara ini yang tidak ada prosedur

untuk membuat satu keputusan di mana seorang yang menukar agama kepada agama Islam ingin tukar kembali kepada agama asalnya. Tidak ada prosedur. Di mana-mana negeri yang ada prosedur susah untuk dapat jawapan daripada Mahkamah Syariah, apabila ada satu permohonan ada dibuat kepada mahkamah itu. Ini adalah delima-delima beberapa orang yang tukar agama asalnya kepada agama Islam.

Dewan yang mulia ini harus tuju kepada mendapat resolusi-resolusi bagi apa yang dihadapi oleh Syamila dan beberapa Syamila lain dalam negara ini dan beberapa .....dalam negara ini dan saya harap kerajaan akan mendapat resolusi yang baik yang boleh diterima sebagai resolusi yang munasabah bagi orang yang bukan Islam dalam perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### **12.45 tgh.**

**Tuan Haji Fadilah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian untuk menyokong Rang Undang-undang Keterangan Syariah yang dibentangkan pada hari ini. Juga bukan sekadar menyokong tetapi ingin menyarankan agar pihak kerajaan akan dapat mengambil tindakan untuk mempercepatkan penyeragaman undang-undang syariah di seluruh Malaysia sebab pada saya ini amat penting sebagai mana kita telah dengar tadi Yang Berhormat Pasir Puteh pakar yang terlibat penggubalan undang-undang terdahulu dan juga wujudnya pelbagai permasalahan di peringkat pengamalan di bawah yang telah menimbulkan beberapa suasana termasuklah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor wujudnya lacuna dan perundangan di mana wujudnya konflik di antara perundangan sivil dan perundangan mahkamah syariah yang menyebabkan beberapa perkara tidak dapat diselesaikan berdasarkan perundangan yang sedia ada.

Saya juga ingin seperti mana rakan-rakan yang lain melihat kepada beberapa perkara dalam sudut pengamalan. Saya akan membahaskan perkara ini berdasarkan pertamanya mengapa perlunya penyeragaman bagi menyelesaikan konflik tadi di antara undang-undang syariah, undang-undang sivil dan juga bagaimana wujudnya ketidaksamaan di antara amalan di antara negeri-negeri dalam beberapa perkara tertentu dan juga dari segi perundangan dan amalan mengapa perlunya ia diseragamkan supaya kita akan dapat meletakkan perundangan Islam itu sesuai dengan

memartabatkan agama Islam itu sendiri sebagai satu *addin*, cara hidup dan yang mengharuskan kita *translate* dengan mahkamah dilihat sebagai kedudukan yang tinggi untuk menilai atau menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam khasnya.

Jadi, bila keputusan dibuat ia harus dihormati dan diterima sebagai suatu keputusan yang adil dan saksama kepada semua orang supaya ia sesuai apa yang dikatakan sesuatu yang dapat diiktiraf sebagai *addin*. Jadi itu yang harus kita lihat dan saya bila berbahas sedar bahawa perundangan mahkamah syariah ataupun perundangan syariah ini adalah suatu yang baru, masih di peringkat *infant* kalau dapat dikatakan dengan izin dalam konteks kita dan berbanding dengan undang-undang sivil yang telah wujud beratus tahun dahulu, undang-undang syariah kita adalah satu perkara yang baru dan memerlukan banyak komitmen dan *political will* daripada kerajaan supaya kita dapat meletakkan perundangan Islam ini di martabatnya yang sesuai. Saya mengambil kira pada pandangan itu jadi saya ingin melihat dan menyentuh pertama sekali dalam struktur perundangan syariah untuk kita mengemaskinikan dalam konteks penyeragaman tadi.

Saya hendak mengambil contoh misalnya dalam konteks amalan sekarang kalau kita hendak melihat dalam kes perkahwinan sahaja untuk poligami. Untuk poligami kita melihat dari segi amalan, negeri-negeri berbeza. Bila wujudnya perbezaan maka wujudlah tafsiran yang pelbagai. Misal kata ada negeri mengatakan perlu persetujuan isteri untuk mendapat kebenaran berpoligami dan juga ada perbezaan dari segi prosedur bagaimana kita hendak mendapat persetujuan daripada isteri pertama. Misal kata kita ambil contoh di Sarawak kalau hendak mendapat persetujuan berpoligami, maka permohonan poligami akan dilakukan oleh suami dan minta isteri pertama atau kedua dan sebagainya hadir di mahkamah untuk memberi keterangan di mana isteri boleh menyoalkan persoalan-persoalan mengapa mereka membantah. Dan pada negeri-negeri lain pula mengatakan tidak perlu persetujuan. Jadi di sini wujud beberapa permasalahan.

Pertamanya, kalau negeri tidak memerlukan persetujuan daripada isteri, maka pihak-pihak ini suami - sebab lumrah bukan kita hendak menyalahkan sebab fitrah manusia yang kalau kita memberi keizinan maka kita akan menimbulkan isu-isu lain pula

- Sosial kalau kita tidak mengizinkan. Jadi untuk itu ada sesetengah pihak akan pergi ke luar negara dan akan berkahwin di luar negara dan balik mendaftar dan mereka akan dihukumkan dan mendaftar. Tetapi permasalahan ialah sekiranya mereka yang kahwin di luar negara tidak mendaftar perkahwinan di tempat mereka sendiri maka akan wujud sekatan-sekatan perundangan. Kalau kelahiran anak misalnya maka anak ini tidak akan dapat didaftarkan sebab pernikahan tersebut tidak diiktiraf dalam konteks perundangan syariah. Ia sah tetapi tidak diiktiraf. Tetapi setakat mana kita dapat menerangkan pada orang-orang bukan Islam. Orang bukan Islam akan mengatakan mengapa wujud perbezaan ini. Adakah orang bernikah di luar sah sebab timbul pemahaman dalam konteks pentadbiran yang mengatakan tidak sah sedangkan hukum mengatakan sah. Apa yang sebenarnya.

Persoalan ini harus kita jelaskan dengan sejelas-jelasnya supaya tidak wujud salah faham dan kedudukan yang mendatangkan masalah. Ini juga akan timbul berkaitan dengan tuntutan bila berlakunya perceraian ataupun kematian. Bagi mereka yang tidak mendaftarkan perkahwinan, maka isteri atau anak-anak tidak akan dapat menuntut kepada suami sebab perkahwinan tersebut tidak berdaftar. Jadi kita bayangkan permasalahan akan dihadapi oleh golongan isteri ini dan anak-anak yang tidak dapat menuntut di mahkamah syariah disebabkan tiadanya pendaftaran perkahwinan yang kedua tersebut. Saya mohon supaya perkara ini kita dapat kaji sebaik-baiknya supaya kita dapat mengangkat martabat perundangan kita sesuai dengan kedudukan agama kita sebagai sebaik-baik agama.

Perkara kedua, saya ingin mengaitkan persoalan bidang kuasa. Masih dalam konteks perkahwinan. Kalau kita lihat sekarang kedudukan negara kita makin maju. Bila makin maju makin berkembang dan perhubungan di antara satu negeri dengan satu negeri makin mudah, maka berlakulah perkahwinan di antara satu negeri dengan satu negeri. Bila berlaku perkahwinan perundangan kita mengatakan bahawa kalau berlaku perceraian maka kes-kes penceraian mestilah difailkan di tempat di mana perkahwinan dilakukan. Jadi bila ini berlaku ia akan menimbulkan masalah.

Saya hendak membuat satu contoh, misal katalah seorang daripada Kuching, Sarawak berkahwin dengan seorang daripada Selangor. Lelaki daripada Sarawak dan isteri daripada Selangor. Kalau dia berkahwin di Selangor misal kata si isteri ikut suami

ke Sarawak dan perceraian berlaku. Isteri yang sedihnya sudah tidak bekerja. Jadi dia terpaksa balik memfailkan kes perceraian di Selangor dan bayangkanlah masalah yang bakal dihadapi oleh isteri ini. Pertamanya dia terpaksa balik ke Selangor untuk memfailkan kes; kedua kalau kita hendak memfailkan kes dalam konteks undang-undang keterangan mengatakan saksi-saksi yang dibawa mestilah sekurang-kurangnya dua orang lelaki ataupun seorang lelaki dua orang perempuan. Kalau dia sudah hidup di Sarawak hendak memanggil saksi daripada Sarawak dalam keadaan dia tidak bekerja jadi berapakah kos yang bakal dia hadapi yang ditanggung oleh beliau?

Inilah permasalahan dalam konteks perundangan kita sekarang. Sebab itu kita perlu mengkaji bukan sahaja dalam konteks undang-undang keterangan ini tetapi dalam bidang kuasa mengapa penyeragaman ini perlu kita lakukan. Kalau tidak kita akan menghadapi masalah. Perundangan yang cantik tetapi dari segi pelaksanaan membebankan sesetengah rakyat kita terutamanya golongan-golongan isteri yang tidak bekerja. Sudahlah mereka diceraikan dan proses perceraian memakan masa sebab kadang-kadang hendak memanggil saksi, saksi tidak dapat hadir ataupun satu pihak peguam tidak bersedia untuk menjalankan kes. Tidak bekerja dan menyara anak-anak kadang-kadang makan masa setahun baru mendapat perceraian. Jadi itulah kita harus melihat bagaimana kita dapat memperbaiki perundangan kita ini supaya kita dapat bukan sahaja menyeragamkan tetapi dapat *reflect* apa yang dikatakan agama yang sebaik-baik ini di *reflect* kan sebagai menjadi satu amalan dan dapat dirasai dan dihayati oleh kita bahawa undang-undang Islam ini sebenarnya undang-undang yang adil yang saksama memelihara hak semua orang. Itu yang harus kita lihatkan.

Perkara seterusnya ialah dalam bidang interpretasi ataupun definisi. Saya hendak melihat dalam konteks kita mengambil kemudahan kewangan. Kalau kita mengambil kemudahan kewangan, kalau sekarang ini kita ada Badan Penasihat Syariah. Misal kata Bank Negara ada Badan Penasihat Syariahnya sendiri dan begitu juga Bahagian Pinjaman Perumahan Persekutuan ada penasihatnya sendiri. Tetapi masalah yang berlaku ialah terdapat perbezaan dalam pentakrifan terutamanya berkaitan dengan kesaksian.

Pihak bank sekarang ini telah bersetuju bahawa apa-apa dokumen berkaitan dengan kemudahan kewangan boleh disaksikan oleh mana-mana orang tidak kira

agama, seorang memadai boleh menyaksikan dokumen tersebut. Tetapi Bahagian Pinjaman Perumahan mengatakan bahawa mesti seorang Islam lelaki ataupun kalau tiada lelaki dua orang perempuan Islam. Ini memang tidak bercanggah dengan hukum syarak tetapi disebabkan pentakrifan yang berbeza jadi mendatangkan masalah kepada rakyat kita. Sebab kalau hendak mengambil dua orang peguam wanita Islam sebab misal kata panel peguam yang melaksanakan dokumen tersebut ialah terdiri dari rakan kongsi atau di mana semua peguamnya adalah perempuan. Jadi untuk mendapatkan dua kesaksian peguam wanita maka kos tambahan akan ditanggung oleh mereka. Mengapa mereka tidak menggunakan apa yang diguna pakai oleh *guidelines* yang dikeluarkan oleh Bank Negara? Mengapa wujudnya interpretasi yang berbeza dalam hal amalan-amalan ini? Harus kita selesaikan juga perkara-perkara sebegini rupa supaya kita tidak timbul salah faham pentakrifan yang berbeza, amalan yang berbeza akan memberi kesan kepada agama kita.

Saya ingin kembali kepada hal perkahwinan kalau apa yang berlaku di mahkamah sekarang - kalau kita lihat dalam kes-kes perceraian disebabkan bertambahnya perkahwinan campur antara agama dan ada juga berlaku perceraian di antara perkahwinan-perkahwinan tersebut. Jadi kalau kita lihat dalam undang-undang keterangan syariah kita, orang-orang bukan Islam kesaksian mereka tidak dapat diterima sebagai satu syahadah. Maknanya keterangan mereka akan jatuh kepada satu tahap yang lebih bawah. Maknanya hanya diterima sebagai keterangan tetapi tidak sebagai syahadah. Ini berlainan dengan orang Islam. Itu mengikut prinsip umumnya. Maknanya keterangan orang Islam kalau dia cukup syarat-syarat menjadi saksi dan boleh diterima maka keterangan tersebut diterima sebagai syahadah. Syahadah maknanya kita wajib diterima tetapi keterangan-keterangan lain selain daripada syahadah kita tidak akan terima sebagai satu keterangan yang kukuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, hendak gulung atau hendak sambung?

**Tuan Haji Fadilah bin Yusof:** Kalau diizinkan untuk saya sambung tengah hari Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat boleh sambung tengah hari.

**Tuan Haji Fadilah bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 1.00 tengah hari. Dewan yang mulia ini kita tangguhkan dan dibuka semula pada jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempoahkan pada jam 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Petra Jaya sila sambung ucapan.

### **2.33 ptg.**

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bila ditangguhkan tadi saya sebenarnya telah menyentuh berkaitan dengan keterangan dari orang bukan Islam yang tidak dapat diterima sebagai satu syahadah di Mahkamah Syariah. Cuma permasalahan yang timbul kalau saya dapat bawa Tuan Yang di-Pertua, realiti keadaan zaman kita sekarang dalam keadaan hidup masyarakat majmuk, beberapa keadaan akan menimbulkan permasalahan.

Sebab dari segi amalannya di Mahkamah Syariah bila keterangan diberi daripada orang bukan Islam, jadi disebabkan latar-belakang kadi dan sebagainya mereka tidak menerima keterangan tersebut berdasarkan kepada fakta keterangan, yakni misal kata keterangan berkaitan dengan kesaksian berlakunya sesuatu perkara yang disaksikan oleh orang bukan Islam maka selalunya ada *reservations*, dengan izin, untuk menerima keterangan tersebut berdasarkan atau berdasarkan fakta. Jadi saya hendak ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, dalam kes di mana dalam perkahwinan, mereka tinggal dalam persekitaran jiran-jiran adalah orang-orang bukan Islam begitu juga di pejabat misal katanya.

Bila berlaku penceraian jadi saksi-saksi yang perlu dibawa ialah saksi-saksi bukan Islam. Jadi ini menimbulkan keadaan yang kadang-kadang ketidakpuasan hati di kalangan orang Islam sendiri kerana mereka tidak dapat membekalkan saksi yang berdasarkan kepada perundangan Syariah tersebut iaitu dua orang saksi orang Islam

ataupun seorang saksi Islam dan dua wanita Islam. Jadi dengan itu mereka tidak dapat membuktikan secara syahadah keterangan mereka boleh diterima untuk membantu atau menyokong keterangan yang mereka berikan. Jadi di sinilah kadang-kadang kita harus mengkaji dan membawa perkara ini kepada realiti keadaan hidup masyarakat kita sekarang.

Jadi bagaimana kita hendak mengkaji ini, saya mencadangkan kepada kementerian, pihak kementerian untuk melihat bukan sahaja dari segi perundangan undang-undang Syariah itu sendiri tetapi dalam konteks amalan perundangan sebab kita dalam proses perundangan ada di katakan dengan izin *practice note* ataupun nota amalan di mana nota-nota amalan ini akan dibuat berdasarkan keadaan tempatan dan dengan itu adanya *guidelines* yang dapat membantu hakim ataupun kadi untuk membuat penilaian, keterangan, bentuk keterangan yang diterima dan keterangan orang-orang bukan Islam ini setakat mana yang diterima dan bagaimana kategori-kategori yang boleh mereka membantu menilaikan keterangan itu berdasarkan keterangan-keterangan tersebut.

Sebab kredibiliti kalau kredibiliti saksi tidak dipersoalkan maka keterangan tersebut patutnya diambil kira dengan sebaik mungkin, sepatutnya boleh diterima melainkan kredibiliti saksi dipersoalkan barulah mereka, keterangan tersebut boleh ditimbangkan berdasarkan ciri-ciri yang dimaktubkan sebagai syahadah tadi. Jadi saya ingin beralih Tuan Yang di-Pertua, kepada satu lagi persoalan. Sebenarnya kita telah ada perundangan titik permulaan yang baik. Sebab itu saya rasa perundangan Undang-undang Syariah Wilayah Persekutuan ini amat penting sebab ianya di guna pakai oleh kebanyakan negeri-negeri di Malaysia ini. Di Sarawak sendiri pun mengguna pakai berdasarkan Perundangan Syariah yang wujud ataupun yang ada di Wilayah Persekutuan.

Cuma masalah ialah dari segi pengamalan. Yang Berhormat Pasir Puteh tadi memberi kita gambaran dalam aspek penggubalan. Jadi saya hendak membawa kita dalam aspek pengamalan. Undang-undang sudah ada, misal kata Tatacara Mal Syariah, memang ada tetapi masalahnya dalam konteks pengamalan ianya tidak diguna pakai sepenuhnya oleh Mahkamah Syariah. Saya hendak ambil contoh misal kata kalau kita membawa kes Mal Syariah dalam konteks penceraian, dalam konteks penceraian

dari segi acara Malnya kalau kita hendak memfailkan satu tuntutan penceraian, jadi pihak-pihak yang ingin memfailkan tuntutan pertama sekali harus memfailkan dari segi prosedur, satu saman, disokong dengan penyata tuntutan.

Kemudian pihak yang kena tuntut akan memfailkan pembelaan, tetapi apa yang diguna pakai pada hari ini ialah ada satu borang yang *standard*, dengan izin di guna pakai. Maknanya kalau aduan, pengadu akan mengisi borang yang *standard* tetapi tidak menggunakan saman atau penyata tuntutan. Jadi ini menimbulkan kemusyikilan dari segi proses perundangan sebab dari segi teknikalnya misal katalah seorang yang tidak diwakili oleh peguam, bila dia memfailkan borang tersebut, jadi seorang pihak yang kena tuntut akan mengambil seorang peguam untuk membela. Jadi peguam bela dari segi teknikal dia boleh dengan sendirinya menolak kes tersebut berdasarkan teknikal sebab tidak menurut peraturan ataupun prosedur Tatacara Mal yang telah ditetapkan.

Ini menimbulkan masalah jadi sebab itu saya merasakan kita perlu melatih bukan sahaja peringkat hakim-hakim syarie, kerani-kerani di Mahkamah Syariah yang membantu menasihatkan pihak pengadu dan juga pengamal-pengamal perundangan supaya mereka mahir dalam bidang prosedur sebab prosedur ditetapkan untuk memudahkan proses perbicaraan. Misal kata tadi dengan adanya saman, adanya penyata pembelaan dan kita akan dapat menggariskan bahawa inilah isu yang akan dibahaskan atau akan dihujahkan di mahkamah. Dengan adanya penyata tuntutan kalau orang itu menuntut misal katanya penceraian berdasarkan taklik.

Jadi taklik mengatakan berdasarkan lafaz taklik kalau orang hendak bercerai telah di tinggal selama lebih kurang 4 bulan berturut-turut tanpa diberi nafkah zahir, nafkah batin, jadi bila dia mengadu pada Mahkamah Syariah, sah pengaduannya maka boleh berlaku penceraian, jadi dia kena mengadu. **Ir. Haji Hamim bin Samuri:** [Bangun]

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Dia kena mengadu dalam konteks mengatakan bahawa dia telah ditinggalkan tiga bulan berturut-turut.

Tuan Yang di-Pertua boleh saya beri laluan kepada sahabat saya dari Ledang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat daripada Petra Jaya saya dengar tadi dan meneliti Petra Jaya lebih kepada

soal pengalaman, soal tatacara dan sebagainya. Tetapi saya teringat juga tentang perkara-perkara atau masalah-masalah di peringkat orang ramai sebagai contoh masalah ibu tunggal, masalah gantung tidak bertali dan sebagainya. Akhirnya mereka menerima beban yang sangat berat. Umur 35 semacam umur 45 rupanya, rupa mukanya kerana mereka berdepan dengan masalah-masalah kerana mereka tidak mendapat hak yang sewajarnya. Adakah Petra Jaya menjurus ke arah itu di mana segala tatacara yang rumit ini ataupun yang tidak jelas ini yang perlu diperjelaskan atau perlu diperbaiki itulah sebenarnya yang sepatutnya diletakkan sebagai sesuatu yang utama di dalam kita membincangkan soal ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Ledang. Itu yang saya ingin kemukakan di Dewan yang mulia ini sebab perundangan sudah ada, jadi kalau perundangan tatacara tidak diamalkan dengan sebaik mungkin ianya akan menyebabkan kelewatan proses perbicaraan. Bila kelewatan proses perbicaraan, maka hak pengadu dan hak yang kena adu tidak dapat diselesaikan. Maka inilah menimbulkan rungutan di pihak-pihak pengadu dan yang kena adu ataupun plaintiff ataupun defendant dalam kes ini disebut dalam istilah guamannya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Ya Yang Berhormat Larut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat Petra Jaya. Tadi saya ada bangkitkan masalah kes-kes di Mahkamah Syariah tetapi hari ini kita membincangkan soal membina rang undang-undang bagi memantap dan memperkemaskan lagi rang undang-undang yang sedia ada. Kita lihat banyak masalah yang timbul adalah kerana kerentak birokrasi yang sama ada disedari atau tidak kerana banyak kes-kes, umpama yang hendak kahwin ini masalah tidak ada wali. Sudah merancang begitu lama, terlalu banyak alasan yang diberikan, akhirnya boleh memusnahkan impian mereka untuk berkahwin.

Sebagai satu contoh kes perceraian dan sebagainya, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan adanya rang undang-undang yang kita luluskan di sini tidak timbul lagi masalah pelantikan hakim, peguam, kakitangan dan sebagainya lagi. Kalau tidak sampai bila rang undang-undang yang kita lulus pada hari ini akan dapat menyelesaikan

kes-kes yang tertunggak yang sudah memakan, mungkin masa yang begitu lama. Sampai kadangkala telah menghilangkan keyakinan masyarakat Islam terutamanya pentadbiran Islam yang ada pada hari ini.

Sedangkan itu adalah matlamat impian kerajaan yang memerintah pada hari ini dan apakah Yang Berhormat bersetuju adanya rang undang-undang yang kita pinda pada hari ini supaya dapat menyeferakan apa juga masalah yang timbul pendekatan dengan tidak timbul lagi kes bila pergi ke Pejabat Kadi, Pejabat Kadi kata kena rujuk balik pada sekian-sekian. Jadi kita tidak mahu lagi masalah ini. Apakah pandangan Petra Jaya dalam masalah ini.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih, Yang Berhormat Larut. Jadi dalam konteks ini sebenarnya perundangan yang kita gubalkan, yang telah diluluskan dan kini kita hendak memperbaiki perundangan tersebut di mana kelemahan untuk kita perbaiki. Inilah salah satu rang undang-undang yang kita bincangkan hari ini untuk memantapkan perundangan tersebut. Cuma saya tadi bercakap dalam konteks amalan. Kalau kita ada perundangan, perundangan yang cantik yang boleh dikatakan mantap tetapi kita kena ada sokongan dalam konteks infrastruktur.

Adanya bangunan-bangunan teratur, adanya hakim-hakim yang mahir dan cekap bukan sahaja dalam bidang syariah tetapi juga dalam bidang prosedur tatacara, dalam bidang mengambil maklumat, adanya sokongan daripada penguat kuasa yang tahu bagaimana hendak menyiasat, mengumpul maklumat dan adanya pengamal-pengamal undang-undang yang juga dapat membantu dalam mempercepatkan proses penyelesaian segala pertelingkahan.

Jadi, sokongan-sokongan ini harus bergerak seiring jadi kita tidak dapat meninggalkan satu-satu segmen, sama ada daripada pengamal perundangan ataupun daripada hakim. Di sinilah yang hendak saya bawakan. Jadi kita harus memartabatkan, mengadakan latihan dan mengadakan supaya segala *technicalities* ini dapat diselesaikan dan hasrat kita untuk memartabatkan Perundangan Syariah akan tercapai.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [Bangun]

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah meneliti ucapan Yang Berhormat bagi Petra Jaya sejak tadi dan ada juga disebut dari segi

penyeragaman rang undang-undang yang sedia ada. Di sini ingin saya menyatakan pendirian saya bahawa kita menyokong komitmen kerajaan untuk menyeragamkan Undang-undang Syariah ataupun memperkasakan Undang-undang Syariah tetapi hakikatnya dia, kita merupakan satu masyarakat majmuk ,maka ini akan timbulkan salah satu konflik yang kita dapat lihat seperti mana yang telah dihuraikan sebelum ini.

Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Petra Jaya, kita ada undang-undang sivil, kita ada undang-undang syariah, bolehkah kedua-dua ini kita mencari satu titik kesamaan ataupun kita membuat satu penyeragaman dari segi kalau ada wujudnya konflik-konflik tertentu kita gunakan cara yang lebih elok untuk mengatasi kekusutan ini. Sebab selama ini apa yang kita dapat lihat memang ada kekusutan, kalau hantar ke Mahkamah Syariah dia tidak boleh mengadili kes sebegitu, sampai ke Mahkamah Persekutuan pun ada masalah. Jadi, saya hendak minta pandangan sebagai seorang peguam dan juga seorang yang arif dalam Syariah Law, kita hendak mintalah pandangan apakah cara yang boleh kita cadangkan kepada kerajaan sama ada menujuhan satu jawatankuasa bersama ataupun macam mana kita hendak buat.

Satu lagi saya ambil contohlah sekiranya semua orang lelaki Cina dan berkenalan dengan seorang perempuan dia dan kebetulan lelaki itu sudah berkahwin, jadi dia hendak berkahwin lagi. Masalahnya sekarang apabila hendak berkahwin dengan orang Islam, keluarga ataupun rumah tangga yang didirikan sebelum ini nampaknya terpaksa diiktiraf sebagai tidak sah. Jadi, dalam keadaan itu mungkin anak-anak masih kecil, jadi apakah cara berdasarkan keperimanusiaan ataupun kita berdasarkan dari segi keadilan, apakah cara yang kita boleh membantu dan kita memberi perlindungan dari segi undang-undang kepada mereka yang memerlukan bantuan itu.

Saya rasa itu adalah soal pokok kalau kita dapat mengatasi, memang undang-undang yang sedia ada perlu kita dan dikemaskinikan kalau ada kekusutan, kelemahan boleh kita atasi. Dan, apa yang Yang Berhormat kata tadi mengenai keterangan saksi orang bukan Islam. Walaupun dikatakan sebagai orang kafir, mungkin orang kafir zimilah mereka mungkin melihat sesuatu perkara yang tidak betul, mereka hendak beri keterangan dan keterangan itu seperti mana yang dikatakan Yang Berhormat itu tidak berdasarkan pada fakta kerana latar belakang seseorang itu mungkin agama yang

dianuti itu berlainan. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang bahawa dalam Syariah Law ini, yang akan kita teruskan ini, sama ada kita berdasarkan pada fakta daripada kita mementingkan latar belakang. Saya minta pandangan Yang Berhormat Petra Jaya tentang perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih, Yang Berhormat Ayer Hitam. Sebenarnya sebahagian daripada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam akan saya bincangkan selepas ini tetapi memandangkan ia dibangkitkan bila saya bercakap penyeragaman perundangan saya melihat kepada 3 aspek:-

Pertama, penyeragaman Perundangan Syariah di Malaysia, maknanya di negeri-negeri ini diseragamkan. Dan, kita telah menuju ke arah tersebut dan di mana Perundangan Syariah Wilayah Persekutuan akan menjadi asas untuk diguna pakai di seluruh negeri di Malaysia ini. Malahan kebanyakan negeri telah mengambil Perundangan Syariah Wilayah Persekutuan ini untuk diguna pakai di negeri-negeri mereka. Jadi, kita telah bergerak ke arah tersebut cuma ianya perlu diselesaikan sebab ada masalah-masalah tertentu yang harus diselesaikan dan kita mengharapkan ianya dapat disegerakan.

Yang kedua wujudnya dalam istilah perundangan *conflict of laws*. Jadi konflik ini adalah di antara perundangan syariah dan perundangan *civil*. Jadi sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi, kita harus mencari titik pertemuan di antara perundangan ini. *Conflict of laws* memang wujud, bukan sahaja di antara perundangan Islam dan perundangan *Civil* di Malaysia juga wujudnya *conflict of laws* di antara perundangan Malaysia dengan perundangan antarabangsa negeri-negeri lain jadi banyak. Tetapi dalam konteks perundangan syariah ini, saya hendak melihat kepada cadangan.

Tadi sebenarnya kita sudah ada Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Teknikal Perundangan. Sama ada jawatankuasa ini memadai untuk menyelesaikan persoalan konflik ini. Kita harus menentukan di mana letaknya perundangan syariah dalam konteks negara kita Malaysia mengambil kira perlombagaan dan segala perundangan yang telah wujud begitu lama. Perundangan sivil yang berasaskan pada *Common Law* telah wujud beratus tahun diambil daripada negara barat. Maknanya kita berasaskan

British dan British kita mengambil kebanyakannya undang-undang daripada India, Bangladesh dan sebagainya.

Apabila wujudnya *conflict of laws*, kita harus mencari penyelesaian, sebab inilah realiti dalam masyarakat majmuk sekarang, permasalahan yang berlaku pada rakyat kita. Bagaimana kita hendak menyelesaikan. Saya hendak ambil contoh, kalau saya dapat *elaboratekan* dengan izin. Macam perkahwinan di antara orang Islam tadi dengan orang bukan Islam. Apabila seorang bukan Islam sebenarnya telah berkahwin kemudian dia berkenan pula dengan orang Islam. Apabila dia kahwin dengan orang Islam tadi, automatik dalam konteks syariah, perkahwinan dia dengan yang pertama tadi secara automatiknya tidak sah iaitu terbatal dengan sendirinya.

Apabila ini berlaku, maka timbul masalah sosial. Masalah dalam konteks apa berlaku kepada isteri pertamanya tadi sebab dari segi perkahwinan syariah mengatakan hubungan itu sudah tidak sah. Tetapi sivil masih sah. Dalam konteks sekarang penyelesaiannya ialah isteri pertamanya bukan beragama Islam boleh merujuk kepada undang-undang sivil. Menuntut haknya di bawah *Family Law Reform Act*. Manakala dalam konteks perkahwinan kedua dengan orang Islam, dia akan terlindung di bawah perundangan syariah iaitu Undang-undang keluarga Islam.

Cuma permasalahannya apabila berlaku kematian akan wujud masalah. Sebab apabila berlaku kematian, akan timbul dua perundangan ini bertembung. Isteri yang beragama Islam akan menuntut di Mahkamah Syariah mengatakan bahawa isteri pertama tidak ada hak ke tas harta peninggalan suami sebab Undang-undang Syariah mengatakan telah terputus hubungan perkahwinan yang pertama tadi. Manakala isteri yang pertama tadi yang bukan beragama Islam akan menuntut di sivil court.

Akan wujud dua perintah mahkamah. Di mana kedudukannya. Inilah yang harus kita selesaikan. Saya mengharapkan dan bersetuju supaya Jawatankuasa Kebangsaan Teknikal Perundangan ini akan mengambil kira masalah yang wujud pada masyarakat kita pada masa ini, bagaimana kita hendak menyelesaikan isu-isu ini. Kalau tidak memadai dengan jawatankuasa malahan saya ingin menyarankan, kalau dapat kita Jawatankuasa Kabinet yang diwakili oleh semua Menteri dan wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri dapat melihat dan memperincikan masalah yang berlaku pada masa ini

dan mencari titik pertemuan di antara perundangan sivil dan perundangan syariah tersebut.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Ayer Hitam

**Tuan Yang di-Pertua:** Ayer Hitam bangun.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang menyokong 100% apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Saya rasa ini satu hujah yang bernalas dan sudah sampailah masanya kita memikirkan bagaimana jawatankuasa ini dapat berfungsi dan kita hendak menyeferakan masalah yang ditimbulkan. Kita hendak cari penyelesaian. Sebab apa yang dihuraikan itu memang betul.

Apabila seorang itu sudah meninggal. Dia ada dua keluarga. Maka sampai ke mahkamah sivil, dia tidak berani buat keputusan. Syariah pun sama. Jadi kita kes itu tergantung macam itu. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju untuk mencadangkan perkara ini dapat diselesaikan dengan cepat. Kalau tidak selagi kita tidak ada penyelesaian, perkara itu akan berlarutan, minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Saya bersetuju Yang Berhormat bagi Ayer Hitam supaya perkara ini dapat diambil berat oleh pihak kementerian dan mengerakkan jawatankuasa yang sedia ada dan kalau kita kurang berkemampuan dalam konteks jawatankuasa dan memerlukan, sebab ada perkara-perkara yang melibatkan bidang kuasa Kerajaan Negeri dan segala ini harus diselesaikan sebab ia bukan perkara mudah, ia rumit. Kalau saya hendak huraikan lagi satu permasalahan, misal kata sekarang ini perkahwinan. Tadi seorang dan sekarang ini bukan dua perkahwinan. Seorang bukan Islam bangsa Cina misal kata, berkahwin dengan seorang Islam Melayu. Jadi ini konflik pula di antara perundangan syariah dengan perundangan sivil. Kalau mereka kahwin, berlaku penceraian.

Perundangan sivil mengatakan sesuatu hak. Orang yang bukan Islam tadi, dia masih beragama Islam. Dia sudah bercerai. Mahkamah Syariah akan memutuskan tentang harta sepencarian. Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi sepanjang perkahwinan. Apabila Mahkamah Syariah memutuskan misal kata ada sebidang tanah.

Setengah akan dapat pada suami orang Melayu beragama Islam dan juga seorang Cina tadi yang beragama Islam, isteri.

Apabila berlaku penceraian, harta pencarian itu ataupun dalam istilah Englishnya *matrimonial properties* akan dibahagi dua. Apabila sudah dibahagi dua masalah pentadbiran akan berlaku sebab konfliknya perundangan tanah adalah dalam bidang kuasa negeri. Ambillah tanah tadi kalau di semenanjung adalah tanah Melayu, Rizab Melayu. Apabila tanah Rizab Melayu, setengah bahagian seorang Islam yang berbangsa Cina tidak dapat didaftarkan di pejabat tanah. Apabila tidak dapat didaftarkan, undang-undang tanah berdasarkan *torrent system* yang diambil daripada Australia hanya mengiktiraf orang yang mendaftar sebagai hak tuan milik sebagai *legal owner* maknanya *equity ownership* dengan izin tidak diiktiraf di bawah perundangan tanah, Kanun Tanah Kebangsaan tidak mengiktiraf *equitable ownership* maknanya kalau kita ada perjanjian *equitable ownership* ini perjanjian ataupun apa-apa yang tidak berdaftar di kira *equitable ownership*.

Dia hanya mengiktiraf siapa yang berdaftar atas tanah tersebut. Begitu juga di Sabah dan Sarawak kita ada apa yang dikatakan *native land*. *Native land* ini ialah tanah peribumi Tanah Adat Peribumi yang ada geran ada hak milik, tetapi disebabkan dia bukan peribumi Sarawak, bukan *native Sarawak*, maka dia tidak boleh didaftarkan sebagai pemilik bersama dalam tanah tersebut walaupun ada perintah daripada mahkamah.

Persoalan ini sesuatu yang kompleks sebab wujudnya perundangan begitu lama yang harus kita selarikan. Kita kena cari titik pertemuan. Sebab itu jawatankuasa ini memainkan peranan begitu penting dan mempercepatkan. Kalau tidak, akan berlaku permasalahan sebab ada perintah mahkamah tetapi tidak dapat didaftar, maknanya tanah sekarang ini atas nama si suami. Suami boleh melakukan apa-apa ke atas tanah tersebut, sebab dia lah menandatangani yang pihak isteri tadi tidak ada nama, tidak dapat buat apa-apa.

Itu praktikal *problem* dengan izin yang kita hadapi pada masa ini. Sebab itu kita kena mengemaskinikan segala perundangan kita bukan sahaja dalam konteks menyeragamkan Undang-undang Syariah di antara negeri, tetapi juga menyelesaikan konflik perundangan di antara Undang-undang Sivil dan Undang-undang Syariah. Di

mana kita hendak letakkan perundangan syariah ini? Itu persoalan dasar yang harus kita selesaikan. Kalau tidak kita tidak akan dapat menyelesaikan perundangan sivil tersebut.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Tadi Yang Berhormat bagi Petra Jaya menyebut tentang ... dan tindakan yang patut dibuat dalam usaha untuk bukan sahaja menyeragamkan malahan meletakkan Undang-undang Syariah ini di tahap yang .....ataupun Institusi Kehakiman Syariah ini di tahap yang tinggi walaupun tidak lebih tinggi samalah dengan sistem ataupun institut kehakiman sivil.

Tetapi persoalan saya ialah, masih banyak lagi perkara pokok yang perlu dilihat. Salah satunya ialah usia bersara Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang masih, pada pandangan saya, yang saya semak tadi tidak sama dengan Hakim Mahkamah Tinggi Sivil. Ini salah satu perkara. Adakah Yang Berhormat bagi Petra Jaya mencadangkan kepada pihak yang berkenaan, supaya perkara-perkara begini juga harus dilihat.

Sebagai contoh saya sebut Fasal 7 bertujuan untuk meminda Seksyen 130 Akta 561. Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa hukum syarak akan dipakai jika terdapat apa-apa ‘ lacuna atau ketidakselaras dalam Akta 561. Maksud dia, perkara ini timbul setelah pihak yang berkenaan berdepan dengan suatu masalah atau isu. Ini juga adalah masalah pokok. Perlu dilihat dari sudut yang lebih luas. Adakah Yang Berhormat bagi Petra Jaya ingin mencadangkan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Sebab itu, saya katakan tadi kalau kita hendak memartabatkan undang-undang syariah, kita harus melihat dalam semua aspek. Salah satu aspeknya ialah struktur undang-undang syariah itu sendiri. Di mana letaknya hakim-hakim kita? Apakah kemudahan yang kita sediakan untuk mereka dan di mana perbandingan di antara sivil dan syariah itu tadi. Adakah ianya lebih rendah ataupun lebih tinggi, ataupun sama taraf? Itulah persoalan dasar yang harus kita selesaikan. Kalau dasar ini tidak diselesaikan, maka ia ertinya akan menimbulkan permasalahan dalam implementasi perundangan tersebut.

Jadi sebenarnya banyak persoalan yang kalau saya hendak bawakan di mana wujudnya dalam segi amalan. Perintah Mahkamah Syariah tidak diterima pakai. Bukan tidak diterima pakai dalam konteks tersebut sebab adanya sekatan-sekatan di bawah, sama ada perundangan sivil ataupun di bawah peraturan-peraturan kerajaan. Saya hendak ambil contoh, misal katalah, satu lagi. Dalam undang-undang keluarga Islam tadi, bila berlakunya perceraian, salah satu ialah tuntutan berkaitan dengan nafkah idah dan juga nafkah anak-anak yang di bawah tanggungan. Jadi, mahkamah boleh mengeluarkan perintah untuk pemotongan gaji si suami yang bekerja dengan kerajaan.

Jadi, bila mahkamah mengeluarkan perintah, diserahkan kepada ketua jabatan, mereka tidak dapat ikut, tidak dapat melaksanakan perintah tersebut sebab adanya sekatan-sekatan tertentu untuk pemotongan gaji. *Guidelines* nya kadang-kadang kita tidak boleh memotong lebih daripada 1/3 misal kata daripada gaji. Begitu juga dengan di Mahkamah Sivil telah memutuskan pemotongan gaji sudah tidak boleh. Jadi, inilah permasalahan yang harus kita kemas kinikan. Kalau tidak, Mahkamah Syariah akan dilihat sebagai suatu mahkamah yang telah mengeluarkan perintah tetapi perintah Mahkamah Syariah tidak dihormati dan diikuti.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Daripada apa yang saya dengar tadi, jelas kepada kita bahawa kedudukan Mahkamah Syariah ini adalah dalam keadaan yang *very poor state* dengan izin. Keadaan pengiktirafannya, permasalahannya, sekatannya dan kepelbagaiannya yang dihadapi. Apa lagi dengan tarafnya. Ianya menjadi satu perkara yang sukar kepada saya dan juga kepada kita semua kerana hal agama. Semasa kita merdeka dahulu, telah dipersetujui diletak di bawah kuasa raja-raja. Di dalam negara kita, kita ada sembilan raja-raja Melayu. Di situ, satu lagi halangan besar sebelum berbuat sesuatu mengenai agama, itulah satu-satunya kuasa yang ada kepada raja-raja yang sukar untuk disentuh.

Apakah Yang Berhormat bagi Petra Jaya boleh memberi penjelasan kepada saya. Kita tinggalkan dulu masalah besar negeri-negeri. Tetapi, saya yakin kita juga

ada kuasa Yang di-Pertuan Agong iaitu dalam Kerajaan Persekutuan. Misalnya, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan, Putrajaya, Melaka, Pulau Pinang dan negeri-negeri yang di bawah naungan Agong. Kalaulah sukar untuk membuatnya di negeri-negeri, kenapa tidak kita modelkan dulu di bawah Kerajaan Persekutuan? Kita naikkan taraf ini dulu. Cuba kita tengok sekarang, kita sudah ada Ketua Hakim Mahkamah Syarie. Tetapi tidak pernah terdengar suatu cadangan untuk mengadakan Peguam Negara Syarie. Tidak terfikir pun kita mengadakan. Kita ada Peguam Negara yang menasihatkan hal undang-undang negara kepada Kabinet. Tetapi, tidak ada satu Peguam Negara Syarie yang menasihatkan Kabinet mengenai perkara-perkara syarie.

Maka, terjadilah kemelut permasalahan ini kerana perkara itu pun tidak terfikir. Pada pandangan saya, apakah Yang Berhormat bersetuju kalau dikatakan bahawa, kalau kita hendak buat *amendment* kepada Mahkamah Syariah ini, kita mesti buat *amendment* yang menyeluruh, termasuklah apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, termasuklah apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat daripada awal tadi, bahawa mesti ada satu keseragaman yang tertentu untuk meletakkan taraf agama Islam ini, Mahkamah Syariah ini, kedudukan mahkamah ini, kedudukan orang Islam ini di tahap yang tinggi. Kalaupun tidak sama daripada pusaka penjajah yang kita temui. Setakat itu dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Dari segi perspektif Mahkamah Syariah, kalau kita lihat daripada sejarah, kita sebenarnya telah menuju ke arah peningkatan Mahkamah Syariah. Sebab itu dari dulu kita sebenarnya mempunyai Mahkamah Adat. Sekarang ini dinaiktarafkan menjadi Mahkamah Syariah. Kalau dahulu di Sarawak kita panggil Mahkamah Adat Melayu. Jadi, hanya membicarakan persoalan-persoalan adat. Tetapi, dengan adanya Mahkamah Syariah, maka kita telah memartabatkan mereka. Apabila saya bercakap tadi, sebenarnya kita hendak menyelesaikan isu ini supaya martabat ini, apa yang kita gubalkan, diamalkan dapat mengangkat lagi martabat Mahkamah Syariah. Itulah niat saya dan sebenarnya kita telah menuju ke arah tersebut.

Negeri-negeri sebenarnya telah bersetuju. Hanya berapa *detail-detail* yang tertentu lagi harus diperkemaskinikan, sebelum kita menyeragamkan. Jadi, telah terbukti juga misal kata Wilayah Persekutuan ini, mahkamah telah dapat mengangkat martabat tersebut dengan hakimnya, dengan pendakwanya, dengan segala prosesnya, dengan pengamal undang-undangnya yang makin meningkat. Jadi, bila berlakunya aktif dalam penglibatan kesemua pihak, maka kita akan dapat dari masa ke semasa akan menemui segala kelemahan dan dengan kelemahan itu, kita akan dapat memperbaiki. Sebab itu, apa yang telah berlaku sekarang ini dan saya sebenarnya bersetuju. Cuma, dalam pandangan ini, saya hendak memberi permasalahan yang harus kita kemas kinikan supaya mahkamah tersebut akan dapat lebih baik kedudukannya.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Boleh?

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, sila.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bercakap soal imej atau keyakinan masyarakat terhadap Mahkamah Syariah, saya hendak menyambung apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Ketereh, kita melihat Mahkamah Syariah hari ini, di situ juga pejabat Kadinya, di situ juga pejabat Pendakwa Raya nya, pegawai penyiasatnya, seolah-olah berada di bawah satu bumbung. Kalau kita bercakap soal keadilan, ia bukan sahaja kita pertuturkan tetapi juga hendaklah dilihat adil, nampak adil. Saya nampak ini ada satu conflict yang berlaku di dalam pandangan masyarakat terhadap tatacara dan organisasi Mahkamah Syariah yang seharusnya saya percaya keadaan ini perlu dibuat perubahan supaya nampak pengasingan tiga jabatan ini. Apa pandangan Yang Berhormat Petra Jaya?

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Saya sangat bersetuju sebab perkara pokok bila kita membicarakan persoalan mahkamah, kita membicarakan persoalan keadilan. Jadi dalam keadilan ada etika. Hakim mesti berdiri atas hakim, pendakwa berdiri atas pendakwa dan pembela berdiri atas pembela. Jadi mereka tidak dapat dirangkumkan dalam satu bangunan. Walaupun mungkin wujudnya atau adanya pengasingan tetapi persepsi adalah sesuatu yang boleh

mengelirukan. Orang boleh mengandaikan sebab tidak wujudnya profesionalisme dalam keadaan yang tersebut.

Saya sangat bersetuju. Sebab itu saya mengatakan tadi kita harus melihat kalau kita hendak memartabatkan Mahkamah Syariah, dari segi infrastrukturnya kita mesti ada. Maknanya pendakwa mesti diasingkan, ada bangunan mereka sendiri, ada kakitangannya sendiri, ada *independent*nya sendiri, tidak boleh di bawah Mahkamah Syariah. Begitu juga hakim-hakim Mahkamah Syariah mesti dalam kedudukannya sendiri. Begitu jugalah pengamal-pengamal perundangan.

Jadi saya sangat setuju dan saya ingin menyarankanlah supaya kalau wujudnya keadaan sebegini rupa, minta pihak kementerian menyiasat dan menyelesaikan. Kalau adanya kedua-dua gabungan atau ketiga-tiga gabungan institusi perundangan ini duduk dalam satu bumbung, maka selesaikanlah masalah ini dan kalau tidak cukup peruntukan, saya mohonlah supaya kerajaan kita memberi peruntukan sebab ini persoalan keadilan. Keadilan harus bukan sahaja dilihat sebagai adil tetapi harus diamalkan sebagai satu yang adil dan diterima oleh orang kita, rakyat kita sebagai sesuatu yang adil. Bukan hanya adil dalam retorik sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bermakna pendek kata keadilan sukar dicapai dalam keadaan yang tidak sempurna dan daif, betul?

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Saya setuju, sangat setuju dengan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga di atas rumusan tersebut.

Jadi perkara seterusnya yang saya ingin bangkitkan ialah berkaitan dengan kurangnya...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, Ledang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Saya hendak menyambung sedikit persoalan yang ditimbulkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ketereh tadi, sebelum Yang Berhormat bagi Petra Jaya pergi ke tajuk lain.

Saya bersetuju benar kalau kita lihat negeri Sabah, Sarawak, Melaka, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan – laksanakan dahulu segala perkara besar tadi yang

disebut atau yang dicadangkan oleh sama ada Yang Berhormat bagi Ketereh ataupun Petra Jaya. Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam tempoh yang mungkin tidak lama, insya-Allah, negeri-negeri lain juga akan ikut kerana mereka melihat sesuatu yang lebih baik daripada yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Sebagaimana yang saya katakan tadi, sebenarnya kedudukan undang-undang syariah, penyeragamannya sebahagian negeri telah menggunakan pakai apa yang digunakan oleh Wilayah Persekutuan. Cuma sekarang yang belum dapat ialah dari segi sebab Perlembagaan itu tadi yang harus kita selaraskan dan sebagainya sebab ini akan mengambil masa. Tetapi, alhamdulillah, saya sebenarnya telah mengemukakan soalan ini dan saya telah menerima jawapan yang begitu positif di mana hanya satu atau dua perkara sahaja lagi yang tinggal untuk kita selesaikan. Jadi, insya-Allah, penyeragaman ini akan dapat dilaksanakan. Harap-harap tahun depanlah kita dapat menjalankan pelaksanaan ini.

Jadi sekarang saya beralih kepada perkara seterusnya iaitu jangan salah anggap pada saya kalau saya menyalahkan ataupun merendahkan mana-mana pihak. Cuma saya, sebab perkara perundungan syariah ini adalah perkara baru, belum banyak kes yang dibawa berbanding dengan sivil. Dalam konteks pendakwaan, kurangnya kemahiran badan penguat kuasa ataupun badan penyiasat kita dalam mengumpul bukti-bukti bagi membantu pendakwa raya membawa kes mereka.

Ini berlaku sebab pengalaman saya sendiri. Dalam kes khalwat, misal katanya, kalau kita lihat takrif khalwat dalam Undang-undang Syariah Wilayah Persekutuan dan juga kebanyakan negeri yang telah mengikuti istilah ini. Khalwat dikatakan, dengan izin, kalau saya dapat membaca, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** "Mana-mana (a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya atau (b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak

bermoral adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM3,000 ataupun dipenjarakan dalam tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”

Jadi saya cuma memfokuskan dalam bidang pembuktian sebab kita membincangkan kesalahan Rang Undang-undang Keterangan Syariah. Jadi kalau dalam perundangan, apa elemen yang harus dibuktikan oleh pendakwa raya. Pertama, adanya lelaki dan adanya perempuan. Kalau kita hendak mendakwa lelaki, adanya perempuan atau perempuan-perempuan yang bukan mahram. Itu elemen yang pertama. Kalau kita hendak mendakwa perempuan, adanya lelaki atau lelaki-lelaki yang bukan mahram. Itu elemen pertama dibuktikan.

Kedua, tempat yang terselindung. Maknanya tempat terselindung, ditakrifkan di sini tempat terselindung tidak kira sama ada di taman-taman tetapi terlindung, keduanya dalam rumah sama ada termasuk bangunan kita kurang pasti sebab di sini mengatakan rumah, tafsiran rumah tidak diberikan, ketiganya bilik juga tidak diperjelas. Itu elemen kedua.

Ketiga, syak melakukan perbuatan yang tidak bermoral. Jadi syak, bila kita mengatakan syak, apakah *degree* ataupun taraf syak yang kita guna pakaikan. Adakah syak itu memadai kalau kita ada 1% syak, cukup, ataupun mestikah kita syak itu membawa lebih daripada 50%. Ini persoalan teknikallah. Keduanya, perbuatan yang tidak bermoral. Apakah tidak bermoral? Tafsir dalam konteks syariah apakah definisi tidak bermoral. Jadi ini persoalan pembuktian.

Jadi saya hendak *create* ataupun berkongsi bersama apa yang berlaku dalam kes yang saya bela. Saya tidak akan menyebut apa-apa - seorang lelaki menumpang kenderaan jirannya, seorang perempuan untuk balik. Kebetulan mereka jiran. Mereka bertemu di satu tempat dan dia pun bila berjumpa, hendak tumpang. Jadi tumpang, naik kenderaan, berhenti di satu tempat dan bila dia hendak turun dari kereta, kebetulan tempat itu boleh dikatakan kategori sunyi itu wujudlah. Maknanya satu tempat di lapangan terbang yang agak jauh, adalah lampu-lampu sebab dia hendak singgah di satu tempat.

Bila dia hendak keluar daripada kereta, kebetulan penguat kuasa baru balik operasi dan terus menghalang kereta tersebut. Jadi bila dia tengok kereta datang, dia

pun masuk balik, dia takut. Takut hendak keluar, takut ada apa-apa. Kemudian keluarlah pegawai penguat kuasa agama dan dua orang pegawai polis. Datang terus minta kad pengenalan. Jadi terus didakwa dengan tuduhan khalwat. Memang tempat itu sebenarnya ada rumahlah, rumah-rumah yang berdekatan dan bila didakwa dan bila dipersoalkan tentang pendakwaan itu, bila kesaksian diambil, bila kita tanya pegawai penguat kuasa dan polis.

“Pertama, apabila kamu datang apa keadaan tempat tersebut pada masa tersebut?” Ada yang mengatakan, tempat samar-samar, ada lampu. “Bagaimana kamu tengok IC?” Ada yang mengatakan guna lampu suluh, ada seorang lagi kata tidak guna lampu suluh. Maknanya timbul pertelingkahan keterangan.

Kedua, saya tanya lagi, “bila kamu datang, adakah kamu *check* bagaimana keadaan pakaian orang tersebut?” “Adakah pakaian dia comot ataupun baju-baju dia berkedut sebab dalam kereta?” Dia kata “tidak *check* pun,” dia tidak tengok pun, tidak memerhati. “Keadaan kereta panas atau tidak?” “Adakah pegang bonet tempat enjin panas atau tidak?” Dia kata, “tidak *check* pun.” Jadi ini menimbulkan kalau kita simpulkan sebab dalam kes itu, dari segi beban pembuktian yang saya sebutkan tadi, syak melakukan perkara yang tidak bermoral. Maknanya, kalau pakaian orang itu kemas, bolehkah kita syak berlakunya perkara tidak bermoral? Kalau kita duduk berdua-duaan dalam kereta, tambah realiti hidup kita pada masa ini. Sebenarnya kalau kita hendak pergi ke pejabat, ramai bos duduk dengan *secretary* di pejabat sebab terpaksa kerja lewat malam. *Secretary* kena menaip dan berduaan dalam pejabat sampai larut malam, adakah cukup kita mengatakan berlakunya khalwat?

Jadi begitulah tadi, bila pakaian dia bersih, kemas, kita belum dapat membuktikan berlakunya perkara yang tidak bermoral, kita tidak boleh syak. Begitu juga kalau enjin itu, kalau dia kata dia baru sampai, hendak turun. Kalau enjin kereta masih panas, betul tetapi kalau enjin kereta sudah sejuk, tentulah bercanggah keterangan pihak yang kena tuduh itu tadi. Jadi inilah saya ingin membawa betapa dalam konteks pembuktian ini amat penting untuk penguat kuasa dan penyiasat menyiasat dengan *detail* dan terperinci. Jadi dalam bidang kuasa perundangan syariah, saya dapati beberapa kes kelemahan mereka ialah dalam membuat siasatan.

Jadi itu saya menyarankan supaya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tadi, kita mewujudkan pusat latihan. Tidak memadai kita menghantar latihan dengan satu pihak sahaja tetapi kita harus ada latihan secara amali supaya segala aspek penyiasatan dan pembuktian ini dapat dikemaskinikan supaya mereka menjadi orang mahir dalam segala bidang penyiasatan dan pembuktian sebab pendakwa raya akan hanya dapat membuktikan kes mereka bergantung kepada pembuktian yang dibawa oleh penyiasat-penyiasat ini tadi.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** [Bangun]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, sila. Boleh saya bagi Ketereh dahulu? Dia bangun dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Petrajaya. Daripada cerita Yang Berhormat bagi Petrajaya, saya boleh buat dua konklusi. Yang pertamanya, kalau ada kawan-kawan yang kena tangkap khalwat, kena cari Petra Jaya untuk menjadi peguam bela, dia pandai dan dia tahu *loopholes*, kelemahan undang-undang, yang itu gurauan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Yang kedua, saya tengok jelas kepada kita sekarang bahawa bukan sahaja sebenarnya soal latihan kepada pegawai yang menangkap tetapi juga pada saya, penggubalan undang-undang itu juga lebih penting, sebab kalau penggubalan undang-undang itu *weak* atau lemah, atau ada ruang untuk lari, maka dengan sendirinya mudah. Misalnya keadaan tidak bermoral sebenarnya tengok gusti, tengok orang pakai seluar dalam tidak bermoral kepada setengah orang kepada definisi Islam sebenarnya. Pergi tengok ratu cantik, juga tidak bermoral. Kalau diambil tidak bermoral, dalam keadaan sunyi, banyak tempat sunyi di negara ini, bukan semua tempat bising, ada tempat yang sunyi. Banyak tempat yang tidak ada lampu. So, penggubalan undang-undang itu perlu digubal oleh orang yang faham undang-undang dan ini sebenarnya menjadi masalah kepada kita dalam pelaksanaan undang-undang syariah.

Yang ketiga, dia sebut tadi bahawasanya penguat kuasa yang ambil. Dekat rumah saya di kampung, di Ketereh, Kampung Tanjung Pagar, ada seorang anak buah saya jadi penguat kuasa. Ada permohonan dengan kerajaan negeri, penguat kuasa syarie undang-undang ini, dia masuk. Kerana janggut dia panjang sedikit, badan dia sedap dan dia ini lebai sedikit dan dia telah banyak tangkap orang. Bila saya tanya, macam mana tangkap? Hah, kita tengok dia duduk berdua, kita tangkap. Tidak ada *training*, tidak ada apa. Ini jelas dan ini sebenarnya memberikan imej yang buruk kepada Islam, dan saya rasa itulah yang berlaku dalam kes baru-baru ini yang heboh di seluruh negara fasal tangkapan di kelab malam itu kerana tidak ada latihan, dia pergi dengan sifat marahnya, dia tangkap semua orang dan dia bertindak tanpa prosedur tertentu. Apabila ini lemah, maka nama Islam akan jadi buruk dan akhirnya semua orang sebenarnya bukan hendak memperbaiki tetapi hanya mencari kesalahan. Saya pun bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Petra Jaya bahawa, saya tidak tahu lah jabatan mana sama ada JAKIM, atau Jabatan Kehakiman Mahkamah Syarie mesti memastikan bahawa pelaksanaan undang-undang Islam ini mestilah dibuat dengan secara tersusun, teratur dan terbaik. Mohon penjelasan.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Jadi, dahulu memang saya pengamal perundangan sivil dan syariah tetapi bila sudah terpilih jadi wakil rakyat, terpaksa lah saya tinggalkan semua itu sebab tidak mahu wujudnya konflik. Bila kita pergi ke mahkamah, kita dilihat sebagai wakil rakyat dan akan menyebabkan prejedisnya hakim nanti takut adanya elemen-elemen tersebut, maka tertinggalah pengamalan tersebut demi menjaga profesionalisme.

Itu yang saya katakan tadi Yang Berhormat bagi Ketereh, disebabkan kurangnya pengalaman. Jadi bila dalam kes-kes sebegini rupa, mereka tidak melihat kepada elemen yang harus dibuktikan tadi. Jadi kebanyakannya kes khalwat, mereka menumpukan kepada dua elemen yang pertama tadi. Pertama, adanya lelaki dan adanya perempuan. Kedua, tempat yang terselindung ataupun dalam rumah ataupun dalam bilik. Jadi mereka lupa elemen yang ketiga, kadang-kadang bukan semua kes. Jadi sebab itu kita perlu memberi peruntukan supaya semua pegawai penguat kuasa penyiasat ini harus diberi latihan secukupnya sebab kita bercakap tentang imej.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, silakan Yang Berhormat bagi Larut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju cuma hendak minta Yang Berhormat huraikan sedikit bahagian penguat kuasa ini. Apakah pada masa ini, pegawai-pegawai ini hanya ditangkap muat, maknanya secara sukarela, bukan secara tetap sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, alasan kita ialah kekurangan peruntukan dan di mana berlaku mereka ini bekerja hanya seolah-olah keperluan, bukan kesungguhan. Maka sebab itu berlaku, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat pernah terdengar di mana bahagian penguat kuasa itu sendiri yang ditutup mulut mereka apabila berlaku sesuatu kes yang terbabit. Saya tidak mahu mengetengahkan bagi mereka yang juga turut terlibat dalam kes-kes maksiat ini.

Jadi apakah Yang Berhormat melihat dari segi persediaan jabatan yang berkenaan bahawa bahagian penguat kuasa ini mestilah diletakkan di tempat yang benar-benar menampakkan bahawa mereka dapat menjalankan tanggungjawab yang begitu berkesan kerana kita lihat bagaimana anehnya berlaku di mana tangkapan ke atas sepasang suami isteri dalam kes-kes tertentu hingga amat memalukan oleh kerana kesilapan yang dilakukan oleh mereka. Ada juga di mana mereka menyalahgunakan kuasa yang ada pada mereka seolah-olah ingin menunjuk-nunjuk, ingin menakut-nakutkan pihak tertentu. Maka di sinilah dengan adanya pindaan rang undang-undang ini, apakah definisi yang sebenar itu dapat diperjelaskan kepada umum; masyarakat daripada orang Islam ataupun yang bukan Islam tentang kesalahan-kesalahan supaya kita dapat memahami dan pihak yang berkenaan supaya lebih konsisten dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat, orang yang boleh dikatakan arif dalam perundangan.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya amat bersetuju, sebab itu menanyakan dalam konteks definisi khalwat, misal kata yang saya bagi contoh tadi ialah melakukan perbuatan tidak bermoral. Jadi tidak bermoral dalam konteks syariah, apakah definisinya? Yang Berhormat bagi Ketereh telah memperkatakan perspektif syariah bermoral ini sangat luas.

Bila amat luas, saya ambillah contoh kalau kita ada bidang sukan, di mana kita melibatkan ramai lelaki dan ramai wanita dan melibatkan yang tidak bermoral ataupun ada aktiviti kalau kita ingat dahulu, apa yang dikatakan yang kumpulan rock ini yang pergi ke hutan dan sebagainya. Saya kurang ingat apa istilahnya tetapi yang adanya *celebration* ataupun mereka meraikan kumpulan rock ini pergi ke hutan dengan pelbagai pesta dan sebenarnya adakah itu dalam boleh kita kategorikan dan berkumpulan yang besar dan memang dari segi pakaian, dari segi kelakuan adalah tidak bermoral.

Adakah itu dikategorikan sebagai khawat dan dalam hutan, tempat yang terselindung bukan tempat awam. Ini yang kita harus perjelaskan dan saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Larut bahawa kita sebenarnya harus mendidik, memberi penjelasan yang sejelas-jelasnya supaya kita memahami apakah perundangan ini dan apakah yang patut kita buat dan harus kita tinggalkan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan mesyuarat**]

Dalam konteks penguatkuasaan tadi, pegawai-pegawai penguat kuasa, mungkin mereka melihat dalam sudut agama, kebanyakan penguat kuasa kita ialah yang berlatarbelakangkan pendidikan keagamaan. Jadi, bila mereka melihat dalam konteks keagamaan, mungkin perspektif mereka adalah dalam perspektif agama tetapi tidak melihat pada perspektif, *technicalities* perundangan. Di sifatnya kadang-kadang yang perlu kita huraikan kepada mereka, bukan sahaja perspektif keagamaan iaitu hal berdua-duaan di tempat sunyi terus salah, tidak tetapi undang-undang memerlukan satu lagi beban pembuktian iaitu berlakunya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Larut.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh saya bagi satu sedikit cadangan. Kalau pada masa ini ada papan-papan tanda yang dibuat oleh pihak jabatan agama supaya sembahyanglah kamu sebelum kamu disembahyangkan. Jadi, apa salahnya pihak berkenaan meletakan papan-papan tanda di tempat-tempat yang boleh mengingatkan masyarakat, kalau mereka melakukan kesalahan mengikut undang-

undang kita sebagaimana orang Islam dilarang memasuki tempat-tempat perjudian yang dibuat pada hari ini.

Apakah Yang Berhormat setuju sebagai satu langkah mendidik masyarakat tentang, kalau mereka melanggar salah laku di sudut undang-undang Islam. Bagaimana pandangan Yang Berhormat, itu sebagai salah satu cadangan.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Saya setujulah Yang Berhormat Larut bahawa kita harus mengadakan bukan sahaja, sekarang ini pendekatan ialah melalui pendidikan informal sama ada kita mengadakan seminar, mengadakan sesi-sesi ceramah dan sebagainya dan kelas-kelas agama di surau tetapi tidak semua orang pergi ke surau. Jadi, kempen yang sebegini rupa, dengan adanya kempen *signboard* dan sebagainya.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Maksud saya, maksudnya tempat-tempat awam. Hari ini kita letakan kempen melarang merokok, misal kata. Apa salah kita buat sesuatu yang boleh mendidik masyarakat Islam dan juga masyarakat bukan Islam tentang salah laku moral ini sebagai satu peringatan kepada masyarakat kepada keseluruhannya, sebagai satu pendidikan. Bagaimana Yang Berhormat melihat perkara ini?

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Saya sangat setuju sebenarnya Yang Berhormat Larut sebab itu saya katakan tadi kita pendekatan sekarang ini kenalah kita sesuaikan dengan keadaan dan zaman kita sekarang. Malahan kita boleh juga kalau kita hendak tambah pihak JAKIM, YADIM dan sebagainya, bukan sahaja sekarang ini ada SMS, adanya internet kita boleh menyalurkan segala kempen-kempen kita ini melalui semua teknologi yang ada sekarang ini.

Bukan sahaja *signboards*, *billboards* dan sebagainya, saya sangat bersetuju. Malahan saya rasa sebahagian sudah dibuat oleh Kementerian Pengangkutan, diletakan di masjid-masjid, beberapa hadis berkaitan dengan untuk kita kewajipan kita menjaga keselamatan kita. Silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Bermakna ini semua memerlukan peruntukan dan wang. Sekarang ini kita nampak banyak iklan, iklan yang kadang-kadang tidak menguntungkan kita. Siapa salah, pihak jabatan yang berkenaan, Menterinya ada di sini, mengambil satu

pendekatan, letak papan yang besar-besar itu, apa salahnya daripada kita hanya menyediakan satu ruang iklan yang begitu besar.

Kita tahu perbelanjaan untuk pengiklanan di negara kita berbilion ringgit yang digunakan sama ada melalui papan-papan iklan yang disediakan di tempat-tempat awam ataupun media-media massa. Jadi, maknanya Yang Berhormat bersetujulah untuk satu pendekatan baru dibuat oleh pihak JAKIM tentang mendidik masyarakat kita ini lebih jelas, lebih telus. Terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Saya bersetuju, Yang Berhormat Larut. Bukan setakat itu, pelbagai pendekatan boleh kita buat, satu dengan kementerian mohon peruntukan supaya diberi peruntukan dan adanya peruntukan untuk kempen-kempen sebegini rupa ataupun kalau peruntukan tidak ada saya rasa melalui majlis-majlis negeri. Kita ada tanah, kita sewakan tanah itu kepada orang untuk *sponsor* supaya *sponsor* itu boleh *sponsor* apa kempen yang kita hendak buat.

Jadi, situ sebenarnya memberi pendapatan kepada JAKIM, kepada JAIS, kepada semua badan-badan agama kita. Lagi Yang Berhormat Larut, silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang terakhirlah. Kesimpulannya kalau agensi kerajaan yang lain, syarikat-syarikat yang ada hubungan dengan kerajaan GLC seumpamanya, Telekom, boleh *rebranding*, dengan izin, tidak ada masalah kalau JAKIM juga hendak *rebranding* JAKIM itu sendiri sebagaimana RTM dan sebagainya. Maknanya Yang Berhormat setujulah. Terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Setuju, sangat bersetuju. Jadi, Yang Berhormat Menteri kalau kita tengok sudah senyum, maknanya dia pun bersetuju itu, insya-Allah dia akan lakukan. Terima kasih, Yang Berhormat Larut.

Bagi saya perkara ini patut kita lakukan dan kita harus memperhalusi perkara-perkara ini sebab kewibawaan Perundangan Syariah akan dinilai melalui penghakiman. Bila kita mengatakan penghakiman, bukan sahaja kelancaran atau cepatnya kita mencapai keputusan mahkamah tetapi juga dalam bentuk kualiti keputusan hakim tersebut. Maknanya akan memberi kepuasan kepada pihak yang mengadu dan juga yang kena adu.

Keduanya, keberkesanan dalam pendakwaan yang berkait rapat dengan pembuktian, maknanya bila pembuktian kita harus melatih sebagaimana katakan tadi

pegawai-pegawai penyiasat dan penguat kuasa kita ini, sebab kegagalan mana-mana satu segmen tadi akan menyebabkan kegagalan mahkamah. Bila kegagalan mahkamah misal kata, kalau ada kes yang terpaksa kalah, maka imej penguat kuasa, imej mahkamah akan dilihat ataupun akan dipersoalkan.

Di sinilah kita harus meneliti, memastikan supaya bila kita membawa kes, semua kes tersebut haruslah diteliti dalam konteks undang-undang keterangan, bukan sahaja dalam satu sudut syariah sahaja. Yang seterusnya, memandangkan kita juga akan membincangkan, takut nanti saya terlupa, Perundangan Tata Cara Mal. Sekarang ini kita juga mendapat dalam proses amalan di mana pihak-pihak yang terlibat boleh memfaiklan kes secara *x-pati*.

*Ex parte* maknanya, dengan izin, ialah permohonan satu pihak tanpa memaklumkan ataupun tanpa pihak yang satu lagi terlibat dalam prosiding tersebut. Dalam konteks permohonan *ex parte* ini, amalannya ialah kita menggunakan notis permohonan dan disokong oleh afidavit pemohon. Bila disokong oleh afidavit pemohon maknanya pihak yang satu lagi tidak ada peluang untuk menyoalkan persoalan apa yang dibangkitkan dalam afidavit tersebut.

Bila ini berlaku terdapat permasalahan sebab bila perintah sementara dibuat sebabnya biasanya permohonan *ex parte* ini ialah berkaitan dengan perintah sementara. Misal katalah kalau berlaku penceraian, si isteri akan memohon perintah sementara daripada mahkamah untuk mendapat nafkah, misal kata dan mendapat hak penjagaan anak ataupun hadanah. Perintah mahkamah akan mengeluarkan perintah sementara.

Masalahnya ialah perintah sementara ini akan berkekalan sehingga salah satu keputusan muktamad dibuat. Keputusan muktamad ini biasanya akan dibuat bila selesainya perbicaraan penuh terhadap kes tersebut.

Jadi kadang-kadang perbicaraan penuh ini mengambil masa yang lama untuk diselesaikan, mungkin setahun, mungkin dua tahun maka timbul permasalahan. Bila perintah sementara terutamanya berkaitan dengan '*hadhonah*' ataupun berkaitan dengan perintah penahanan gaji, jadi si suami akan menghadapi masalah ataupun pihak lelaki sebab perintah tersebut berkuat kuasa, pada masa yang sama dia tidak berpeluang untuk menyuarakan ketidakpuasan hati beliau.

Saya ingin cadangkan kepada kementerian untuk mempertimbangkan apa yang diamalkan oleh undang-undang sivil, oleh Mahkamah Sivil pada masa ini di mana perintah sementara kalau dibuat permohonan *ex-parte* perintah hanya boleh berkuat kuasa selama 21 hari, kalau ada perintah sementara 21 hari maknanya dalam tempoh 21 hari beliau mestilah mengusahakan untuk dibicarakan memberi peluang kepada pihak satu lagi, menyoalkan perintah tersebut maknanya membuktikan dan menyuarakan ketidakpuasan hati beliau.

Ada dua cara kita buat sama ada kita pinda tatacara ‘mal’ ataupun kita gunakan nota amalan yang dikeluarkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi memberi arahan kepada semua hakim. Bila mengeluarkan perintah sementara akan dinyatakan dalam perintah tersebut bahawa perintah ini hanya akan berkuasa selama 21 hari. Barulah perintah itu bila 21 hari tiada perintah baru dibuat, maka secara sendirinya perintah tersebut akan terbatal. Ini supaya kita dapat memberi keadilan kepada semua pihak, pihak yang mengadu dan juga pihak yang kena adu supaya mereka dapat selesaikan, menyuarakan masalah dan pertelingkahan yang wujud di antara mereka. Untuk itu sebagai rumusan saya ingin menyarankan apa yang saya katakan tadi sekali lagi supaya Jawatankuasa Kebangsaan Teknikal Undang-undang mengkaji segala konflik perundangan sama ada dari segi amalan undang-undang syariah itu sendiri, mahupun konflik yang wujud di antara undang-undang sivil dan undang-undang syariah supaya perundangan syariah ini dapat kita letakkan di tempat yang sepatutnya.

Soalan dasar yang saya katakan tadi harus diselesaikan, di manakah kedudukan undang-undang syariah itu. Di manakah kedudukan Mahkamah Syariah itu. Apakah kedudukan hakim syarie itu. Kita kena letakkan supaya sesuai dengan apa yang kita hasratkan, supaya Mahkamah Syariah akan dapat berjalan dengan sebaik mungkin dan tidak akan ada timbul permasalahan dari segi amalan perundangan ini dengan segala konflik itu dapat kita selesaikan.

Keduanya, saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Puteh dan menyokong sepenuhnya supaya kita wujudkan kalau tidak dapat pusat latihan perundangan syariah, kita gunalah apa yang ada pada masa ini, yang ada dalam kemampuan kementerian supaya latihan secukupnya diberi bukan sahaja pada hakim-hakim syarie, tetapi kepada semua pendakwa raya, semua penguat kuasa, penyiasat

dan juga pengamal undang-undang. Mereka harus diberi latihan yang secukupnya dalam bidang-bidang syariah ini, sebab kita ketahui pada masa ini peguam-peguam syarie bukan sahaja yang datang berlatar belakangkan perundangan syariah tetapi juga yang berasaskan perundangan sivil. Maknanya mereka bukan kelulusan syarie tetapi berkelulusan perundangan syariah, Diploma LLB bukannya LB Syariah.

Apa yang diamalkan oleh undang-undang sivil sekarang, bagi pengamal undang-undang walaupun mereka berkelayakan dah dapat kelulusan dan sebagainya.....

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** ....ya sila, sila.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak memohon sedikit penjelasan berhubung dengan pegawai-pegawai dan petugas-petugas penguat kuasa pencegah maksiat ini.

Yang pertamanya dari segi tauliah mereka, apakah benar-benar mereka ini bertauliahan, ada autoriti, ada latihan, ada kewibawaan ataupun sekadar mereka ini selaku sambilan sahaja. Baru-baru ini ada di mana mereka ini telah melakukan kerja-kerja yang bertentangan pula dengan tugas yang sepatutnya disempurnakan. Sepatutnya dia mencegah maksiat, tetapi pada masa yang sama mencari peluang dan ruang melakukan maksiat pula. Ini merupakan satu perkara, apakah pelantikan itu perlu diperkemas dan diperbetulkan, apakah penguatkuasaan itu sudah mencukupi? Apa pandangan Yang Berhormat ataupun kalau sekiranya kita dapat mencadangkan dalam rangka rujuk perbincangan Yang Berhormat telah timbulkan sebentar tadi.

**Tuan Haji Fadilah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya ambillah ucapan Yang Berhormat Kuala Terengganu ini sebagai sebahagian daripada ucapan saya untuk kita majukan kepada kementerian untuk pihak Menteri menjawab nanti.

Cuma saya balik kepada apa yang saya sarankan tadi, dalam Mahkamah Sivil bila seorang peguam telah mendapat kelayakan dari segi perundangan dalam bidang akademik di Semenanjung Malaysia mereka mesti melalui proses apa yang dikatakan

*chambering* selama 9 bulan. Kalau di Sabah dan Sarawak mereka mesti melalui proses *chambering* selama setahun supaya mereka akan dapat memahami segala aspek perundangan bukan sahaja dari segi teorinya, tetapi dari segi amalinya. Maknanya dari segi prosedur mereka akan jadi mahir, dari segi tafsiran perundangan pun mereka mahir, dari segi mendraf perundangan pun mereka mahir. Jadi ini harus kita lakukan dan untuk itu saya mencadangkanlah kalau kita dapat mengambil amalan sama supaya semua peguam syarie yang baru ini kita buat amali dahulu dengan orang yang terdahulu, mengamalkan perundangan supaya mereka nanti dapat membantu dalam proses mempercepatkan proses penyelesaian dan pertelingkahan antara pengadu. Dan ini sudah tentu akan membantu mahkamah dalam menyelesaikan permasalahan itu, dan juga dalam bidang-bidang penyelesaian ataupun kaunseling kalau dapat mereka pun diberi sebab kebanyakan kes sebenarnya bila berlaku perceraian dapat diselesaikan melalui kaunseling. Kalau dapat diselesaikan sebenarnya dapat menjimatkan masa mahkamah, dapat menjimatkan masa banyak pihak serta kos di mana perceraian secara bersama atas persetujuan bersama dapat dilakukan.

Ketiganya berkaitan dengan kesaksian .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Minta sedikit penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Petrajaya, saya tertarik dengan soal perceraian tadi yang dilakukan di mahkamah Yang Berhormat kata mesti melalui kaunseling dan sebagainya. Tidakkah Yang Berhormat terfikir bahawa keadaan macam itulah akhirnya selama ini menyebabkan timbul masalah di kalangan isteri yang menghadapi masalah, misalnya kadang-kadang dipukul suami dan sebagainya. Ada masalah besar dengan suaminya, bawa ke Mahkamah Syariah, di mana Mahkamah Syariah minta supaya mereka berbincang. Bawa tu pun dah kena marah. Bila balik berbincang kena gasak dan pukul lagi dan sebagainya. Bawa sekali lagi lalu disuruh berunding lagi. Sebenarnya apabila timbul bawa ke mahkamah dan sebagainya dah habis rundinglah tu, itu yang bawa sampai ke mahkamah tu. Bila suruh berunding, berbincang dan sebagainya perkara inilah akhirnya yang menyebabkan si isteri akan lebih menderita lebih dipukul dan sebagainya. Jadi apa pandangan?

**Tuan Haji Fadilah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Bera. Dalam konteks ini sebenarnya memang wujud. Yang saya katakan tadi kebanyakan kes dapat diselesaikan. Jadi ada salah satu kes yang tidak dapat diselesaikan, apa yang dikatakan ataupun apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bera sebenarnya memang timbul permasalahan bila kita berhadapan dengan sang suami yang agak agresif.

Permasalahan ini berlaku misal kata isteri telah melapor pada polis seperti mana dikemukakan tadi dan mahkamah bila kita memfailkan (si isteri) memfailkan penceraian selalunya pertama sekali yang dinasihatkan untuk merujuk pada kaunseling di JAIS ataupun Majlis Islam sebab termaktub dalam prosedur sebelum berlakunya penceraian mesti ada proses kaunseling.

Proses kaunseling di mana kedua-dua pihak akan dipanggil untuk mencari sama ada dapat atau tidak penyelesaian dibuat, dapat atau tidak. Matlamatnya ialah supaya tidak berlakunya penceraian, tetapi dalam kes yang sebegini rupa sebenarnya ada peruntukan dan perundangan kita tidak perlu merujuk pada kaunseling di JAIS ataupun di Majlis Islam pada kaunselor yang dilantik di bawah Perundangan Undang-undang Keluarga Islam tersebut. Kita sebenarnya boleh terus memfailkan penceraian melalui saman dan penyata tuntutan. Cuma sering kali masalah yang wujud sekarang ini ialah bila sudah berlaku kes penderaan terhadap isteri mereka akan memfailkan berdasarkan fasakh.

Bila memfailkan berdasarkan fasakh tetapi masalah yang timbul ialah apabila berlaku penderaan, mereka akan keluar daripada rumah, jadi si suami selalunya menggunakan apa yang dikatakan nusyuz, dia akan menghujahkan bahawa isteri saya ini sudah keluar, saya hendak faillkan tuntutan balas. Jadi inilah suasana yang berlaku. Dalam selalunya kes laporan polis pun kadang-kadang dari segi penyiasatan laporan polis kata ini kes keluarga hanya kes keluarga jadi mereka tidak ambil dari kes jenayah kadang-kadang. Mereka akan mencatat laporan polis itu sebagai untuk makluman sahaja.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, sila Yang Berhormat Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Petra Jaya, saya amat kagum dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bera yang begitu sensitif terhadap situasi yang dialami oleh isteri-isteri yang di dera, menjadi mangsa penderaan. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Petra Jaya yang arif dalam Undang-undang Islam ini, apakah benar bahawa ramai isteri yang didera seperti situasi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bera tadi mereka susah hendak dapat penceraian kerana hakim-hakim di Mahkamah Syariah adalah lelaki yang tidak sensitif, yang tidak peka dan agak enggan memberi perintah penceraian apabila permohonan adalah dari isterinya. Apakah benar situasi ini berlaku?

Ini adalah sebab saya dapat maklum balas daripada rakan-rakan saya yang jadi Peguam Syarie dan juga NGOs wanita yang berjuang untuk kaum wanita. Susah sangat untuk isteri yang di dera walaupun di dera untuk mendapat permohonan perintah penceraian kerana hakimnya adalah lelaki, kurang sensitif, terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah jangan risau lah kita di sini sebenarnya Barisan Nasional ini memang perjuangkan hak rakyat bukan sahaja wanita tetapi semua rakyat kita perjuangkan sebab itulah saya katakan tadi dari pagi tadi saya sudah membawa permasalahan ini sebab saya hendak menunjukkan berlakunya permasalahan di peringkat bawah sana.

Di mana wanita tidak kita wanita, suami, anak-anak menghadapi masalah yang harus tanggungjawab kita untuk mengemukakan sebenarnya inilah perjuangan kita dalam Barisan Nasional memang kita bawa. Dalam soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah tadi kita tahu dalam proses perundangan bila berlakunya penderaan adalah berlaku dalam rumah tangga. Rumah tangga maknanya kawasannya tertutup di antara suami dan isteri. Kalau kita hendak membuktikan pendakwaan, adanya penderaan itulah kita perlu membuktikan. Hakim tidak kira hakim itu lelaki atau perempuan akan bergantung kepada beban pembuktian.

Kita tidak dapat menyalahkan para hakim. Kita tidak dapat mengatakan hakim ini disebabkan lelaki dia menepikan hak wanita, tidak tetapi dia terpaksa berpegang kepada landasan perundangan. Perundangan memerlukan pembuktian jadi sama ada mereka dapat membuktikan penderaan wujud, berlaku ataupun tidak bergantung pada

bahan bukti. Itulah *response* saya jadi saya rasa tidak akan wujud suasana hakim-hakim menyebelahi lelaki ataupun wanita, pengalaman saya 14 tahun jadi pengamal perundangan. Saya sendiri banyak membawa kes wanita sebenarnya, daripada kes yang saya bawa dalam perundangan syariah 90 peratus pelanggan saya adalah wanita.

Belum ada yang diketepikan oleh mahkamah kalau kita dapat membuktikan. Ada juga kes yang saya mengaku saya tidak dapat membuktikan sebab pihak-pihak isteri tidak dapat membuktikan sebab membuktikan kita memerlukan saksi. Kadang-kadang ada juga kes di mana berlakunya orang itu yang mencederakan dirinya sendiri hanya untuk memutuskan perhubungan suami dan isteri, jadi sebab itu siasatan amat penting.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Polis memainkan peranan mereka untuk menyiasat. Inilah kerumitan sebenarnya berlaku dalam hal ehwal keluarga tidak kira sama ada perundangan keluarga Islam ataupun *law reform act, Family Reform Act*. Ini masalah sebenarnya yang wujud pada masa ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Ya Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Mohd Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Petra Jaya. Saya hendak menyentuh soal kaunseling yang berlaku akibat daripada berlakunya gelora di dalam keluarga, permasalahan dalam keluarga saya rasa ini yang dinamakan Al-Syiqaq ataupun Syiqaq dalam urusan agama.

Sebelum dibawa kepada kaunseling, saya rasa sepatutnya mengikut kaedah agama mengatakan *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Jadi sejauh manakah sebelum dibawa kepada proses kaunseling sejauh manakah proses pelantikan hakam daripada wakil kedua-dua belah pihak. Saya rasa cara ini lebih berkesan kerana kadang-kadang masalah orang yang muda-muda bila ada masalah dia hendak buat penyelesaian secara sendiri, terus dibawa ke Mahkamah Syariah, terus dibawa kepada pengaduan Kadi dan sebagainya tanpa pengetahuan daripada wali, daripada keluarga dan sebagainya. Saya rasa ini pendekatan yang lebih baik sebelum dibawa kepada kaunseling, bagaimana penerangan Yang Berhormat Petra Jaya?

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Saya setujulah sebenarnya benda ini memang telah berjalan dalam perundangan syariah kita, adanya ahkam memang ada dalam peruntukan Undang-undang Keluarga Islam dan ahkam ini sebenarnya dilantik di kalangan kalau dapat keluarga-keluarga pihak-pihak yang terbabit.

Kes ini memang berlaku tapi bila saya mengatakan tadi adalah *response* daripada Yang Berhormat Bera menanyakan persoalan berlakunya di mana tahap ahkam ini memang tidak dapat dicapai sebab memang sudah perhubungan ini memang tidak ada jalan penyelamat sebab si isteri sudah kena dera dan dia telah lari daripada rumah misal katanya, itu yang saya *respond* tadi.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Tetapi dalam suasana yang biasa memang wujudnya ahkam, perundingan dan yang saya katakan kaunseling tadi itulah yang saya rujuk, adanya peruntukan ahkam dalam perundangan kita. Ya Yang Berhormat Kuala Terengganu silakan.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Petra Jaya. Kata kunci yang terakhir yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tentang kaunseling. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat malah kepada Menteri sendiri setakat manakah profesionalisme kaunseling ini sendiri? Apakah mereka benar-benar ada lesen untuk beroperasi ataupun menjalankan tugasnya ataupun sekadar-sekadar kita menggelari dia itu sebagai seorang kaunselor.

Sebab kalau sekiranya tidak benar-benar terlatih ini boleh membawa padah pula kepada orang yang berada dalam satu gelora pertelingkahan keluarga itu sendiri. Bagaimana orang yang sedang bergelora dalam pertelingkahan, dengan *angemnya*, dengan kemarahannya pengurusan kemarahannya sudah tidak dapat dikawal lagi tiba-tiba tidak ada orang yang benar-benar dapat merungkaikan masalah gelora jiwa, emosi yang sedang dihadapi. Ini satu perkara yang saya kira perlu dibangkitkan iaitu kematangan, *qualification* ataupun dari segi kelayakannya, latihannya saya kira ini adalah merupakan perkara yang harus diberi perhatian juga, kalau boleh mendapat *response* daripada Yang Berhormat.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Kuala Terengganu. Dalam bidang kaunselor ini sebenarnya adalah dalam bidang JAIS ataupun Majlis Islam kalau di Sarawak kita panggil Majlis Islam Sarawaklah dan mereka memang ada kaunselor yang dilantik tetapi setakat mana keupayaan mereka, latar belakang mereka itu saya tidak dapat respons dan saya akan kemukakanlah pandangan itu kepada Yang Berhormat Menteri dan saya rasa pandangan Kuala Terengganu ini patut kita ambil, ambil berat sebab kaunselor ini ialah penyelamat yang dapat menyelamatkan, meredakan perhubungan suami dan isteri.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, sila sila.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Petra Jaya, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berbalik kepada masalah penceraian tadi ini. Sekarang dalam dunia serba canggih sekarang ini ada negeri-negeri yang membenarkan penceraian melalui SMS dan talak terjatuh sekiranya SMS itu dibuka, maknanya kalau sekiranya ini berlaku suami itu terlalu marah kepada isteri dia dalam satu hari mungkin sampai 10 kali dia hantar SMS. Jadi, saya hendak mendapat pandangan daripada Yang Berhormat ataupun jawapan daripada Menteri, adakah kalau 10 kali buka ini maknanya 10 talaklah jatuh, adakah begitu maksudnya ataupun bagaimana? Respons daripada Yang Berhormat.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Bahagian hukum ini saya akan serahkan kepada Yang Berhormat Menteri sebab kita ada Majlis Fatwa untuk respons cuma saya akan respons dalam konteks pentadbiran perundangan. Jika berlakunya penceraian ataupun si suami melafazkan tidak kira sama ada melalui SMS, melalui apa, jadi perundangan kita mengatakan bahawa si suami mesti melafazkan dalam mahkamah. Kalau lafaz dilafazkan di luar mahkamah maka ada peruntukan untuk menghukum si suami. Itu perundangan jadi kalau berlaku juga maka lafaz penceraian di luar mahkamah si isteri mesti mengadu kepada mahkamah untuk mendapat pengesahan sama ada jatuh atau tidak, sahih atau tidak talak yang dilafazkan sebab kita tahu dalam perundangan dalam hukum syarak kita tidak semestinya keadaan lafaz itu menjadi jatuhnya talak bergantung dengan jenis-jenis atau lafaz yang dilaksanakan. Saya rasa Yang Berhormat Pendang pun arif tentang itu saya

tidak akan menghuraikan cuma saya hendak lebih menekankan kepada pentadbiran perundangan.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih. Saya hendak kembali kepada soal penceraian lagi, *nusyuz*. *Nusyuz* ini biasanya dijadikan sebagai senjata lelaki. Apabila terjadi pertelingkahan isteri didera isteri lari. Kadang-kadang isteri lari bukan lari ke rumah sesiapa lari ke rumah keluarga dia dan sebagainya tetapi itulah alasan dalam *defence*, dalam *defence* yang akan dikemukakan oleh lelaki bahawa isteri *nusyuz* - derhaka dan akibat daripada *defence* ini kesannya besar. Kadang-kadang melibatkan masalah *hadanah* tadi masalah penjagaan anak iaitu isteri yang derhaka tidak dibenarkan untuk menjaga anak misalnya. Dari soal sagu hati penceraian misalnya, mungkin ini akan terlibat, mungkin akan memberi kesan kepada sagu hati penceraian dan sebagainya. Jadi biasanya kesannya adalah kepada wanita kerana *nusyuz* merupakan satu perkara yang, satu *defence* yang terbaik di dalam soal penceraian untuk menyekat hak wanita di dalam menggunakan haknya. Itulah satu perkara yang besar.

Adakah pihak Yang Berhormat ingin mencadang supaya mana-mana perempuan yang menghadapi masalah penderaan ini untuk mengelakkan dia daripada *nusyuz* tadi pihak Jabatan Agama ke Pihak Kementerian ke wujudkan satu pusat, satu pusat ataupun satu tempat di mana wanita yang lari boleh berlindung di situ tetapi di letak di bawah penjagaan Majlis Agama supaya tidaklah itu dijadikan alasan oleh lelaki tadi suami dia mengatakan dia sudah *nusyuz* kerana dia lari laporkan kepada Jabatan Agama dia berlindung di situ sebagai tempat perlindungan. Ini barulah wanita boleh mempunyai hak dia bahawa saya tidak *nusyuz*, saya tidak lari, saya tidak ingkar tetapi saya lari dan laporkan kepada Jabatan Agama saya hendak menetap di sini selama beberapa hari sehinggalah kes penceraian saya selesai. Dalam masa yang sama dia boleh failkan *application* ataupun permohonan cerai dan sebagainya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Bera. Saya ambillah ucapan pandangan Yang Berhormat Bera ini sebahagian daripada ucapan saya dan mohon nanti Yang Berhormat Menteri responslah kepada apa yang dicadangkan sebab saya rasa ini melibatkan beberapa perkara. Dari segi kewangan, dari segi dan sebagainya untuk mewujudkan tempat perlindungan tetapi mengikut

pengalaman saya dalam kes-kes berkaitan dengan adanya soalan *nusyuz* dibangkitkan biasanya mahkamah yang pernah saya lakukan bersimpati dengan pihak wanita dan kalau mereka dapat membuktikan dan biasanya soalan *nusyuz* ini jarang, belum dapat saya setakat ini membuktikan di mahkamah persoalan *nusyuz* melainkan memang wujud *nusyuz* yang sebenar-benar si isteri lari meninggalkan itu bukan disebabkan penderaan tetapi lebih sebab dia hendak mengikut ada orang lainlah yang dia apa. Memang wujud suasana itu. Tetapi dalam kes penderaan biasanya kita dapat menyelesaikan dalam konteks yang saya sendirilah tetapi mungkin ada keadaan-keadaan yang tidak dapat diselesaikan sebab itu saya rasa Yang Berhormat Menteri kalau dapat mengambil kira pandangan ini dan..... ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat melanjutkan ucapan saya hendak tahu berapa lama diperlukan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Sebenarnya saya sudah hampir kepada penghujung .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab saya fikir masa juga kita kena disediakan untuk Menteri jawab. Jadi sebab ini saya hendak tahu berapa ramai akan berucap lagi. Dua? Jadi kalau kata Menteri ingin hendak jawab pada jam 4.30 adakah masa untuk, tetapi Yang Berhormat sudah dekat habis betul?

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Hampir habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dalam satu dua minit?

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Kalau tidak ada celahan saya rasa dalam tiga minitlah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lebih eloklah tidak payah terimalah biar Menteri jawab nanti.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Baiklah, saya patuh arahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Jadi saya hendak balik sedikit tadi supaya kaunseling di mana peguam-pegawai syarie juga diberi latihan dalam bidang kaunseling. Sebab saya sendiri kes mahkamah penceraian ini hanya satu sahaja diselesaikan

melalui perbicaraan penuh yang lain-lainnya ialah diselesaikan melalui perbincangan di mana seluruh dapat tercapai. Yang ketiga berkaitan dengan kesaksian sama ada orang Islam ataupun tidak mestilah dinilai berlandaskan kredibiliti saksi serta keterangan yang berasaskan dengan keterangan yang bertepatan dengan kes yang dibangkitkan bukan kita melihat pada latar belakang melainkan ada persoalan kredibiliti diwujudkan. Kalau dapat inilah harus ditekankan pada hakim-hakim syarie kita supaya dalam keadaan realiti kita pada masa ini dalam masyarakat majmuk orang dapat membawa kes dan dapat membawa bukti yang boleh diterima pakai di mahkamah. Untuk itu Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong satu orang, ya. Lepas Kepong Menteri boleh jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan perasaan berat untuk membahaskan Rang Undang-undang ini. Sebagai Ahli Parlimen saya hendak mengutarakan suara rakyat yang saya wakili. Saya tidak akan mentafsirkan Al-Quran kerana yang saya tidak layak dan Al-Quran yang mempunyai bahasa klasik Arab, yang unik, yang mempunyai batu permata, intan dan manikam di dalamnya. Dan saya pun tidak tahulah sama ada semua yang ada di sini berketurunan Islam yang memahami bahasa klasik Arab sepenuhnya. Berapa orang yang faham? Saya tidak faham sebab itu saya tidak akan menyentuh tafsiran di dalam kitab ini.

Walau bagaimanapun, saya ada memetik nilai-nilai tafsiran Pimpinan Al-Rahman kepada pengertian Al-Quran yang diterjemah serta diberi penjelasan oleh Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmih dan disemak oleh Dato' Haji Mohd Nor bin Haji Ibrahim, bekas mufti Kelantan. Sebenarnya Kelantan itu mewah juga sehingga Ayah Pin pun berasal dari Kelantan juga.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan ini daripada...

**Seorang Ahli:** Terengganu...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan Terengganu. Itu Besut

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu dia Beris Kubu Besar, Bachok.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Berasal dari Beris Kubu Besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong Speaker ada di sini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ada masa.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yalah Yang Berhormat kalau tidak tahu nak cakap buat apa, Yang Berhormat, cakaplah benda yang tahu. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu melanggar peraturan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak ada. Saya minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jangan buang masa lah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yalah, kalau tidak tahu, jangan bercakap benda yang tidak tahu Yang Berhormat. Merapu sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat bagi Larut sahaja tahukah?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sebab itu saya tidak cakap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak sebutkan beberapa perkara yang tidak kena mengena dengan tafsiran Al-Quran.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggulah sekejap. Dengar sahaja. Yang pertamanya, saya berharap dengan adanya rang undang-undang ini yang hendak menyeragamkan, memaparkan undang-undang di seluruh Malaysia, memang penting kerana undang-undang itu penting yang perlu dikuatkuasakan dalam erti yang sepenuh. Walau bagaimanapun, dalam usaha kita untuk mewujudkan perpaduan sosial untuk mengagihkan hasil kemajuan dan untuk memberi peluang-peluang yang sama kepada semua dan meritokrasi, kita mesti tafsir pelaksanaannya dengan betul, dengan tepat, dengan berkesan. Saya sebutkan hal ini kerana pengalaman saya sendiri dan saya dapat aduan daripada sanak saudara saya juga. Saya sebenarnya berasal dari daerah Bachok, ayah saya dari Sungai Keladi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Orang Kelantan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Orang Kelantan. Jangan buat macam itu, ini pun ditafsir dan diterjemah dan sebagainya oleh orang Kelantan juga. Jangan main-main!.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mengapa hendak pandang belakang?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya pandang ke sini tetapi ... Di jajahan Bachok ada banyak mukim – Berkelam, Gunung, Jerawat, Kemudi, Balai, Tawang, Beris Kubu Besar, Peropok, dan Ayah Pin itu berasal dari Beris Kubu Besar.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini memang ada kena mengena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau tidak suka pandang sini, pandang Menteri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya pandang Menteri. Menteri itu dia orang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, ya pandang sana.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Menteri orang baik. Misalnya satu sanak saudara saya, semalam saya tanya dia. Dia kata adik dia memeluk agama Islam dan tiga sanak saudara dia, adik saudara itu satu perempuan, dua lelaki memeluk agama Islam. Dua pak saudara dia memeluk agama Islam. Selepas memeluk Islam dia hilang daripada masyarakat, daripada keluarga. Ini masalah. Bukan sahaja waris saya di sini, saya sendiri, saya tidak pernah sebutkan di sini, tetapi saya sendiri beberapa pak saudara saya, beberapa waris saya sudah memeluk Islam misalnya, makcik saya, kakak kepada emak saya meninggal semasa saya berumur lima tahun dia meninggal dan kakak dia....

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Lima tahun ke lima bulan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Lima tahunlah itu. Yang Berhormat bagi Ketereh dia berminat dengan membawa anak buah dari Ketereh...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta sedikit penjelasan? Bagi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masa.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** sedikit sahaja Yang Berhormat. Yang Berhormat ini bagus. Yang Berhormat hendak minta sedikit penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kubang Kerian pun hendak menyertai.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Dua persoalan. Pertama apa menyebabkan Yang Berhormat tinggalkan Kelantan ini begitu jauh, kedua bagaimana perhubungan Yang Berhormat dengan keluarga Yang Berhormat seperti Yang Berhormat sebutkan tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya ada maksud saya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Itu sahaja yang hendak tanya. Itu soalan yang baik Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya bermaksud janganlah bising sangat – ‘tupai di ranting .. nampak, mata keliru sebenar, melanting menuju tampak, berkata menuju benar.’

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, saya tanya soalan baik pun tidak bolehkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalan itu...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tanya tadi...

**Dr. Tan Seng Giaw:** ...tunggulah sekejap lagi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tadi saya tanya Yang Berhormat kenapa Yang Berhormat tinggalkan Kelantan? Sensitif sangatkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggulah satu minit lagi, saya akan terangkan yang itu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kedua, bagaimana hubungan Yang Berhormat dengan keluarga Yang Berhormat sebut tadi. Itu sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Makcik saya ada anak lelaki tunggal yang memeluk agama Islam. Selepas itu dia hilang sama sekali. Adik saya dan saya terpaksa menjaga sehingga meninggal dunia ketika umurnya hampir 86 tahun, dua tahun yang lepas, kita jaga semualah sampai dia meninggal. Tidak ada masalah. Saya sendiri dan banyak lagi. Sekarang ada pak saudara saya yang memeluk Islam yang hilang sama sekali. Hilang daripada keluarga. Ini bergenerasi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat. Ini berbahaskah atau bercerita ini, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini perbahasan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jangan bercerita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat,...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak.. itulah banyak lagi kes-kes di dalam keluarga saya banyak juga. Tetapi tidak jadi, sudah tidak ada hubungan langsung. Jadi nilai-nilai yang terkandung di dalam Al-Quran ini – memupuk keharmonian, perpaduan, belas kasihan dan banyak lagi nilai-nilai bersejagat dan nilai-nilai abadi. Di mana hilangnya nilai-nilai ini walaupun nilai-nilai ini wujudkan perbezaan. Agama mengizinkan kepelbagaian perbezaan dan sebagainya. Tetapi di mana hilangnya belas kasihan dan fahaman kekeluargaan. Semua hilang, ini bergenerasi. Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian ataupun PERKIM buat kajian, misalnya di jajahan Bachok, saya sebutkan sebab saya pun berasal daripada situ, bukan Ketereh. Ketereh itu tidak dekat juga itu. *[Ketawa]* Di Bachok kerana generasi kekurangan Cina di situ. Kita buat kajian, siapa yang jadi mualaf, mualaf dah, dan apakah terjadi dengan keadaannya, keluarganya dan sebagainya. Ini memang kita perlu buat kerana kita hendak wujudkan keharmonian dan perpaduan di dalam masyarakat yang digalakkan oleh nilai-nilai yang terkandung di dalam....

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Pahat bangun.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** Terima kasih Yang Berhormat, saya cuma hendak tanya soalan ringkas sahaja. Adakah daripada cerita Yang Berhormat tadi, menunjukkan bahawa dengan masuk dalam Islam tadi, masyarakat Cina yang kata dia lahir dari Kelantan tadi, kawasan Yang Berhormat, dengan masuknya kepada Islam, mereka meninggalkan keluarga mereka dan adakah itu merupakan salah dalam agama? Salah disebabkan oleh kemasukan mereka dalam agama?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat betul juga. Agama tidak mahu perpisahan, perpecahan, ketidakharmonian, itu dilarang. Tetapi, pihak manusia yang tidak begitu kamil, yang mewujudkan masalah. Ini termasuk Yang Berhormat bagi Batu Pahatlah itu. “Selepas rumah siap, pahat berbunyi”. Itulah masalah. *[Ketawa]*

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** Minta maaf Yang Berhormat, minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** Mana ada rumah yang dibuat daripada batu Yang Berhormat? Gua sahaja ada Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kita membuat demikian, kaji semualah masalah kerana saya, walaupun mengalami masalah, kesusahan dan sebagainya, saya masih bertoleran.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ketereh bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ketereh bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ketereh pula. Itu jambu gajus sahaja itu.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih. Jambu gajus itu Ketereh bagi nama buahlah. Dia orang Kelantan dia faham. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya mendengar cerita daripada Yang Berhormat bagi Kepong, sebenarnya perkara ini adalah satu realiti yang berlaku dan satu persepsi terhadap masyarakat orang-orang yang telah masuk Islam. Saya minta Menteri mengambil perhatian yang besar atas perkara ini dan saya hendak minta penjelasan sikitlah daripada Yang Berhormat, seolah-olah cerita ini kalau orang yang mendengarnya berniat jahat, orang mengatakan bahawa kepada orang Cina, janganlah masuk Islam, kerana kamu putus keluarga. Tetapi, kalau ianya berniat baik, minta kerajaan memperbetulkan keadaan mualaf, sebab itu ada PERKIM. Ini kerana dalam Al-Quran Yang Berhormat bagi Kepong, ada disebut *[Bercakap dalam bahasa Arab]*. Yang bermaksud: Aku jadikan manusia itu berbangsa-bangsa untuk kamu kenal mengenali di antara satu sama lain. ‘Takrafu’ maknanya takruf. Maknanya bukan bergaduh, bukan meninggalkan keluarga. Tetapi, mesti berkenal-kenalan di antara satu sama lain. Jadi bukan salah Islam tetapi sebenarnya mungkin salah keadaan. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ketereh, cuba Yang Berhormat bagi Ketereh membuat kajian sendiri. Ini berlaku generasi ke generasi, lebih 50 tahun. Yang dahulu, saya ada waris juga di kampung, di Sungai Keladi itu. Dia memeluk Islam. Memeluk Islam, baru-baru ini saya tanya dia daripada mana, keluarga dia, hilang sama sekali. Hilang semua bergenerasi, bukan hari ini sahaja.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih. Bukan saya sambung? Apakah tidak timbul pertanyaan di hati Yang Berhormat bagi Kepong? Sebenarnya, yang meninggalkan keluarga ini kerana mereka di pulau oleh keluarga asalnya. *It is a two-way process* dengan izin, bukan *one-way*. *It is a two-way process*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yes. *It is a two-way process*. Dia dua halalah. Tetapi keadaan agama di negara ini, *the realitinya* satu hala sahaja itu, yang masalah berjalan satu hala. Itu masalah juga.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, saya cadang buat drama Yang Berhormat supaya orang ramai tahu Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia yang bermula dengan dua hala. Jadi, pada satu aspek, itu satu hala sahaja, pada satu aspek. Ini bukan berniat jahat. Saya hendak perpaduan juga, hendak keharmonian juga. Walhal, "laut tidak membuang sungai, rimba tidak membuang latah". Saya berharap Yang Berhormat Menteri pun besar hatinya, kerana orang baik dia akan mengkaji macam mana kita boleh mengatasi untuk generasi akan datang, kita boleh mengubah keadaan.

Saya pun ada terima, yang keduanya masalah yang timbul dengan wanita. Wanita yang ada sesetengahnya pengundi saya juga yang memberitahu saya, walaupun Yang Amat Berhormat menyebutkan mengenai pelantikan hakim wanita di Mahkamah Syariah. Dua tahun yang lepas disebutkan. Saya pun tengok, saya ingat Yang Amat Berhormat sekali ini, dia akan membuat betul. Ini kerana, walaupun orang seperti Yang Berhormat Menteri untuk Parlimen pun, dia kata tidak mahu menjaga wanita. Tetapi, apabila pengundinya sebut, ada ketidakadilan, kadangkala kezaliman di dalam proses prosedur untuk menguruskan kes-kes masalah keluarga di Mahkamah Syariah, dia tidak mengambil endah. Bahkan begitu sahaja.

Hari itu Yang Berhormat bagi Lembah Pantai tidak ada di sini, garang bukan main mengenai perkara yang lain. Tetapi, saya tidak nampak dia membangkitkan masalah macam mana kita boleh adakan hakim-hakim wanita di Mahkamah Syariah. Tadi, saya dengar beberapa masalah yang timbul, masalah kena-mengena dengan perceraian, masalah kena-mengena dengan kaunseling, masalah timbul kerana mutaah, kerana banyak lagilah masalah. Masalah kerana pihak wanita dan juga pihak lelaki tidak memahami hukum, sehingga dapat menuntut keadilan.

Semua ini timbul dan diskriminasi dikatakan kerana hakim lelaki pun tidak begitu faham. Kalau diikutkan cerita daripada Yang Berhormat, misalnya Yang Berhormat yang bertanggungjawab untuk Parlimen pun, kita boleh faham juga, dia tidak begitu prihatin kepada wanita, tidak begitu prihatin. Ini masalah. Saya hendak dengarlah selepas ini sama ada Yang Berhormat itu berani membangkitkan. Saya hendak tengok pelantikan hakim wanita di dalam Mahkamah Syariah. Saya hendak dengar. Mungkin saya tidak ada peluang dan Yang Berhormat Menteri mesti orang baik, dia akan mempertimbangkan hal-hal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana satu Yang Berhormat Menteri? Ada dua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Menteri Yang Berhormat bagi Besutlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya ingat Yang Berhormat tuju kepada Menteri yang jaga Parlimen?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan Yang Berhormat bagi Besutlah itu yang mempunyai masalah dengan 'Ayah Pin'nya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia sudah bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Minta penjelasan. Yang Berhormat sebut tentang Menteri. Ada dua Menteri di sini. Yang itu baik, yang Menteri lain ini jahatkah? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu soalan sebelah. Saya tadi tidak berani keluarkan. Saya hendak tanya Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jadi menurut Menteri yang lain, kadangkala baik juga. *[Ketawa]* Dia kadangkala dia naik angin sikit. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ooh. Jadi ini kena angin lebih, atau baik lebih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu sama-sama. Kadangkala 50%lah itu. Kadangkala dia ada angin 'pelaga' sikit. Angin 'pelaga' ada juga.

**Seorang Ahli:** Kepong kecek Kelantan ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kelate itulah. Macam mana? Yang Al-Quran pun dia tafsir dan diterjemahkan juga daripada Kelantan.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya sudah pandang depan juga ini. Ya, saya sebutkan. Yang Berhormat Menteri, kita mesti faham. Saya bagi contoh ya. Saya ada angka sikit. Ini pun diberi oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Kita dengar dengan baik-baik. Pada 1995, di dalam IPTA kita ini, lelaki 16,000 lebihlah dan perempuan lebih 18,000. Saya ada dengan ringkas. 1996 – 21,000 lebih lelaki, 23,000 lebih perempuan. 1997 – 25,000 lelaki, 30,000 perempuan. 1998 – 27,000 lelaki, 35,000 perempuan. 1999 – 42,000 lelaki, 61,000 perempuan. 2000 – 42,000 lelaki, 61,000 perempuan. 2001 – 41,000 lelaki, 61,000 perempuan.

Ini secara ringkas sahaja. 2002 – 33 ribu lelaki, 51 ribu perempuan. Memanglah sejak akhir-akhir ini teruk sekali. 2003 – 37 ribu lelaki, 61 ribu perempuan dan 2004, tahun lepas – 37 ribu lelaki, 67 ribu perempuan. Tengoklah macam mana keadaan. Di IPTA kita ada lebih ramai, kadangkala 70% atau 60% perempuan berbanding dengan lelaki. Mengapa kita boleh melatih mereka menjadi hakim?

Kalau kita tengok jabatan-jabatan atau Fakulti Undang-undang di IPTA, lebih ramai wanita. Kita boleh latih mereka menjadi hakim supaya masalah yang timbul kerana masalah kekeluargaan dapat difahami oleh pihak Mahkamah Syariah. Saya percaya kalau ada hakim wanita di situ, hakim lelaki pun lebih berhati-hati, dia takut dibidas ataupun diasingkan oleh pihak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat tengok belakang tengok siapa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itulah saya tengok.. .*[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa memandang kepada Tuan Yang di-Pertua tetapi agama mengizinkan kepelbagaian. Itulah kita hendak mempelbagaikan pandangan juga, nilai-nilai kepelbagaian dan pandangan juga. Itu masalah kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara. Ada satu perkara lagi, ini daripada pengundi-pengundi sayalah. Mereka tanya saya, adakah kriteria dan standard untuk membina surau, untuk membina masjid, untuk membina madrasah, mesti ada nisbah penduduk dengan rumah suci, mesti ada. Saya harap Yang Berhormat dapat

menerangkan kepada kita semua dan ini termasuklah, ini bukan sahaja kerana azan, lain-lain agama pun kadang kala mengganggu orang. Hindu pun kadang kala loceng di dalam kuil pun mengganggu orang. Upacara kadang kala mengganggu orang dan dengan tokong bagi agama Taoism atau Buddha kadang kala bukan kerana agama, kerana penganut yang tidak begitu faham, tidak mengambil kira, tidak bersimpati dengan orang lain. Dia lakukan apa sahaja.

Begitu juga dengan orang Islam. Kadang kala dia mengaji pada subuh pagi. Saya terima kerana saya hendak bangun, hendak berjaga waktu itu. Saya terima, bagi saya tidak jadi masalah, saya sudah tidak payah gunakan jam. Saya dengar sahaja, 5.40 pagilah sekurang-kurangnya. Itu baik untuk saya tetapi bukan semua orang seperti ini. Ada yang bangun pukul 7 pagi atau 6.30 pagi, itu masalah, mengapa kita hendak mengaji di situ juga. Sebab saya pernah kata, 1,500 tahun yang lepas di waktu Nabi tidak ada pembesar suara. Ada menara tetapi tidak ada pembesar suara dan mereka boleh azan. Tetapi sekarang masjid bukan main cantik dan besar dan pembesar suara pun besar juga.

Saya berharap Yang Berhormat dapat kaji bukan untuk agama Islam sahajalah, tetapi untuk semua agama. Jangan ganggu orang, jangan ganggu orang termasuklah orang yang memainkan mercun, bukan sahaja penganut agama Buddha, Kristian ataupun Islam yang main mercun yang dimainkan oleh semua orang. Saya tidak bersetuju sebagai orang persendirian tetapi walau bagaimanapun ini disebutkan oleh pihak yang tertentu bahawa membuang mercun di hadapan masjid dan sebagainya, ini sepatutnya tidak dibuat.

Walau bagaimanapun, manusia kadang kala mempunyai banyak kelemahan. Sebab itulah kita memerlukan agama untuk mengurangkan kelemahan bagi orang-orang yang kurang mahir. Walau bagaimanapun, saya bangkitkan tiga perkara. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian dan seterusnya mencari cara-cara untuk menyelesaikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali, saya diberitahu dan Yang Berhormat bagi Pasir Putih pun dia fasih dalam hal ini. Dalam ucapannya saya nampak banyak perkara yang dibangkitkan dan Ketua Hakim Syarie, Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Dato' Syeikh Ghazali Abdul Rahman dan dia

memang ada menyebutkan bahawa cabaran untuk memantapkan Perundangan Islam ini, beliau hendak melaksanakan program penyelidikan berkaitan sistem perundangan dan kehakiman syariah sesuai dengan kemajuan umat Islam di negara ini serta merangka program pembangunan latihan kepada seluruh pegawai syariah.

Saya berharap Dato' Syeikh Ghazali pun akan memainkan peranan yang penting kerana dia kata dia lebih suka bekerja dan kurang bercakap. Dan saya berharaplah dengan kerjanya, dia dapat meneliti semua yang saya bangkitkan ini supaya kita sama-sama boleh menyelesaikan masalah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sila beri jawapan.

#### **4.38 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005. Setelah saya mengikut sendiri perbahasan yang panjang iaitu lebih daripada dua hari, saya rasa ataupun dua hari yang telah dilakukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan yang sangat menariknya ialah ada yang berbahas dan ramai pula yang telah mencelah dan mengemukakan soalan-soalan untuk dijawab oleh pembahas.

Pada saya masing-masing mempunyai kehebatannya yang tersendiri termasuk juga Yang Berhormat bagi Kepong. Iaitu ada yang bersemangat, kita mulakan semalam dengan yang bersemangat, ada yang sempat berjenaka, kadang-kadang berlaku juga cabar-mencabar, tegang suasana dan seterusnya sampailah kita pada petang ini. Di antara Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap, saya mencatatkan mulanya daripada Yang Berhormat bagi Kemaman, selepas itu Yang Berhormat bagi Pasir Mas, selepas itu Yang Berhormat bagi Kalabakan, kemudian Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sebelum semalam dan pagi tadi.

Kemudian Bukit Gelugor, kemudian Petra Jaya dan juga Kepong, itu yang terakhir. Boleh dikatakan sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun memberikan pandangan-pandangan yang baik, yang bernas semasa

membahaskan rang undang-undang ini, saya rasa cukup panjang dan kalau dua lagi rang undang-undang pindaan yang kita akan baca dan kita akan bawa itu saya rasa hampir sama juga dan ini kerana yang pertama daripada tiga, sebab itulah agaknya panjang.

Saya berpendapat, pada umumnya semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah bersetuju dengan pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang tersebut untuk Wilayah Persekutuan, itu pada tanggapan saya sebab kita dapat di antara kebaikan penyeragaman undang-undang Islam ini ialah pertama, untuk mewujudkan penyatuan undang-undang Islam di seluruh Malaysia kerana selama ini undang-undang Islam berbeza di antara satu negeri dengan negeri-negeri lain di Malaysia tidak ada keseragaman, tidak ada keselarasan di antara negeri-negeri di Malaysia. Sebab itu timbul banyak masalah sebagaimana yang dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang kedua, di antara kebaikan yang saya boleh simpulkan ialah untuk memberi kemudahan kepada orang ramai. Apabila mereka berurusan dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan Islam seperti pejabat agama Islam di negeri-negeri ataupun Mahkamah Syariah negeri-negeri, maka akan banyak kemudahan dengan adanya penyeragaman ini.

Yang ketiga misalnya saman, waran ataupun Perintah Mahkamah Syariah yang dikeluarkan oleh sesebuah negeri di Malaysia ini boleh dikuatkuasakan di negeri-negeri yang lain begitu juga di antara kebaikan yang saya kira ada pada penyeragaman dan penyelarasan ini.

Yang keempatnya pula ialah mempercepatkan proses pelaksanaan Perintah Mahkamah Syariah yang mana sebelum ini banyak tertangguh dan itu dihebohkan begitu banyak sekali di akhbar-akhbar dan disebut di mana-mana kerana tidak dapat dilaksanakan antara sebuah negeri dan negeri-negeri yang lain kerana tidak ada penyeragaman.

Sukacita saya menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa hampir semua negeri telah membuat penyeragaman rang undang-undang Islam ini termasuk juga negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Menurut catatan terakhir yang ada pada saya iaitu di Sabah, yang mana kita dapat juga keseluruhan lima yang diminta diseragamkan itu

telah pun diluluskan pada 11 Ogos 2004 dan maklumat terkini dan telah pun dikuatkuasakan mulai Jun 2005.

Sabah, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan, maknanya jangan Wilayah-wilayah Persekutuan sahaja yang seragam tetapi dia lebih advanced lagi sebenarnya daripada Wilayah Persekutuan. Besar kemungkinan, Wilayah Persekutuan ini, tiga insya-Allah, maknanya kita akan seragamkan lagi dan akan menyusul dua lagi iaitu undang-undang keluarga dan satu lagi satu undang-undang yang lain. Sabah ada Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, Undang-undang Keluarga Islam, Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Sabah, Tatacara Jenayah Syariah dan juga Tatacara Mahkamah Syariah. Jadi, saya rasa Sabah di antara negeri yang telah pun mengambil inisiatif yang lebih mendahului kita sebenarnya di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk isu-isu yang berbangkit semasa perbahasan dalam Dewan yang mulia ini, saya pergi daripada awal dahulu, tidak pergi yang akhir daripada Kepong dahulu tetapi saya seronok juga hendak jawab yang Kepong dahulu, tetapi tidak boleh jawab sebab saya sudah terikat dengan urutan yang begitu. Lebih baik yang dahulu, kita dahulukan juga.

Komen saya iaitu Yang Berhormat bagi Kemaman telah bercakap panjang dan tegang, juga agaknya macam ada suatu isu yang sangat sensitif bagi kedua-dua belah pihak kerana perkembangan mutakhir di Terengganu. Jadi, telah menimbulkan persoalan tafsiran masjid kerana timbul isu hangat sebagaimana yang telah saya katakan itu iaitu bagi pihak Kerajaan Terengganu iaitu isu pembinaan masjid secara tidak mengikut undang-undang Islam Terengganu, itu satu, dan menurut PAS, isu roboh masjid menurut PAS, itu tegang, kita pun dapat perhatikan.

Apabila kita melihat kepada enakmen di negeri Terengganu jelas menyebut, sempat kami menyelidiki iaitu Seksyen 2 tafsiran undang-undang di negeri Terengganu, masjid ertiannya suatu bangunan;

- (a) yang digunakan bagi maksud sembahyang berjemaah dan lain-lain pekerjaan amal ibadat yang berkaitan dengan agama Islam dan;

- (b) yang penggunaannya sebagai yang sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah Seksyen 82 yang dibenarkan, yang dibenarkan oleh Majlis Agama Islam.

Kita lihat dalam Seksyen 82(2), penubuhan masjid iaitu dua majlis tidak boleh memberi kebenarannya atau membuat penetapan di bawah Subseksyen 1 melainkan jika tapak yang hendak digunakan sebagai masjid itu telah dijadikan wakaf yang berkekalan, mesti wakaf yang berkekalan.

Soalan daripada Yang Berhormat bagi Kemaman terhadap isu perobohan bangunan yang dikatakan masjid di Kampung Bujal, Kemaman iaitu kawasan Yang Berhormat bagi Kemaman, bangunan yang dikatakan masjid itu berada dalam rancangan tanah berkelompok atas tanah milik kerajaan. Dakwaan PAS ialah bahawa bangunan itu ialah masjid sedangkan Pihak Berkuasa Tempatan menyatakan ia bukan masjid kerana apa yang ada hanyalah kerangka bangunan sahaja bukan bangunan yang lengkap.

Permohonan tidak pernah dibuat kepada Majlis Agama Islam, itu saya *stress* di situ, permohonan tidak pernah dibuat kepada Majlis Agama Islam untuk mendapat kebenaran ataupun mendapat keizinan pembinaan sesebuah masjid. Dalam kawasan rancangan tanah berkelompok itu, pihak berkuasa tempatan mendapati tidak banyak rumah kediaman yang didirikan dalam kawasan itu. Oleh itu, belum ada keperluan bagi membina masjid dalam kawasan itu.

Sebagai kesimpulannya, iaitu tidak pernah memohon untuk mendapat kebenaran dan keizinan daripada Majlis Agama Islam Negeri Terengganu, dan yang keduanya, kalau memohon pun tidak akan diluluskan kerana jumlah penduduk yang lebih kecil, jumlah yang tidak cukup, maknanya 40 dan sebagainya, dan sangat dekat dengan masjid-masjid yang lain sebagaimana yang diceritakan semalam. Saya ingat dahulu masa saya jadi Ahli Majlis Agama Islam Negeri Terengganu selama tiga penggal, kita telah putuskan iaitu sekurang-kurangnya 1.5 kilometer. Kalau terlalu padat dan sebagainya, boleh dipertimbangkan kalau keadaan kampung dan sebagainya yang tidak padat, maka begitulah keadaannya.

Pembahas yang kedua iaitu Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya rasa dia banyak puji saya semalam, hari ini dia tidak ada pula, tidak apalah. Dia akan dengar jawapan dan *respons* saya kepada persoalan yang ditimbulkan. Beliau telah menyatakan persetujuannya dengan pindaan Rang Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah iaitu pindaan takrif misalnya dan hukum syarak. Saya sendiri hendak ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas yang telah pun menyokong pindaan ini bahkan beliau tidak sabar-sabar, sehingga pagi ini pun, hendak banyak lagi perubahan-perubahan dan pindaan terhadap undang-undang Islam ini.

Sebenarnya takrif hukum syarak yang dipinda supaya lebih jelas dan khusus yang dipinda ini iaitu takrif yang lama hukum syarak ialah hukum syarat mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf, jadi terlalu longgar dan terlalu umum. Yang diiktiraf itu oleh siapa? Apakah juga mazhab-mazhab yang tidak pun diiktiraf menurut pandangan Ahli Sunah Wal Jamaah dan sebagainya. Jadi, diberi takrif baru ini saya rasa sudah tentulah dengan pindaan ini lebih lengkap lagi dan lebih kemas lagi iaitu mazhab yang diiktiraf ialah Mazhab Shafie. Kemudian Mazhab Shafie ini atau mengikut mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanafi dan Hambali iaitu asasnya pada Shafie, kemudian boleh juga, banyak sebenarnya praktis yang berlaku sekarang terutama dalam muamalat, dalam *Islamic finance*, kewangan Islam menggunakan mazhab seperti Hanafi dan lain-lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kepong.

Editor: Hadzirah

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasanlah. Bolehkah Yang Berhormat terangkan daripada keempat mazhab tadi itu di Asia Tenggara termasuk di Malaysia dan Indonesia, apakah itu Shafie yang menjadi majoriti sini di Pakistan, di India, di Saudi Arabia dan sebagainya. Bolehkah terangkan sedikit?

**Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain:** Okey, terima kasih kerana berminat untuk mengaji tentang Islam. Saya rasa itu satu maknanya usaha yang positif saya rasa untuk menambahkan pengetahuan. Saya berterima kasih.

Sebenarnya Mazhab Shafie ini kebanyakannya berkembang di Nusantara, di Nusantara ini iaitu Indonesia, Singapura, Brunei, Selatan Thailand, walaupun di akhir-akhir ini Selatan Thailand juga telah berkembang mazhab ataupun fahaman Wahabi dan lain-lain tetapi Nusantara kebanyakannya majoriti besar adalah Mazhab Shafie.

Dari segi fikahnya, dari segi akidahnya ialah dia ada dua akidahnya iaitu dari segi teologi, dia adalah ahli sunah waljamaah, Shafie pun ahli sunah waljamaah tetapi penekanan dari sudut-sudut maknanya fikah, *Islamic Jurisprudence*. Di negeri lain berbagai-bagailah, kalau di Saudi ialah Hambali, kemudian di Pakistan kebanyakannya Hanafi dan di Mesir bercampur-campur, kemudian di Utara Afrika ialah Maliki dan Central Asia juga bercampur dan begitulah seterusnya.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas juga walaupun menyokong pindaan Rang Undang-undang ini tetapi menyatakan tidak bersetuju dengan banyak dasar kerajaan yang lain seperti pendekatan Islam Hadhari. Beliau begitu tegas menolak penggunaan istilah pendekatan Islam Hadhari ini dia tolak *loghatan wastilahan* iaitu dengan bahasa Arablah sebab semalam pun dia sebut dalam bahasa Arab banyak, jadi Menteri pun kena sebut dalam bahasa Arab, dengan izinlah juga, maknanya kalau disebut dalam bahasa Melayu takut dia tidak percaya, jadi sebut dengan Arab juga.

Seolah-olah *Laa aslalahu* dengan izin, maknanya tidak ada sumber langsung dalam bahasa Arab. Makna Islam Hadhari ini Melayu - Malaysia sahaja, maknanya begitu seolah-olahnyaalah. Betullah kalau gunakan Islam Hadhari itu tidak adalah Arabnya yang adanya *Al Islamul Haddhaari* -panjang sedikit, baru ada Arab. Kalau sebut Islam Hadhari betullah tidak ada asas *Laa aslalahu* - tidak ada asas dalam bahasa Arab.

Saya sebenarnya baru balik daripada negara Qatar iaitu Qatar di Dawhah. Saya telah bertemu dengan seorang penulis yang terkenal iaitu Sheikh Dr. Yusof Qardawi. Semalam pun banyak dia sebut Yusof Qardawi ini banyak peminat-peminat bukunya di seluruh dunia dan banyak diterjemahkan dalam bahasa-bahasa dunia. Setelah saya berbincang di rumahnya dua jam dengan tokoh ini, dia sekarang ini menjawat jawatan Mukhtasar ataupun Penasihat Agama kepada Amir Qatar.

Beliau menyatakan setelah saya menerangkan Islam Hadhari itu merupakan *manhaj* sahaja bukanlah makna agama baru dan sebagainya. Ia ada prinsip-prinsip

sepuluh sahaja, kemudian dia kata kepada saya [*Bercakap dalam bahasa Arab*]. Maknanya saya terjemahkan, sekiranya Islam Hadhari ataupun pendekatan Islam Hadhari itu sebagaimana yang anda sebutkan iaitu ada mempunyai prinsip dan sebagainya, kemudian menekankan kepada penguasaan dalam bidang ilmu iaitu kualiti hidup dan juga sebuah kerajaan yang adil dan amanah dan seterusnya dia kata maknanya tidak syak lagi dia adalah suatu *manhaj* sederhana yang telah dikemukakan iaitu *Al-Wasatiah Fil Islam*, yang sangat terkenal istilah ini dan kami sebenarnya menerima dengan baik.

Saya juga sempat berjumpa dengan seorang tokoh iaitu Sheikh Dr. Abbasi Madani di Qatar juga iaitu Pemimpin Algeria yang telah menang dalam pusingan yang pertama tetapi digulingkan oleh Jeneral-jeneral di Algeria sekarang menjadi Penasihat Politik kepada Amir Qatar. Saya sempat juga berjumpa dengan beliau di rumahnya, beliau sangat kagum dengan Malaysia dan beliau menerima baik istilah Islam Hadhari - Al-Islamul Hadhari.

Sheikh Dr. Abbasi ini seorang pemimpin yang telah pun menang dalam *round* pertama di Algeria - pemilihan dahulu di Algeria tetapi kerana ada pakatan katanya dan sebagainya dan dipenjarakan beliau begitu lama kemudian dilepaskan, kemudian dia berhijrah ke Qatar dan menjadi penasihat. Beliau mempunyai tiga Ph.D iaitu Doktor Falsafah dalam bidang pengajian Islam, dalam bidang pendidikan dan juga dalam bidang psikologi. Maknanya beliau sangat terbuka dan pernah melawat Malaysia dan telah melihat perkembangan di Malaysia, katanya dia terima baik.

Satu maklumat yang terbaru, saya juga boleh sebut di sini yang saya dapat daripada rakan saya daripada Selangor iaitu Exco Agama Selangor, dia baru balik daripada Mesir. Katanya, kawan-kawan dia memaklumkan iaitu pelajar-pelajar daripada Selangor, katanya Presiden Pas telah pergi berceramah kepada pelajar-pelajar daripada Selangor ini di Kaherah. Kemudian di memperakui *Al-Islamul Hadhari* boleh digunakan dari segi bahasa, cuma dari segi istilah sahaja tidak boleh.

Sedangkan Yang Berhormat bagi Pasir Mas tidak boleh *loghatan* dari segi bahasa pun tidak boleh, dari segi istilah pun tidak boleh. Maknanya dia ini nampaknya lawan tauke. Tauke kata boleh *loghatan* dari segi bahasa, dari segi istilah sahaja tidak boleh. Yang Berhormat bagi Pasir Mas beritahu dialah, maknanya bos dia pun sudah

bercakap, maknanya boleh katanya dari segi istilah, tidak ada halanganlah tetapi tidak tahulah kalau luar boleh, di dalam tidak boleh kedua-dua saya tidak tahu.

Sebenarnya Islam Hadhari adalah pendekatan atau *manhaj* sahaja bukan agama baru. Islam tetap Islam tetapi pendekatan boleh berbagai dan dalam dunia Islam sekarang ini ada sekurang-kurangnya saya sempat membaca ada beberapa pendekatan misalnya *Manhaj Al Islamul Mussiasi* iaitu pendekatan politik Islam. Makna dia fokus dalam aktivitinya kepada soal-soal politik. Kemudian satu lagi *Manhaj Al-Islamul Sufi*, maknanya *manhaj*, pendekatan, Islam Tasawuf ataupun *Al-Ruhi* iaitu dari segi kerohanian iaitu *spirituality*.

Kemudian yang juga disebar luaskan iaitu *Manhaj Al-Islamul Hadhari*, apa yang kita pilih ini adalah satu *manhaj* yang saya rasa lebih komprehensif daripada *Manhaj Ad Siasi* dan *Manhaj Ad Sufi* dan juga *Ad Ruhii*. Manakala Yang Berhormat bagi Pasir Mas telah mengatakan bahawa yang sebenarnya ialah *Al-Hadharah Al-Islamiah* iaitu ada buku daripada Presiden Pas sendiri dan kita membacanya dan kita mendapati *Hadharah Islamiah* ialah sejarah dan tamadun Islam, *Islamic Civilization*.

Kalau Islam Hadhari ini ialah kita terjemahkan dengan bahasa Inggeris iaitu *Civilizational Islam*, dengan izin, iaitu menggunakan pengajaran-pengajaran yang ada dalam agama Islam untuk membina tamadun. Dalam Hadhari itu adanya semasa (*current*) dan juga kontemporari. Saya rasa maknanya suatu yang sangat bertenaga dalam memilih *manhaj* ini dia adalah *manhaj* sederhana.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas tidak berapa jelas dalam bidang kuasa seorang Menteri. Beliau berkali-kali minta dengan saya supaya beri kuasa kepada Kelantan untuk membuat pindaan ataupun untuk melaksanakan undang-undang Islam di Kelantan melebihi daripada negeri-negeri lain. Sebenarnya saya sendiri pun hendak buat pindaan ini pun bawa ke sini, maknanya keterbatasan kuasa iaitu sebagaimana kita tahu kuasa adalah kuasa perlembagaan, kemudian Parlimen dan kita mohon. Oleh sebab itulah kita bawa ke sini dan beliau hendak minta dengan saya itu, saya rasa suatu yang janggallah. Maknanya tuan empunya sendiri pun hendak pinda undang-undang tahun 2005, sedikit sahaja hendak pinda pun kena bawa ke sini untuk mendapat kelulusan. Saya rasa tidak timbulah keadaan tadi.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas tidak berapa jelas dengan tatacara pendakwaan di Mahkamah Syariah, juga saya dapat dia begitu alim sekali dalam bidang Usul Fikih saya rasa memang kita akui lah tetapi dalam bidang yang pentadbiran Mahkamah Syariah ini adalah satu bidang yang lain. Ia tidak berapa jelas iaitu ditimbulnya macam suatu persamaan bahagian penguatkuasaan, bahagian pendakwaan dan Mahkamah Syariah sehingga kalan petang ini pun masih juga kita tengok bercampur-campur sebenarnya dia adalah merupakan tiga bahagian yang sangat berbeza.

Bahagian Penguatkuasaan, iaitu untuk menangkap ataupun untuk penguat kuasa undang-undang ini ada satu bahagian di Jabatan Agama. Kemudian setelah ada kes dan sebagainya diserahkan kepada Bahagian Pendakwaan, pendakwaan *study*. Bahagian Pendakwaan mengkaji adakah boleh dibawa ke mahkamah. Dan satu lagi lah, mahkamah adalah satu badan yang berasingan daripada Jabatan Agama. Kalau dahulu memanglah bercampur-campur tetapi sekarang sudah diasangkan. Pejabat Mufti pun asing, pejabat syariah pun asing dan penguatkuasaan dan pendakwaan ini masih diletakkan di bawah Jabatan Agama.

Yang Berhormat dari Pasir Mas juga meminta diperbanyakkan perkara-perkara tentang peruntukan jenayah syariah seperti minum arak, judi, zina dan sebagainya dimasukkan ke dalam undang-undang ataupun akta ataupun enakmen. Kalau di Wilayah Persekutuan dipanggil "akta" sementara kalau di negeri-negeri dipanggil "enakmen", akta ataupun enakmen undang-undang Islam. Sebenarnya kesalahan-kesalahan minum arak, persetubuhan luar nikah dan juga judi telah diperuntukkan dalam undang-undang kesalahan jenayah di negeri-negeri di Malaysia. Sebagai contoh Mahkamah Tinggi Syariah di sesetengah negeri telah mengenakan hukuman sebat selain daripada denda dan juga penjara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa panjang sikit pada Yang Berhormat Pasir Mas, kerana dia bercakap panjang, saya rasa kita beri peluang kepada orang lain pula iaitu ahli daripada Kalabakan, iaitu yang telah menimbulkan, saya sempat mencatatkan ada sekurang-kurangnya 5 perkara yang telah ditimbulkan berkenaan dengan Enakmen Undang-undang Islam di Sabah, iaitu telah dijawab tadi di mana telah pun diluluskan dan telah pun diwartakan. Diluluskan pada 11 Ogos 2004 dan diwartakan pada 1 Jun 2005 kecuali undang-undang keluarga sahaja yang masih belum diwartakan, diluluskan

di Dewan dan kemudian belum diwartakan. Yang 4 telah pun diwartakan. Ini saya rasa lebih mendahului kita.

Kemudian terhadap pengagihan wang Baitulmal ditimbulkan. Wang Baitulmal diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sabah, iaitu bagi negeri-negeri kuasa ini adalah kuasa negeri-negeri. Negeri-negeri ada kuasa di bawah Majlis dan ada bahagian Baitulmal. Di bawah Baitulmal itu ada daripada sumber wakaf, zakat dan lain-lain dan itu kita menganggap sebagai Baitulmal. Di Wilayah Persekutuan ia diuruskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sementara di Sabah ialah Majlis Agama Islam Negeri Sabah.

Yang ketiga, penyalahgunaan wang Baitulmal ini juga saya rasa kena refer, kalau persoalan tadi ialah persoalan Sabah, maknanya di bawah tanggungjawab Sabah bukan tanggungjawab kita di sini, maknanya untuk membuat penyiasatan terhadap penyalahgunaan itu. Sebenarnya wang Baitulmal juga bukan sahaja diberi kepada orang miskin, tetapi juga kepada orang-orang yang ada potensi di dalam bidang-bidang tertentu seperti bidang pelajaran, perniagaan, akademik, NGO jika boleh. Daripada peruntukan misalnya zakat sebagaimana yang kita ketahui. Di Wilayah Persekutuan saya rasa kalau hendak sebut kaya pun tak boleh, maknanya mencukupi daripada pungutan zakatnya di mana pada tahun lepas pungutannya berjumlah RM106 juta telah pun dikumpulkan dan di antara yang terbaik.

Kemudian kita dalam lapan *asnaf* iaitu orang yang boleh diagihkan ataupun pihak yang boleh diagihkan zakat itu kita buat skim-skim lagi *pendetailan*, kita ada 17 skim dalam 8 *asnaf* tadi. Pada tahun lepas saya dapati apabila saya dilantik sebagai Penggerusi Majlis Agama Islam oleh Yang di-Pertuan Agong, maka saya telah melihat pengagihannya tidaklah begitu hebat.

Sepatutnya wang zakat itu perlu hebat dibelanjakan untuk kebajikan orang Islam. Jadi saya minta kepada Pengarah Jabatan Agama dan juga Wilayah Persekutuan dan juga Jabatan Mufti mengadakan beberapa skim lagi, iaitu daripada 17 boleh dipecahkan lagi kepada 20 atau 24 skim lagi supaya pengagihan itu lebih maju lagi sehingga sampai kepada *target* kita, iaitu memperbanyakkan lagi sedapat mungkin dan ini sudah tentulah merangkumi, saya telah mencadangkan di Wilayah Persekutuan supaya ada sumbangan daripada Majlis Agama untuk mengadakan, misalnya *bus stop* ke atau

perhentian kecil tadi ataupun ada *billboard* dan sebagainya untuk mengiklankan, tidak seperti yang disebut, ‘sembahyanglah anda sebelum anda disembahyangkan’ iaitu di masjid.

Pernah terkejut saya di masjid di suatu tempat di Wilayah Persekutuan bila saya pergi dengan Agong, tengok ‘sembahyanglah anda sebelum anda disembahyangkan’ di depan gate besar hendak masuk tu dengan selimut putih terbujur. Jadi seolah-olah menakutkan hendak masuk masjid. Saya minta supaya sepanduk-sepanduk akan dikeluarkan dengan mempunyai bahasa yang sangat bertenaga sesuai dengan Islam Hadhari ini supaya boleh mendidik orang ramai apabila membaca sepanduk-sepanduk ataupun *billboard* yang kita edarkan.

Soal wakaf ini adalah urusan Majlis Agama dan negeri-negeri sebenarnya. Saya suka menyatakan bahawa apabila saya dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjaga bahagian agama selain dari yang biasa seperti JAKIM, JKSN, Tabung Haji dan sebagainya jadi Perdana Menteri telah mencatatkan satu lagi tambahan supaya menubuhkan jabatan baru iaitu Jabatan Wakaf Zakat, satu jabatan baru untuk menyelaraskan. Bukan hendak ambil kuasa negeri-negeri, tetapi hendak menyelaraskan, memberikan pandangan-pandangan yang bernalas kepada negeri-negeri supaya mereka menguruskan dengan baik wang zakat dan sebagainya.

Yang Berhormat Kalabakan juga telah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Tanah Merah.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan zakat, Pusat Pungutan Zakat sebagaimana Yang Berhormat Menteri kata tadi, setiap negeri ada Pusat Pungutan Zakat. Kita tahu bahawa zakat ini memainkan peranan yang amat penting kepada kebajikan khususnya kepada 8 *asnaf* yang disebutkan tadi, dan saya ingin tahu adakah kerajaan bercadang ataupun kementerian telah mengambil tindakan untuk mewujudkan Pusat Pungutan Zakat Negara untuk menyelaraskan bantuan ataupun kebajikan kepada rakyat khususnya orang Islam di dalam negara kita ini, dan saya percaya sekiranya wujud Pusat Pungutan Zakat Negara sudah pasti pengagihan kepada keseluruhan rakyat yang memerlukan bantuan kepada seluruh negara secara adil dan saksama bukan sahaja di negeri

contohnya, di Wilayah di mana pusat pungutannya mencatatkan pungutan yang tertinggi dan lain-lain negeri seperti negeri Kelantan kemungkinan pungutan zakat yang diperolehi adalah rendah. Jika wujudnya Pusat Pungutan Zakat negara ini satu pengagihan yang lebih tepat akan boleh dibuat kepada seluruh asnaf yang telah disebutkan. Sekian, terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih, kita akan bergerak ke arah itu sebenarnya. Terima kasih Yang Berhormat daripada Tanah Merah. Hasrat Perdana Menteri apabila meminta supaya kita menuju Jabatan Wakaf Zakat, tujuannya ialah pada peringkat pertama penyeragaman, sebab ini kena diuruskan dengan cara yang berhikmah, cara yang baik kerana urusan agama adalah urusan negeri-negeri. Yang Berhormat daripada Pasir Puteh selalu sebut *state matter*, maknanya urusan negeri. Kalau negeri yang ada beraja ada raja dan kalau negeri tidak beraja adalah Yang di-Pertua Negeri masing-masing.

Jadi kita akan peringkat permulaan ini ialah untuk memberi idea-idea yang berasas dahulu, kita mengadakan perbincangan demi perbincangan di peringkat pertama, selepas itu kita akan cuba gerakkan, dan idea Pusat Pungutan Zakat (PPZ) ini telah pun berkembang dengan baik iaitu mulanya di Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan dan lain-lain sekarang ini saya dapati satu kenyataan daripada Terengganu sendiri sudah pun ada Pusat Pungutan Zakat dan dapat mengumpulkan RM40 juta sekarang ini, satu perubahan yang sangat menggalakkan dan saya rasa negeri-negeri lain juga ikut keadaan ini,...

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** ....maka saya rasa boleh diuruskan dengan cara yang baik dan kalau ada di peringkat kebangsaan itu adalah lebih baik lagi lah kita akan menuju ke arah itu. Saya sambung semula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kubang Kerian.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Okey silakan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau mengikut perangkaan yang pernah kita baca bahawa kemiskinan tegar ini tidak tinggi, mungkin kurang daripada 5 peratus dalam

negara kita. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kementerian Yang Berhormat memiliki satu *database* untuk mengenal pasti siapa mereka yang benar-benar tergolong dalam kemiskinan tegar ini, khususnya pada saya umat Islam, saya hendak rujuk balik pada Baitulmal tadi.

Kerana kalau kita mengikut perkembangan mutakhir ini terlalu banyak pendedahan yang membuktikan bahawa orang-orang Melayu kita Islam ini yang didedahkan baru-baru ini terpaksa makan siput babi dan ada juga seperti yang diperjelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Yang Berhormat Baling ada soalan kepada beliau tentang ada yang terpaksa melacurkan diri, ada juga anak-anak kita yang tidak dapat belajar kerana masalah kemiskinan. Jadi adakah *database* ini ada dan adakah wang Baitulmal ini sebenarnya dapat mampu dan dapat menghapuskan kalau boleh kemiskinan tegar ini, kalau boleh minta penjelasan.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih daripada Kubang Kerian. Sebenarnya data yang kemas kini saya rasa itu tidak begitu lengkaplah. Saya tengok kalau kemas kini di Terengganu sendiri sebagai contoh, maknanya terpaksa dikemas kini pun perlu kemas kini lagi, terpaksa Menteri Besar sendiri pergi untuk naik motosikal dia hendak pergi kawasan Besut, kawasan sayalah, dia pergi sendiri *check* dan sebenarnya banyak juga data yang diperolehi itu tidak begitu kemas kini.

**Dato' Firdaus bin Harun:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Rembau.

**Dato' Firdaus bin Harun:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya difahamkan Kementerian Luar Bandar dan Kemajuan Wilayah dia ada mempunyai *database* mengenai ketua isi rumah yang miskin di seluruh negara, tapi apa yang menjadi masalah sekarang ialah jabatan-jabatan kerajaan yang sedia ada menggunakan takrif kemiskinan yang agak berbeza, misalnya di bawah Kementerian Luar Bandar yang dikatakan miskin ialah mereka yang berpendapatan isi rumah, RM300 ke bawah bagi satu keluarga lima orang. Miskin tegar setengah daripadanya maknanya RM260.

Tetapi Jabatan Agama menggunakan takrif yang agak berbeza, ada yang RM300 ke bawah, begitu juga Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi saya

mencadangkan kepada pihak kerajaan kalau boleh supaya *database* ini, pangkalan data ini bukan sahaja diselaraskan, dikemaskinikan tetapi juga kalau boleh, maknanya diseragamkan supaya dari segi penentuan bantuan itu ada keseragaman dan dari segi program pembasmian kemiskinan itu juga akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan, jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Okey, saya setuju, kita sebenarnya ada mempunyai masalah dalam penentuan, kadang-kadangnya menurut pejabat agama lain daripada apa yang ada dalam luar bandar ataupun lain daripada *database* yang digunakan oleh Kebajikan Masyarakat dan berbagai-bagi.

Jadi saya rasa dalam pengalaman saya di Wilayah Persekutuan maknanya takrif kemiskinan tegar itu perlu dipertingkatkan, maknanya sudah tentu duduk di Kuala Lumpur dan juga Wilayah-wilayah Persekutuan Petra Jaya dan Labuan saya rasa memerlukan kepada bukan RM500 saya rasa, mungkin lebih lagi daripada itu dan saya ini minta dikemaskinikan nanti. Selain daripada itu, saya rasa kalau ada itu lebih baiklah maknanya untuk kemas kini yang akan dipakai dan jawapan kepada Yang Berhormat Kubang Kerian terhadap zakat kalau saya di Wilayah Persekutuan,...

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** saya sangat optimis boleh banyak menyelesaikan masalah-masalah kemiskinan. Sebab apa, wang yang dibelanjakan daripada RM100 juta, RM100 juta lebih itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Maran.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Boleh saya perhabiskan sedikit sahaja?

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya, sila.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Maknanya RM100 juta itu hampir separuh sahaja pun dibelanjakan. Jadi saya minta supaya dibanyakkan skim-skim lain lagi, sebenarnya banyak lagi di bawah peruntukan Fisabilillah dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Maran sila.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dan

kalau kita perhatikan banyak usaha telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sendiri dalam kita memperkemaskan sistem perundangan ataupun urusan apa jua pengurusan agama ini yang sama ada terlibat di Persekutuan ataupun negeri termasuklah masalah zakat, masalah Baitulmal, masalah wakaf dan sebagainya.

Tetapi semalam dan hari ini kita juga disuarakan oleh beberapa ahli kita yang merasakan agak kurang puas hati dengan pengurusan keseluruhannya, masalah agama ini seperti semalam oleh Kalabakan dan sebagainya dan tadi oleh Tanah Merah terutama zakat dan sebagainya. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Menteri apakah dengan adanya kuasa agama ini walaupun kita tahu dalam perlombagaan kuasa agama ialah terletak pada negeri dan bagi negeri-negeri Wilayah seperti biasalah terletak pada Kerajaan Persekutuan. Saya bukan hendak menyentuh masalah kuasa negeri kerana Raja adalah bertanggungjawab kepada ini.

Minta pandangan Yang Berhormat Menteri apakah dengan adanya kuasa ini dipegang oleh negeri dan bagi kawasan-kawasan atau Wilayah-wilayah Persekutuan dipegang oleh Kerajaan Persekutuan menyebabkan sistem pengurusan undang-undang Islam ataupun apa juga yang berkaitan dengan hal umat Islam agak tidak teratur dan menyebabkan proses yang agak lambat dilaksanakan dan apakah ada cadangan kalau kita memikirkan bahawa ini benar-benar penting bagi umat Islam kerana pada saya sistem zakat, sistem wakaf, Baitulmal dan sebagainya sudah lama ada sejak umat Islam ini ada lagi tetapi malangnya kalau kita lihat pengurusannya masih belum sempurna, bahkan banyak kelemahan yang berlaku dalam sistem perundangan Islam, umpamanya martabat hakim-hakim syarie tidak ada sebenarnya kalau berbanding dengan hakim-hakim lain.

Mereka ini tidak ditempatkan kepada tempat yang tidak sepatutnya, bahkan sepatutnya kita letakkan mereka ini di tempat-tempat yang sungguh tinggi kerana kita tahu bahawa Agama Islam adalah agama yang syamil, yang sempurna. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri apakah ini antara faktor yang menyebabkan tidak tersusunnya sistem pengurusan Islam di negara kita, terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih, saya rasa saya akan fokuskan dalam bahagian yang terakhir nanti terhadap cadangan-cadangan yang telah pun disentuh oleh pembahas-pembahas tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh

Pentadbiran Islam sama ada Jabatan Agama Islam ataupun Mahkamah Syariah maknanya masalah-masalah kekurangan, kelemahan yang perlu diperbetulkan, saya rasa saya dalam penggulungan saya yang akhir mungkin saya akan sentuhkan itu.

Tentang secara segeranya daripada apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Maran itu, iaitu undang-undang Islam lambat, tidak teratur dan sebagainya itu, inilah usaha yang terbaru kita. Sebagaimana yang telah saya sebut tadi boleh di katakan hampir menyeluruh, lima yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja supaya diseragamkan dan mereka boleh dikatakan sangat proaktif untuk menyokong supaya ianya diseragamkan dan dikuatkuasakan.

Jadi, ini adalah langkah sekurang-kurangnya bergerak keadaan ini dan apabila di Wilayah Persekutuan. Sebenarnya Wilayah Persekutuan menyediakan model penyeragaman sebenarnya tetapi mungkin beberapa keadaan tertentu lambat sedikit dianya, agaknya takut hendak bawa masuk dalam Parlimen ini makna orang garang semuanya, hebat-hebat semuanya. Jadi apabila saya masuk, katanya belum bawa masuk lagi lepas itu saya bawa masuk, jadi dapatlah. Saya pun banyak orang dok puji kata orang baik belaka, semuanya alhamdulillah, dia orang puji kata baik. Jadi tolong sayalah untuk menyelesaikan masalah penyeragaman ini.

Dahulu tidak bawa, patut 2001 lagi bawa, 2005 bermakna lama sangat dan negeri lain telah mendahului dan saya telah dimarah oleh menteri-menteri besar. Katanya kenapa tidak bawa Wilayah Persekutuan, you buat model untuk penyeragaman. Jadi tidak apalah, dia marah pun kita terimalah, benda yang baik tidak apa. Macam daripada Kepong jugalah, dia orang baik. Saya sambung semula ada 10 minit lagi.

Daripada ‘Kalabakangan’, Kalabakan sorry, Yang Berhormat Kalabakan, Sabah telah menimbulkan isu yang saya rasa sangat sensitif dan dibicarakan begitu meluas di dalam akhbar-akhbar kita iaitu isu pemberian jarum dan juga kondom secara percuma kepada penagih-penagih dadah dan HIV positif. Jadi ini sangat-sangat hebat perbincangannya yang kita, sudah jadi polemik yang begitu besar. Sebenarnya apabila timbul keadaan itu saya tidak pernah bercakap tentang hal ini, saya tidak mahu lagi timbul masalah. Dalam sudah bermasalah, ya.

Jadi apabila Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri telah meminta saya dengan Kementerian Kesihatan supaya mengumpulkan ulama-ulama yang terdiri daripada mufti-mufti daripada Yang Dipertua Majlis Agama, Pengarah Jabatan Agama, ulama-ulama daripada JAKIM, YADIM, JASA, IKIM dan lain-lain lagi dan juga ulama-ulama NGOs dan sebagainya daripada universiti-universiti, pemikir-pemikir dalam bidang Islam supaya dikumpulkan di PWTC. Dalam sedikit masa lagi kita akan tentukan tarikh untuk Kementerian Kesihatan membuat penjelasan bagaimana keadaan semasa iaitu bahaya dadah di Malaysia ini iaitu penghidap-penghidap HIV positif macam mana, Aids itu macam mana statistik cukup menakutkan. Iaitu dia ada cukup statistik dia akan dedahkan jadi bagaimana hendak menghadapi keadaan begini yang hampir-hampir telah darurat, yang kalau tidak diberi dengan cara kawalan ini maka akan merebak sehingga sampai belanja ini semua sekitar berapa 150,000 ke 150,000,000 begitu.

Kalau dibiarkan dia akan menjadi bertambah perbelanjaannya untuk menjaga mereka, mengawal mereka kepada RM500 juta. Jadi tiada angka-angka yang tertentu saya akan kumpulkan untuk membuat penjelasan selepas itu Kementerian Kesihatan akan mendedahkan keadaan semasa dan selepas itu mungkin kalau perlu daripada Majlis Fatwa ataupun kalau tidak perlu saya rasa yang masalahnya kondom sahaja jarum tidak ada masalah. Tidak ada orang bising sangat, itu sangat jelas. Mungkin tidak berapa banyak guna kondom kot maknanya orang ini, jadi apabila sebut kondom itu dia terus melenting terus maknanya, maknanya jarum itu dia kata tidak ada apalah jarum itu dia hendak itu sahaja. Sebab kondom itu telah pun diberi katanya. Maknanya secara terkawal. Kepada mereka-mereka yang bermasalah tadi dalam kes mereka HIV positif masih juga boleh dikatakan 80% penghidap ini masih aktif dalam seks.

Jadi ini pun bermasalah mungkin kes aninya kepada isteri, kepada anak, implikasi itu. Jadi dalam kes yang tertentu tadi saya rasa makna sangat wajar diberi pendedahan kepada ulama kita. Jadi apabila sebut kondom itu dia terus melenting, nampaklah benda jahat teruk padahal benda baik juga digunakan macam pisau juga. Pisau boleh jadi baik dan boleh jadi jahat. Jadi kondom pun boleh jadi baik dan boleh jadi jahat. Itu tafsiran sayalah tetapi janganlah maknanya perluaskan lagi isu kondom ini, saya hendak kumpul sahaja, tugas saya mengumpulkan sahaja.

Kemudian kita berpindah kepada Pasir Puteh. Pasir Puteh telah bercakap panjang juga, semalam sudah bercakap, pagi ini pun bercakap dan beliau telah pun saya rasa sedikit sebanyak telah membantu kita sebab dia pengalaman dengan JAKIM begitu banyak sebagaimana yang telah disebut, iaitu dia mencadangkan supaya hukuman sebat dilaksanakan di tempat terbuka. Itu saya rasa cadangan ini perlu pada kajianlah. Peruntukan sedia ada dalam Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah, sebatan dilaksanakan di hadapan pegawai perubatan kerajaan di mana-mana tempat sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah atau di suatu tempat yang ditetapkan oleh kerajaan .

Saya rasa itu sudah ada peruntukan-peruntukan itu dan saya rasa ini perlu kajianlah, saya rasa tidak boleh sewenang-wenangnya takut nampak implikasinya nanti dan sebagainya boleh kita fikirkanlah. Jadi saya rasa itu di antara yang dicadangkan. Kemudian daripada Pasir Puteh juga banyak menyebut perkara persoalan-persoalan tentang ikhtilaf di antara UMNO dan PAS saya rasa kita tidak sebutlah, semalam pun sudah terlalu sengit dibicarakan. Sebenarnya bagi saya ikhtilaf boleh dengan meraikan, berbeza pendapat memang digalakkan dalam Islam. Nabi pun sebut [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Makna berbeza pendapat umatku adalah merupakan satu rahmat. Tetapi ini berbeza pendapat dengan meraikan adab-adab berbeza pendapat. Dia ada adab-adab. Jangan apabila sudah berbeza pendapat itu tidak ada adab-adab tidak diraikan, jadi tidak boleh.

Jadi, yang ditegahnya ialah ‘*attafarrukh*’ sebagai mana yang dibicarakan semalam, saya setujulah iaitu berpecah itu tidak boleh iaitu berbeza pendapat masih boleh sekiranya meraikan adab-adab berbeza pendapat. Kemudian selain daripada itu saya rasa saya boleh pergi satu lagi iaitu kepada - pada hari ini saya rasa ini juga penting iaitu dari Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor telah menimbulkan kes Mahkamah Agong pada tahun 1988 iaitu dia tadi cukup dan Ketua Pembangkang juga telah menyebut mengenai sama ada Malaysia adalah suatu negara sekular atau negara Islam.

Kes tersebut ialah kes Che Umar bin Che Sop melawan pendakwa raya iaitu 1988. Iaitu dalam 2 MLJ muka surat 55, kes tersebut ialah kes keputusan Mahkamah Agong yang diadili oleh 5 orang hakim Mahkamah Agong. Keputusan kes tersebut tidak

sekali-kali memutuskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular dan bukan negara Islam. Tidak ada disebut tetapi pagi tadi nampaknya macam terperangkap kawan kita daripada Pasir Putih dengan hujah-hujah yang dikemukakan, kononnya 5 Mahkamah Agong itu telah memutuskan Malaysia sebuah negara sekular, sebenarnya tidak dalam kes tersebut. Kes tersebut, maknanya menyatakan bahawa undang-undang yang terpakai ialah undang-undang sekular, itu sahaja. Ini bermaksud undang-undang yang terpakai di dalam kes ini ialah undang-undang sekular dan ia tidak menyatakan negara ini negara sekular.

Kes tersebut adalah berkaitan dengan kes dadah, peguam tertuduh telah mengemukakan penghujahan bahawa hukuman mati mandatori bagi pengedaran dadah adalah bertentangan dengan Islam, itu hujah dia. Kemudian dan dengan itu hukuman adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3, hujah daripada pihak peguam. Kelima-lima hakim Mahkamah Agong telah menolak penghujahan peguam tersebut dengan itu saya menolak hujah Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Yang Berhormat Ipoh Barat, Ipoh Timor ya, yang menyatakan bahawa kes tersebut iaitu Mahkamah Agong telah memutuskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular. Mahkamah Agong tidak pernah memutuskan bahawa Malaysia adalah negara sekular.

Dan, saya rasa cukup jelas perkara ini, cuma saya mungkin dia tahu dia lebih arif daripada saya, saya bukan pakar undang-undang tetapi mungkin dia ada mempunyai udang di sebalik batu, saya rasa fakta itu dan saya rasa wakil daripada Kepong bersetuju dengan saya. Saya orang baik dan takkan saya hendak ada udang di sebalik batu. *[Ketawa]* Kemudian dalam istilah Pengajian Islam, apabila sebut negara Islam tidak ada masalah. *[Bercakap dalam bahasa Arab]* lanya tidak ada dalam Al-Quran dan dalam sunah. Ini dalam bidang sayalah, kalau tadi saya dia hendak ajak berlawan itu pun saya tidak masuk gelanggang dia. Saya masuk gelanggang saya sahajalah, jadi apa saya rasa apabila dia tarik selalu dia hendak tarik kawasan dia sahaja dalam undang-undang. Saya rasa kita sudah jawab tadi kita ada alasan makna tidak betul apa penghujahan itu.

Dan, dalam al-Quran sendiri pun tidak ada sebenarnya Islamic State ataupun Daulatul Islamiyah, itu adalah pandangan mutaakhirin ulama-ulama, mutakhir sahaja

seperti Rashid Reda dan sebagainya. Yang ada dalam al-Quran saya rasa di antaranya ialah *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* makna negeri yang baik yang dapat keampunan daripada Allah S.W.T., itu yang adanya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, jawapan Yang Berhormat itu bagus perlu dihuraikan. Ada dua kawasan lagi belum menjawab. Yang Berhormat boleh sambung hari Isnin.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Panjang ya. Ok, bagus, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kita ada usul.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Memang betul, jawapan baik, bagus. Sambunglah hari Isnin.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Saya mohon menyokong.

### **UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

#### **PTPTN – PELBAGAI ISU BERBANGKIT**

##### **5.31 ptg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi yang datang sendiri untuk menjawab ucapan penangguhan saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Perbadanan Tabung pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) ditubuhkan, pelbagai isu tentang pembiayaan Pendidikan Pelajar IPT telah berbangkit. Dahulu pelajar menikmati biasiswa, kemudian pinjaman daripada MARA dan JPA. Kini mereka terpaksa membayar *charge perkhidmatan* 4% selain pinjaman mereka. Dalam kata lain kerajaan sudah tidak bersedia untuk membuat pelaburan untuk masa depan warganegara melalui pendidikan percuma.

Masalahnya PTPTN sebagai sebuah agensi kerajaan sedang menghadapi keadaan kewangan yang kritikal. Puncanya kerana tidak mendapat suntikan daripada kerajaan mengikut jumlah yang sepatutnya berdasarkan jumlah pelajar IPT. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mendedahkan jumlah suntikan sebenar kepada PTPTN sejak ini ditubuhkan dan mengapa sekarang ini ia menjadi satu masalah. Kita berasa malu apabila agensi kerajaan memohon pinjaman daripada KWSP untuk membiayai pinjaman pelajar.

Tidak pernah berlaku agensi kerajaan meminjam duit kepada agensi kerajaan yang lain. Sedangkan kita da Perbendaharaan dan Parlimen boleh meluluskan peruntukan tambahan jika diperlukan. Kita sedar bahawa PTPTN kekurangan dana kerana ramai pelajar belum membayarnya tetapi tidak munasabah PTPTN tidak mempunyai perancangan jangka panjang untuk menghadapi hutang lapuk atau kemelesetan ekonomi. Lebih-lebih lagi kebanyakan pinjaman peminjam PTPTN baru bergraduan antara 1-5 tahun sahaja. Kewangan mereka juga belum stabil, jika semua membayar pun berapa sangat kutipan yang boleh dibuat oleh PTPTN berbanding tanggungan, kerana itu apa keadaan sekali pun kerajaan perlu menyuntik wang untuk tempoh paling tidak 20 tahun sehingga PTPTN menjadi satu agensi yang betul-betul

stabil. Kita tidak setuju jika PTPTN mengambil langkah memburu peminjam dalam keadaan kadar pengangguran siswazah yang besar seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kita bersedia jika keadaan ekonomi negara benar-benar stabil dan siswazah mudah mendapat pekerjaan, maka munasabahlah untuk memaksa mereka membayar hutang. Tetapi keadaan yang ada menunjukkan ramai siswazah masih menganggur bukan setakat bayar hutang untuk sara diri pun mereka tidak mampu. Saya juga berasa hairan dasar PTPTN yang sekarang ini tidak lagi memberikan pinjaman kepada pelajar IPTS seperti yang dide dahkan oleh profesor Datuk Dr. Ismail Salleh baru-baru ini.

Kita tahu kebanyakan pelajar bumiputera di IPTS dari kalangan keluarga yang miskin. Mengapa perlu ada diskriminasi terhadap mereka. Bukankah IPTS turut berdaftar dengan kerajaan dan program yang ditawarkan diakreditasi oleh LAN, maka mereka sepertutnya berhak menikmati kemudahan yang sama. Jika kita anaktirikan IPTS, apa pun kita benarkan IPTS dibuka. Kesannya bukan setakat pelajar sahaja, tetapi IPTS juga para pelajar menghadapi masalah meneruskan pengajian kerana tiada pembiayaan. IPTS pula berhadapan dengan masalah *bankrupt* apabila yuran pengajian tidak dibayar.

Kita kesal apabila lebih 200 IPTS menghadapi masalah ke dasar PTPTN yang tidak memberi pinjaman ini. Pada saya PTPTN sepertutnya membiayai semua pelajar yang layak sama ada di IPTA ataupun IPTS sama ada di peringkat Diploma, Ijazah Pertama, atau ijazah Master dan PH.D. Kerajaan tidak boleh melihat peminjam ini suatu perniagaan seperti ceti ataupun along. Tetapi sebagai satu pelaburan jangka panjang untuk pembangunan negara. Masalah kewangan PTPTN mesti ditangani oleh kerajaan bukannya dilepaskan kepada PTPTN untuk mencari sumber sendiri kewangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi.

### 5.35 ptg

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi

Kubang Kerian dimaklumkan bahawa kerajaan memang sedar mengenai tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan pembiayaan pengajian kepada rakyatnya. Dengan sumber kewangan yang sedia ada kerajaan perlu membuat agihan yang saksama bagi memastikan permohonan yang seimbang di dalam semua sektor.

Bagi sektor pendidikan, kerajaan telah menyediakan infrastruktur yang baik serta kemudahan pendidikan percuma di peringkat rendah dan juga menengah. Oleh itu adalah wajar supaya kos pendidikan di peringkat *tertiary* dikongsi bersama oleh kerajaan dengan masyarakat, khususnya dengan ibu bapa dan pelajar. Perkongsian kos ini dilaksanakan menerusi pinjaman mudah yang disediakan oleh kerajaan melalui PTPTN. PTPTN juga menyediakan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Ini kurang ditonjolkan yang merupakan satu *instrument* penabungan bagi membantu ibu bapa yang membuat perancangan awal yang rapi untuk pendidikan masa depan anak-anak mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh yang terdekat ini, SSPN telah pun memberikan lonjakkan kepada orang-orang kampung yang mempunyai pendapatan RM1,200 ke bawah. Sekiranya mereka menyimpan sampai RM10,000 kita cap siling di situ dan kerajaan akan bantu *one-on-one*, dengan izin. Kerajaan akan bagi RM10,000. jadi maknanya jika seseorang ayah yang mempunyai gaji RM1,200 atau kewangan RM1,200 ke bawah apabila sampai masanya anak itu terus mendapat RM20,000 hendak masuk universiti. Untuk makluman ahli Yang Berhormat bagi tempoh 1997 dan 2002, kerajaan telah menyalurkan peruntukan kepada PTPTN dalam bentuk geran sebanyak RM5.3 bilion bagi menampung keperluan pinjaman pendidikan.

Daripada jumlah terbut sebanyak RM4.8 bilion telah dipinjamkan kepada 405,647 penuntut yang terdiri daripada 341,421 ataupun 84.2% penuntut IPTA dan 64,276 atau 12.8% penuntut IPTS. Bagi meningkatkan usaha berdikari dan berdaya saing maka geran kerajaan tersebut tidak diteruskan. Oleh itu mulai tahun 2003 sehingga 31 Mei 2005, PTPTN telah berusaha untuk memantapkan sumber kewangannya melalui pinjaman sebanyak RM5.5 bilion iaitu RM500 juta daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen atau KWAP dan RM5 bilion daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP bagi menampung kesinambungan keperluan

pinjaman pendidikan yang semakin meningkat. Daripada jumlah pinjaman tersebut PTPTN telah menerima RM500 juta daripada KWAP dan RM4.5 bilion daripada KWSP.

Bagi pinjaman sebanyak RM500 juta daripada KWSP akan diterima pula pada bulan Oktober 2005 ini. Daripada sejumlah RM5 bilion pinjaman yang telah diterima itu, sebanyak RM3.5 bilion telah dipinjamkan kepada 239,821 penuntut yang terdiri daripada 185,793 atau 77.5% penuntut IPTA dan 54,028 atau 22.5% penuntut IPTS. Ini bermakna sejak PTPTN ditubuhkan pada 1997 hingga 31 Mei 2005, sebanyak RM8.8 bilion dana pinjaman pengajian telah disediakan dan telah disalurkan sebanyak RM8.5 bilion kepada 645,468 penuntut yang terdiri daripada 527,214 atau 81.6% penuntut IPTA dan 118,254 atau 18.4% penuntut daripada IPTS.

Pinjaman PTPTN ini mempunyai kelebihannya, di mana caj perkhidmatan yang dikenakan kepada pelajar telah dikurangkan daripada 4% kepada 3% mulai 1 Januari 2004. Oleh kerana caj perkhidmatan ini dikira atas baki berkurangan, maka caj tetap sebenar yang dikenakan adalah tidak melebihi 2% setahun, bergantung kepada tempoh masa bayaran balik pinjaman dan merupakan satu kenaan caj tetap dalam kadar yang begitu rendah. Sehingga 31 Mei 2005, PTPTN telah mengutip bayaran balik pinjaman sebanyak RM98 juta berbanding dengan RM405.6 juta yang sepatutnya dikutip mengikut jadual bayaran balik pinjaman yang ditetapkan.

Jumlah bayaran balik yang masih tertunggak adalah sebanyak RM307.6 juta kerana penuntut memohon penangguhan dan penjadualan semula pengecualian bayaran balik kerana memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dan masih belum bekerja. Walaupun demikian, terdapat pinjaman yang telah menjelaskan bayaran pinjamannya lebih awal daripada jadual yang ditetapkan sebanyak RM23.8 juta. Oleh itu, jumlah keseluruhan bayaran balik yang diterima sehingga 31 Mei 2005 adalah sebanyak RM121.8 juta. Sebagai pemberi pinjaman, PTPTN sentiasa berusaha untuk mengambil tindakan sewajarnya untuk mendapatkan balik pinjamannya melalui kaedah-kaedah biasa yang diamalkan oleh agensi pinjaman yang lain.

Di antara tindakan yang diambil itu adalah seperti berikut:

- (i) membuat hebahan mengenai dasar yang mengehendaki peminjam mula membayar balik pinjaman mereka enam bulan selepas tamat pinjaman atau sebaik sahaja mendapat pekerjaan.

Sekarang ini, apa yang saya telah minta pegawai-pegawai saya ialah untuk memberi surat-surat tahniah kepada mereka yang telah berjaya dan selepas itu dituliskan sedikit "jangan lupa membayar hutang PTPTN";

- (ii) menghantar notis arahan bayaran balik kepada setiap peminjam yang telah tamat pengajian sebagaimana peraturan sedia ada;
- (iii) menyediakan kemudahan bayaran balik melalui institusi kewangan yang di antaranya termasuklah Bank Simpanan Nasional;
- (iv) memberi rebet atau pengecualian caj kepada peminjam yang menyelesaikan pembayaran balik lebih awal;
- (v) membenarkan insurans bayaran balik yang lebih rendah pada peringkat permulaan dan meningkat secara progresif sesuai dengan kemampuan pinjaman;
- (vi) menyelaras tempoh bayaran balik berdasarkan jumlah pinjaman tanpa membezakan peminjam IPTA atau IPTS;
- (vii) memberi taklimat kesedaran mengenai keperluan bayaran balik IPTA, IPTS;
- (viii) mengadakan kempen kesedaran dan peringatan untuk bayaran balik; dan
- (ix) mengadakan perkongsian maklumat untuk mengesan peminjam dengan beberapa agensi kerajaan.

Apa yang berlaku sekarang ini ialah apabila seseorang penuntut meminjam dan dia meletakkan alamat rumah mereka, tetapi kalaular misalnya seseorang bapa itu yang mempunyai anak meminjam duit PTPTN ialah seorang askar atau polis, seorang pekerja kerajaan, selepas itu dia pindah, dia pindah kem atau dia pindah tempat dari Kuala Lumpur ke Kelantan misalnya. Jadi oleh kerana itu, dia tidak memberikan alamat terakhir dan selepas itu apabila mereka bergelar graduan, surat dihantar kepada alamat lama, maka *return to sender* berlaku.

Sekiranya tindakan tersebut tidak berkesan, maka langkah terakhir kerajaan adalah melalui pelaksanaan tindakan undang-undang. Sejak April 2004, PTPTN telah

mula mengambil tindakan mahkamah secara berperingkat-peringkat terhadap pinjaman yang dibuat didapati gagal membayar balik pinjaman mengikut jadual dalam tempoh masa yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah. Daripada sejumlah 200 yang meminjam, baki kelompok pertama, didapati seramai 32 peminjam telah dikenal pasti untuk dihadapkan ke mahkamah. PTPTN telah pun memfailkan saman terhadap 14 orang daripadanya dan tindakan yang sama akan diambil terhadap 18 orang lagi dalam tempoh masa yang terdekat.

Mulai usaha-usaha PTPTN, seramai 108 orang peminjam telah pun tampil untuk berunding dan bersetuju untuk mula membayar balik pinjaman. Saya telah mengatakan kepada mereka, kalau misalnya mereka tidak bekerja dan mereka tidak dapat bayar walaupun RM100 sebulan, kita boleh *negotiate* atau berbincang supaya mereka berbayar RM50 sebulan, sampai begitu sekali. Tetapi, apa yang kita hendak “orang memberi, kita merasa, orang berbudi kita berbahasa”. Selepas kita memberikan tali, nafas kepada mereka semasa di universiti, kita harapkan mereka akan tampil ke depan untuk mengucapkan kesyukuran kepada Allah dan kepada kerajaan yang memberikannya.

Jadi oleh itu, PTPTN akan mengambil tindakan susulan dengan menyiarkan nama mereka melalui akhbar tempatan pada 3 April 2005 sebelum kita akan memfailkan saman itu dibuat. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menyedari bahawa keperluan kewangan PTPTN semakin meningkat kerana bilangan penuntut yang memerlukan pinjaman pendidikan semakin bertambah dan mereka juga semakin pandai. Oleh yang demikian, PTPTN perlu meminjam daripada institusi kewangan dan bantuan kerajaan melalui bentuk jaminan kerajaan.

Jadi, berdasarkan unjuran yang dibuat bagi memenuhi keperluan ini dengan mengambil kira keupayaan PTPTN, jumlah kutipan pinjaman yang akan diperolehi dan dengan jumlah penuntut yang layak meminjam dan mampu diuruskan oleh PTPTN iaitu seramai 120,000 sebanyak RM7.5 bilion bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dan sebanyak RM3.5 bilion bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Mengenai dasar PTPTN, saya ingin memaklumkan bahawa terdapat sedikit kekeliruan tentang kenyataan bahawa PTPTN tidak lagi menyediakan pinjaman kepada pelajar IPTS. Kekeliruan tersebut telah diperjelas oleh Yang Berhormat oleh saya

sendiri kepada pegawai-pegawai kanan IPTA, IPTS dan Politeknik pada sesi dialog yang dianjurkan oleh PTPTN pada 21 Jun 2005.

Antara perubahan baru yang diperkenalkan dan dijelaskan dalam sesi tersebut ialah, pertamanya penetapan had umur maksimum untuk mohon pinjaman kepada 45 tahun. Jadi kita harapkan kepada penuntut-penuntut yang ingin belajar lagi, kita hadkan umur sampai 45 tahun. Ke atas itu, kita tidak bagi. Menghadkan pinjaman kepada pelajar IPTS yang mengikuti kursus yang diluluskan, Sijil Perakuan Akreditasi LAN. Kalau misalnya perakuan itu tidak diluluskan, kita tidak bagi. Tetapi, kalau *subject area* yang baru, kita akan bagi tempoh supaya pelajaran itu akan diberi akreditasi. Pemberhentian pinjaman boleh diubah untuk Ijazah Muda Kelas Pertama.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang lagikah Yang Berhormat? Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Sikit lagi. Lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang Yang Berhormat. Boleh pendekkan?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Okey. Jadi sekarang ini, dahulu kita kata siapa yang dapat Ijazah Kelas Pertama dia akan dikecualikan, tetapi apabila IPTS memberi 100 orang Ijazah Pertama, saya pun terperanjat kerana mereka tidak membayar PTPTN. Jadi, oleh kerana itu kerajaan telah memutuskan supaya PTPTN ini akan berikan pinjaman, tidak kiralah jika mereka dapat *First Class Honours*, mereka kena bayar kerana syarat yang pertama ialah pinjaman dan pinjaman kena bayar. Menghadkan pinjaman kepada kursus kritikal di IPTS, ini kita akan kaji dari masa ke semasa, seperti mana kata Yang Berhormat tadi, saya setuju. Kalaulah misalnya kursus-kursus kritikal sahaja yang dibangkitkan, maka ada juga nanti IPTS-IPTS yang gulung tikar. Kita, kerajaan yang prihatin. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow.

## PROSEDUR TUNTUTAN KECIL DI MAHKAMAH

### **5.48 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Prosedur tuntutan kecil diperkenalkan untuk membolehkan mahkamah membantu orang yang ingin membuat tuntutan yang kecil. Encik Ong Lian Chooi yang beralamat di 74E Jalan Siam, Pulau Pinang telah memulakan satu tuntutan di bawah prosedur tuntutan kecil di Mahkamah Majistret Georgetown pada 5 Februari 2002, di mana nombor samannya ialah 77-8-2002-2 untuk menuntut balik wang hutang sebanyak RM3,390 daripada Cik Aisyah binti Shamsudin Ismail. Pada hari pertama kes itu disebut, mahkamah telah memberikan penghakiman ingkar kepada Encik Ong kerana kegagalan defendant untuk menghadiri mahkamah pada tarikh tersebut.

Pada 25 Mac, plaintiff telah mendapati perintah termeterai dari mahkamah, akan tetapi defendant telah gagal, enggan atau mungkir mematuhi perintah mahkamah tersebut. Pada 25 Mac, Encik Ong telah memfailkan notis penghakiman kepada mahkamah dan seterusnya beliau juga memfailkan permintaan mendapatkan *writ* penyitaan dan penjualan kepada mahkamah. Seterusnya beliau telah memfailkan notis permohonan untuk perintah ‘pengkomitan’ terhadap defendant. Pada 30 Oktober tahun 2003, plaintiff telah mendapati perintah pengkomitan terhadap defendant. Waran pengkomitan telah dikeluarkan terhadap defendant.

Pada 28 November, defendant telah ditangkap oleh polis dan dihantar ke mahkamah pada tarikh itu. Majistret telah menghakimi bahawa defendant perlu membayar kepada plaintiff wang sebanyak RM1,700 pada hari tersebut dan bakinya dibayar dalam masa dua bulan. Akan tetapi defendant masih gagal, enggan dan mungkir untuk mematuhi penghakiman pada 28 November 2002 tersebut.

Pada 18 Februari tahun ini, plaintiff telah sekali lagi memfailkan notis permohonan untuk menuntut balik wang hutang sebanyak RM1,690 dan notis permohonan tersebut telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 16 Mac 2005. Akan tetapi sehingga hari ini Encik Ong masih belum diberitahu tentang keputusan mahkamah dan juga beliau masih belum menerima sebarang bayaran.

Jelasnya wujud kelemahan dalam sistem pelaksanaan atas penghakiman, orang yang masih gagal, enggan dan mungkir untuk mematuhi penghakiman masih bebas manakala bagi Encik Ong, ini satu pengalaman yang merunsingkan. Apakah pihak kerajaan akan mengkaji sama ada wujudnya kelemahan dalam sistem yang sedia ada. Dalam kes ini, apakah bantuan yang boleh diberikan untuk mendapat keadilan dalam sistem penghakiman negara ini? Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

#### **5.51 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Yang Berhormat. Notis permohonan untuk Encik Ong Lian Chooi untuk kebenaran memfailkan permohonan untuk mengkomitkan penghutang penghakiman telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 16 Mac 2005 dan pada tarikh tersebut mahkamah telah membenarkan permohonan beliau di bawah Aturan 34, Kaedah 2, Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Prosedur yang perlu dilakukan oleh pemutang penghakiman telah memperolehi perintah tersebut adalah untuk memfailkan satu notis permohonan yang disokong dengan afidavit sokongan berserta perintah penghakiman. Tetapi kegagalan beliau memfailkan notis permohonan tersebut di dalam masa yang ditetapkan akan menyebabkan perintah untuk kebenaran memfailkan permohonan pengkomitan menjadi terbatal.

Di dalam kes ini pemutang penghakiman sehingga ke hari ini masih lagi belum memfailkan permohonan beliau untuk mengkomitkan penghutang penghakiman, sedangkan perintah kebenaran memfailkan permohonan tersebut telah diberikan pada 16 Mac 2005. Justeru, sejajar dengan Aturan 34, Kaedah 3(2), Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, kebenaran tersebut telah terbatal.

Di dalam keadaan ini, apa yang perlu dilakukan oleh pemutang kehakiman adalah untuk memfailkan semula permohonan untuk kebenaran di bawah Aturan 34, Kaedah 2, Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan sebaik sahaja perintah tersebut diperolehi, beliau haruslah memfailkan permohonan untuk pengkomitan di dalam masa 14 hari.

Untuk perhatian Yang Berhormat, Mahkamah Tuntutan Kecil telah ditubuhkan bagi mendengar kes-kes sivil yang amaun tuntutannya tidak melebihi RM5,000 sahaja. Prosedur di Mahkamah Tuntutan Kecil adalah mudah dan telus. Di samping itu, ianya adalah forum yang murah, tidak formal dan cepat bagi menyelesaikan segala tuntutan yang di dalam bidan kuasanya. Atas dasar tersebut, kerajaan tidak merasakan wujudnya kelemahan dalam sistem yang sedia ada. Justeru memerlukan pengkajian semula terhadap sistem tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli Yang Berhormat, kita sudah selesai Ucapan Penangguhan. Dengan yang demikian, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga 11 Julai 2005, hari Isnin, jam 10.00 pagi.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.54 petang.*